

Jilid IV  
Bil. 10

Hari Jumaat  
18hb April, 1986



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**  
*Third Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1437]**

### **USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 1501]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran [Ruangan 1502]**

**Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) [Ruangan 1523]**

**Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) [Ruangan 1537]**

**Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) [Ruangan 1539]**

**Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) [Ruangan 1555]**

**Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan [Ruangan 1564]**

**Rang Undang-undang Paten (Pindaan) [Ruangan 1587]**

**Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan) [Ruangan 1593]**

**Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) [Ruangan 1606]**

**Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) [Ruangan 1613]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEEMPAT**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BENEDICT STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan—Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN NG CHENG KIAT (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH AZIZAH BINTI HAJI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN CHAN CHOONG TAK (Dilantik).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

- Yang Berhormat TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI DATIN JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ PUAN MAZIDAH HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN RAJOO A/L DESARI *alias* GOVINDASAMY (Dilantik).
- „ PUAN HAJJA ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.  
(Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD,  
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pemberita-pemberita:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

---

Jumaat, 18hb April, 1986

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**LPN DAN SUBSIDI  
PADI KEPADA PETANI**

**1. Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) adakah Lembaga Padi Negara memperolehi keuntungan dari operasinya dan jika tidak, apakah punca kerugiannya; dan
- (b) berapakah jumlah subsidi padi yang diberikan kepada golongan petani setahun sehingga tahun 1984.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, LPN adalah sebuah agensi yang bertanggungjawab mewujudkan kestabilan di dalam industri padi dan beras untuk kebajikan pengeluar serta pengguna dan bukan untuk mencari keuntungan. Bagi mencapai objektif ini, LPN membahagikan aktiviti-aktiviti kewangannya kepada 4 program iaitu:

- (i) Khidmat sokongan;
- (ii) Stockpail tempatan;
- (iii) Stockpail Importan; dan
- (iv) Subsidi harga padi.

Program-program Khidmat Sokongan dan Subsidi Harga Padi dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan. Program Stockpail Tempatan (aktiviti membeli, mengilang padi dan menjual beras tempatan) adalah dibiayai dari hasil jualan beras. Jika berlaku kakurangan dalam akaun ini ianya ditampung oleh grant dari Kerajaan. Program Stockpail Importan adalah dibiayai dari hasil jualan beras import.

Aktiviti-aktiviti bagi Program Stockpail Tempatan sentiasa mengalami kerugian. Ini adalah kerana LPN bukan sahaja terpaksa membeli semua padi yang dibawa oleh petani tanpa mengira keadaan, tetapi terpaksa membeli padi jauh lebih banyak dari kapasiti mengilang dan mengeringnya mengakibatkan padi lambat diproses dan mengalami kejatuhan mutu. Tumpuan jumlah padi yang semakin bertambah kepada LPN adalah berikutan dari berkurangnya penglibatan sektor swasta di dalam industri ini. Di samping itu kos pentadbiran LPN juga bertambah dari tahun ke tahun.

Bagi program Stockpail Importan, keuntungan atau kerugian bagi program tersebut adalah bergantung kepada kedudukan harga beras di pasaran dunia. Jika harga beras di pasaran dunia lebih rendah dari harga beras tempatan, maka LPN akan mendapat keuntungan. Sebaliknya jika harga beras di pasaran dunia adalah lebih tinggi dari harga beras tempatan, maka akaun bagi program ini akan mengalami kerugian. Negara ini mengimport antara 15-25% dari keperluan beras negara.

Menjawab soalan (b), jumlah subsidi harga padi yang dibayar kepada petani-petani mengikut tahun mulai tahun 1980 hingga tahun 1984 adalah seperti berikut:

Tahun	Nilai Subsidi Yang Dibayar (\$)
1980	88,071,471
1981	176,784,704
1982	176,631,875
1983	175,266,020
1984	164,203,886

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan yang menjelaskan kedudukan LPN yang sebenarnya. Saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan dalam kiraan hitung panjang dalam setahun berapa banyak LPN membeli padi daripada petani-petani. Satu lagi pada musim hujan pihak swasta enggan membeli padi, jadi LPN sahaja membeli padi. Apakah pandangan pihak LPN di atas perkara swasta yang tidak mahu membeli padi pada musim hujan? Sekiranya LPN tidak wujud berapa banyakkah kerugian sekiranya padi itu tidak mahu dibeli oleh pihak swasta dalam satu tahun?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, anggaran pengeluaran padi keseluruhan ialah 1.6 juta tan, dan LPN pada tahun lalu, tahun 1985, terpaksa membeli lebih kurang hampir 60% daripada jumlah padi yang dikeluarkan. Penglibatan swasta pada akhir-akhir ini adalah berkurangan disebabkan kerana perusahaan beras dengan cara membeli padi didapati keuntungannya tidaklah seberapa baik seperti di masa-masa yang lampau disebabkan oleh adanya kawalan harga beras dan juga penentuan harga-harga padi. Oleh sebab yang demikian banyak kilang-kilang swasta sekarang tidak lagi

melibatkan diri di dalam industri padi dan beras. Oleh sebab yang demikian tanggungjawab itu dipikul oleh pihak LPN.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat mengenai apakah sebenar kerugian sekiranya pihak LPN tidak wujud, maka pada pendapat saya pihak petanilah yang akan mendapat kerugian yang besar kerana tidak adanya LPN, kerana LPN wujud kerana menampung menentukan supaya harga padi yang dijual oleh petani-petani mendapat harga yang berpatutan yang ditentukan oleh Kerajaan supaya dapat juga dengan cara ini menentukan pendapatan mereka tidak rendah daripada paras yang ditentukan.

Kerugian yang sebenarnya tidak dapat saya pastikan tetapi kalau Ahli Yang Berhormat hendakkan jawapannya, saya boleh memberikan dengan secara bertulis.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Soalan tambah, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri, adakah Kerajaan bercadang untuk memberhentikan pemberian subsidi kepada petani?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

## PENGEMIS DI BANDAR-BANDAR BESAR

2. **Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah dan yang akan diambil untuk mengatasi masalah orang-orang terbiar dan kelihatan tidur di kaki-lima di sana-sini di bandar-bandar di Malaysia; adakah pihak Kementerian bercadang menubuh pasukan sukarela terdiri dari orang awam membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam mengatasi masalah tersebut.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang terbiar dan tidur di kaki lima di bandar-bandar besar di negara ini seperti di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru adalah ditakrifkan sebagai pengemis, mengikut Akta Orang Papa, 1977. Memandangkan kepada keadaan yang sedemikian, maka Kementerian saya telah menjalankan serbuan dari masa ke semasa untuk menyelamatkan dan seterusnya menempatkan mereka di Rumah-rumah Seri Kenangan bagi mereka yang berumur lebih daripada 60 tahun atau di Desa Binadiri, Mersing, Johor, bagi mereka yang berumur kurang dari 60 tahun. Di tempat-tempat ini, mereka akan dipulihkan dengan diberikan latihan-latihan yang sesuai supaya mereka dapat pulang ke pangkuan masyarakat tanpa mengemis lagi.

Bersempena dengan Persidangan PATA yang telah berlangsung pada 9hb hingga 16hb April, 1986, satu tindakan besar-besaran bagi seluruh negara yang dinamakan Operasi Mawar telah dilancarkan pada 2hb April dan akan tamat pada 27hb April, 1986 untuk memberkas semua pengemis sama ada pengemis asing ataupun pengemis tempatan. Tindakan yang sama juga diambil terhadap mereka yang terbiar dan tidur di kaki lima.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, mengikut Akta Orang Papa, 1977, hanya Pegawai Kebajikan Masyarakat sahaja yang berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap orang-orang berkenaan. Namun demikian, Kementerian saya sentiasa memerlukan kerjasama daripada orang awam untuk memberi maklumat tentang adanya orang-orang seperti ini supaya tindakan selanjutnya boleh diambil.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menubuhkan satu pasukan sukarela terdiri daripada orang-orang awam, maka Kementerian saya menyerahkan perkara ini kepada masyarakat pada keseluruhannya selaras dengan tema Minggu Kebajikan Negara 1985, iaitu Kebajikan Tanggungjawab Bersama.

#### **OPERATOR TELEFON— MENYALAHGUNAKAN SALURAN TELEFON**

**3. Dato G. Pasamanickam** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa ada pengguna-pengguna mendakwa bahawa ada operator-operator telekom menyalahgunakan saluran telefon orang lain dan bahawa penyalahgunaan itu menyebabkan meter telefon pengguna sentiasa meningkat dan terpaksa menanggung pembayaran bil yang tinggi setiap bulan;
- (b) jika sedar, apakah tindakan yang diambil terhadap mereka.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada pengguna-pengguna telefon mendakwa operator-operator telefon menyalahgunakan saluran telefon orang lain menyebabkan ada pengguna yang terpaksa membayar bil telefon yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tugas seseorang operator telefon cumalah menyambungkan panggilan yang diterima dan penyambungan dibuat hanya setelah ditentukan bahawa panggilan yang diterima itu benar-benar dibuat oleh pelanggan berkenaan. Operator-operator telefon

jua sentiasa diawasi oleh penyelia yang bertugas sepanjang masa. Dengan itu penyalahgunaan talian pengguna-pengguna lain sukar dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah ini, Kementerian saya sekarang sedang melancarkan projek perintis "Itemised Telephone Bill", dengan izin, untuk merekodkan tiap-tiap panggilan yang dibuat oleh tiap-tiap pelanggan.

**Tuan Nasir bin Manap:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, Yang Berhormat sedar operator telefon menggunakan telefon orang lain. Dengan sebab itulah maka timbul orang ramai, bil-bil telefonnya kadang-kadang terdengar hingga lebih \$1,000. Di sini saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidakkah dapat pihak Lembaga Telefon, apabila sesuatu rungutan dari orang ramai dapat menentukan, yang pertama, jumlah yang digunakan dalam negeri. Yang kedua, jumlah yang digunakan di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain dan yang ketiga, jumlah yang digunakan di antara sebuah negeri dengan luar negeri. Jadi, kalau benda ini dapat dilaksanakan oleh pihak Kementerian yang berkenaan maka ketidakpuashatian oleh pengguna-pengguna dapat dihapuskan.

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan sedikit. Saya sedar ada rungutan pelanggan-pelanggan terhadap mengatakan bahawa operator menggunakan line orang lain, berbeza sedikit daripada apa yang difahamkan sebenarnya. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat kemukakan tadi saya jangka dengan adanya sistem "Itemised Bill" itu tadi yang kita sedang lancarkan sebagai projek

perintis itu, Insya Allah akan dapat diselesaikan perkara-perkara yang dicadangkan, memenuhi apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Dato G. Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita gunakan meter untuk bekalan air, elektrik. Begitu juga bolehkah kita gunakan teknik baru, tiap-tiap telefon pakaikan satu meter. Kalau tiap-tiap rumah berapa yang dia pakai, dia sendiri boleh tengok. Orang lain tidak boleh main atas perkara ini. Adakah teknik baru yang boleh digunakan bagi telefon?

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, sudah pernah difikirkan begitu, tetapi setakat hari ini masih belum lagi kita putuskan secara praktikal tentang perkara itu.

**Tuan Chan Choong Tak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jiran saya di Seremban ada juga memberikan pengaduan bahawa bil telefonnya nampaknya berkenaan dengan telefon yang dia tidak gunakan. Bila dia membuat pengaduan kepada pihak Telekom, pihak Telekom memberitahu dia kejadian itu tidak boleh berlaku. Kemudian dia kuncikan telefonnya, disaksikan oleh "Consumers' Association". Beberapa bulan dalam masa ini, bil telefon masih dihantar kepada dia dengan "meter calls". Kemudian dia buat pengaduan juga dan saya bersama-sama dengan dia jumpa pihak Telekom. Pihak Telekom berkata barangkali dia masih ada menggunakan telefon itu. Tetapi pengguna kata, kalau begitu "tape" telefon itu. Telekom kata kalau mahu, mesti buat sepucuk surat. Saya menasihati dia supaya sepucuk surat dibuat. Surat itu juga dibuat, tetapi telefon bil itu masih ada dan baru sahaja telefon dia telah dipotong.

Soalan saya ialah kalau telefon ini masih digunakan oleh sesuatu orang yang tidak dikenali oleh pengguna itu, bolehkah tidak boleh, pihak Telekom memberitahu kepada pengguna ini nombor-nombor telefon yang telah dipanggil kerana pengguna ini, isteri dan suaminya, bersetuju supaya dikeluarkan nombor-nombor telefon yang dipanggilnya.

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak berapa faham sebenarnya soalan tadi.

**Tuan Chan Choong Tak:** Soalan saya, kalau pihak Telekom tidak percaya bahawa telefon ini pada masa itu dikunci, tidak digunakan oleh pengguna, bolehkah pihak Telekom itu memberitahu kepada pengguna dalam masa telefon ini dimeter (metered calls) nombor-nombor telefon yang dipanggil oleh pengguna melalui telefonnya.

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Haji Abu Bakar:** Setakat sekarang ini belum boleh tetapi kalau kita buat jalankan itemised billing dapatlah sepenuhnya. Dalam itemised billing, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil contoh telefon ATUR dia akan menyatakan bila panggilan telefon dibuat sehingga kepada sekian jam, sekian minit, sekian second, nombor yang ditelefon, waktu menggunakan line itu dan akhirnya jumlah bayaran yang dikenakan, kalau mengikut sistem yang dipakai untuk ATUR sekarang. Jadi, sistem yang hendak dijalankan secara perintis bagi permulaan ini ialah sebegini, itemised billing. Kalau itu dapat dijalankan termasuk dalam kawasan tersebut yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, dapatlah kita kenal nombor-nombor yang digunakan atau ditelefon akan dapat diterangkan dalam bil tadi.

## INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI—PENILAIAN KURSUS

**4. Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Pelajaran menyatakan berikutan dari percanggahan pandangan mengenai perbezaan dalam taraf pelajaran tinggi di negara ini, adakah Kerajaan akan menubuhkan sebuah majlis untuk menilai taraf pendidikan setiap institusi pelajaran tinggi tempatan supaya terdapat kesamarataan dalam standard kursus-kursus yang sama supaya ia setaraf dengan institusi-institusi yang menawarkan kursus yang sama di peringkat antarabangsa.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Ng Cheng Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pelajaran belum lagi bercadang untuk menubuhkan sebuah majlis bagi menilai kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi di negara ini. Ini ialah kerana di Kementerian Pelajaran telah pun ada satu bahagian iaitu Bahagian Pelajaran Tinggi yang ada lain berfungsi sebagai urusetia penyelarasan hal-hal universiti dan institusi pengajian tinggi tempatan, terutama dari segi penyelarasan dasar termasuklah perkembangan jangka panjang universiti-universiti, program-program yang dijalankan, projek fizikal, perjawatan, kakitangan akademik, kemasukan pelajar dan sebagainya.

Di peringkat universiti sendiri telah ada sebuah Jawatankuasa iaitu Lembaga Pengajian yang memastikan bahawa setiap kursus yang dijalankan adalah mempunyai perancangan yang teratur dari segi kurikulum, skop pengajian, tenaga pengajar dan sebagainya untuk menjamin standard kursus-kursus tersebut.

## PERJANJIAN PERDAGANGAN DENGAN MALAYSIA—CHINA

5. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan benarkah Republik Rakyat China tidak mematuhi keputusan-keputusan perjanjian perdagangan dengan Malaysia sebagaimana yang telah dipersetujui bersama ketika rombongan Perdana Menteri membuat lawatan rasmi ke China akhir tahun 1985 yang lalu. Apakah sebab-sebab yang terjadi keadaan demikian itu dan apakah langkah-langkah diplomasi untuk memulihkannya telah diambil.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perjanjian perdagangan yang ditandatangani di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China semasa rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat ke negara tersebut pada akhir tahun 1985 yang lalu. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak telah pun mencapai persetujuan dan persefahaman untuk meningkatkan perdagangan secara langsung di antara Malaysia dan Republik Rakyat China.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri berkenaan kerana baru-baru ini ada tersiar bahawa Republik Rakyat China telah memberikan agensi kepada pengusaha di Singapura, sedangkan mengikut persefahaman di antara rombongan-rombongan dagang kita pada bulan Disember, 1985 itu telah mencapai persetujuan untuk mengutamakan kepada pengusaha-pengusaha ataupun agensi-agensi pengedaran daripada Malaysia. Kenapakah terdapat

percanggahan dan seolah-olah pecah janji seperti yang dilaporkan?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah pun saya terangkan tadi ialah berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Wahab tadi mengenai dengan perjanjian perdagangan yang rasmi ataupun "Trade Agreement". Ini memang kita tidak ada tandatangani, tetapi dalam masa lawatan itu pihak Dewan Perniagaan Bersama China-Malaysia (Sino-Malay Chamber of Commerce) telah pun menandatangani satu Memorandum Persefahaman dengan pihak Majlis Perdagangan China di mana inti dalam memorandum tersebut ialah usaha-usaha yang harus dilakukan bagi meningkatkan perdagangan dua hala dan perdagangan secara terus di antara Malaysia dan Republik Rakyat China.

Apa yang telah pun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar dan saya sendiri telah pun membangkitkan perkara ini iaitu tentang adanya siaran di dalam sebuah akhbar tempatan mengenai perlantikan dua buah syarikat di Singapura yang saya ingat salah satu daripadanya ialah dilantik oleh satu badan ataupun satu corporation di Canton yang disebut sebagai Guandong Development Corporation yang telah melantik dua buah syarikat di Singapura untuk menjadi ejen, wakilnya dan serba-serbi mewakili kepentingan Wilayah Guandong dalam urusan perniagaan, teknologi, kajian perlantikan dan sebagainya. Maka oleh sebab itu saya telah pun membangkitkan perkara ini dengan pihak Kedutaan China khasnya Wakil Perdagangan mereka yang ada di sini dan menimbulkan rasa tidak puas hati tentang tindakan yang telah pun diambil oleh pihak berkuasa Wilayah Canton untuk melantik kedua-dua

buah syarikat Singapura dengan tidak mengambil kira semangat memorandum yang telah pun ditandatangani semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Dengan perlantikan itu bermakna urusan-urusan bagi hal ehwal perdagangan dengan Wilayah Canton di mana sebahagian besar perdagangan kita adalah melalui wilayah tersebut, mengikut iklan itu terpaksa melalui Singapura ataupun kedua-dua syarikat Singapura ini. Apabila saya membangkitkan perkara ini, saya telah pun diberikan penjelasan bahawa pihak Kedutaan China tidak mengetahui tentang perkara itu dan langkah telah pun diambil untuk menyiasat dengan pihak ibu pejabat mereka di Beijing dan selepas daripada itu dua minggu mereka telah menyampaikan keputusan bahawa pertamanya iklan itu tidak seharusnya diadakan kerana tidak tepat dengan keadaan yang sebenarnya.

Keadaan yang sebenarnya ialah perlantikan itu dibuat oleh salah satu syarikat yang kecil yang ditubuhkan di Hong Kong dan tidaklah mewakili kepentingan seluruh Wilayah Guandong ataupun Canton dan beliau telah pun memberikan jaminan bahawa perlantikan tersebut tidak seharusnya menjejaskan hubungan perdagangan di antara Malaysia dan juga Republik Rakyat China dan tidak seharusnya kita menggunakan saluran yang disebutkan tadi untuk tujuan mendapatkan agensi dan sebagainya. Jaminan ini telah pun diberi dan kita telah pun menerima jaminan ini juga daripada Pengerusi Majlis Perdagangan China yang baru-baru ini datang melawat ke Malaysia. Oleh sebab itu saya percaya dengan adanya jaminan itu, soal perlantikan agensi di negara ketiga seperti Singapura untuk mewakili kepentingan Malaysia tidak timbul lagi.

## RANCANGAN SUKAN DI TV MALAYSIA

**6. Tuan M. G. Padithan** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada TV Malaysia akan mengadakan saluran berasingan khas untuk rancangan sukan supaya dapat menolong meninggikan mutu sukan negara.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Ng Cheng Kuai):** Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang ada sekarang pihak Kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan satu saluran televisyen khas untuk sukan sahaja, kerana belanja mengadakan satu-satu saluran televisyen adalah amat tinggi. Bagaimanapun Kementerian saya menyedari betapa rancangan-rancangan sukan boleh membantu proses integrasi pelbagai kaum di negara ini. Oleh itu pihak RTM telah pun mengadakan tambahan bagi siaran bahan-bahan sukan baik melalui televisyen mahupun melalui radio, yang diadakan pada tiap-tiap malam menerusi keempat-empat rangkaian utama Radio Malaysia dalam bahasa-bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin dan Tamil.

**Tuan Ng Ah Poi:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah pihak RTM akan memperkenalkan rancangan-rancangan sukan istimewa bagi tahun ini?

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada liputan-liputan biasa bagi sukan, pada tahun ini RTM telah merancang dan akan memperkenalkan program-program sukan istimewa seperti berikut:

- (i) Sukan Malaysia yang akan berlangsung selama satu minggu mulai besok iaitu 19hb hingga 26hb April.
- (ii) Piala Thomas yang akan berlangsung di Jakarta, liputan

siaran langsung pertamanya akan diadakan pada 26hb April, iaitu perlawanan di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China; pada 30hb April perlawanan separuh akhir dan 4hb Mei perlawanan akhir.

- (iii) World Cup yang berlangsung di Mexico bagi tempoh 1hb hingga 30hb Jun tahun ini.
- (iv) Sukan Asia yang akan berlangsung di Seoul pada bulan September.
- (v) League Cup England Final pada 22hb April.
- (vi) Cup Winner 2hb Mei; dan
- (vii) European Cup iaitu Piala Eropah yang akan berlangsung pada 7hb Mei.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya keseluruhan sukan-sukan yang akan disiarkan dan dilebihtambahkan masa itu merupakan sukan-sukan yang berbentuk moden. Apakah pihak RTM akan menerbitkan dan menambahkan masa bagi menyiarkan sukan-sukan tradisional seperti pertandingan gasing, pertandingan wau dan sebagainya pada musim-musim tertentu, kerana di samping kita memperkenalkan sukan-sukan yang jenis sophisticated ini, kita juga akan menghidupkan segi kesenian, kebudayaan dan sukan-sukan tradisional yang telah wujud terdapat di negara ini sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kementerian saya untuk memberikan liputan kepada pertandingan-pertandingan wau atau gasing yang diadakan dari semasa ke semasa. Kalau Yang Berhormat boleh memberitahu Kementerian saya

tentang pertandingan-pertandingan yang mungkin akan dianjurkan oleh beliau sendiri, kita pun boleh memberikan liputan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

**Dato Kamaruzaman bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke-7.

### BAYARAN TOL DI JAMBATAN BULATAN KEPONG

**7. Dato Kamaruzaman bin Ahmad (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian berkenaan telah menetapkan bayaran tol bagi jambatan Bulatan Kepong. Kalau ada berapakah kadarnya sesebuah kereta kecil dan lori; dan
- (b) sedarkah pihak Kementerian bahawa jalan pilihan ke bandaraya pada masa ini adalah terbatas kepada Jalan Ipoh Lama, adakah Kementerian menyedari semakin pesatnya pembangunan di kawasan Selayang ini akan meningkatkan lebih besar masalah lalu lintas ke bandar dan dari bandar, jika ya, apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi menjawab bagi pihak Kementerian Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian telah menetapkan kadar bayaran tol di Jambatan Bulatan Kepong iaitu 50 sen satu perjalanan bagi kereta dan \$1.00 satu perjalanan bagi lori.

Bagi para dua soalan, Kementerian memang mengambil perhatian yang serius tentang masalah kesesakan lalulintas di jalan-jalan masuk ke bandar dan dari bandar Kuala Lumpur khususnya jalan Kuala Lumpur-Ipoh.

Menyedari hakikat bahawa pembangunan yang pesat sedang dirancangan di kawasan Selayang, Kementerian tersebut telah mengambil langkah jangka pendek untuk mengatasi kesesakan lalulintas itu dengan rancangan untuk melebarkan Jalan Ipoh di kawasan Selayang hingga ke Kuala Lumpur kepada jalan berkembar 6 lorong. Walau bagaimanapun, projek ini telah ditangguhkan untuk sementara waktu sehingga keadaan ekonomi negara pulih.

Kementerian tersebut juga ada rancangan jangka panjang bagi mengatasi kesesakan lalulintas di kawasan ini iaitu dengan membina Lebuhraya Utara-Selatan yang melalui kawasan ini.

Bahagian Lebuhraya itu telah dimasukkan dalam skim penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan yang menyambungkan antara bandar-bandar besar yang telah diiklankan di dalam akhbar pada 24hb Februari 1986, baru-baru ini yang mana skim itu dijangka akan dilaksanakan secara keseluruhannya dalam tahun 1990.

### KESET MENCACI PEMIMPIN KERAJAAN

**8. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar dan mengetahui adanya begitu banyak keset-keset mencaci pemimpin-pemimpin dan dasar-dasar Kerajaan dijual di kaki-kaki lima sekarang yang boleh memecah belahkan perpaduan rakyat negara ini. Jika mengetahui dan sedar adanya perkara tersebut apakah

tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi mencegah perkara tersebut daripada berterusan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang mengetahui adanya keset-keset mencaci pemimpin-pemimpin dan dasar Kerajaan yang dijual di kaki-kaki lima. Sejumlah 576 buah keset terdiri daripada 43 tajuk yang dijual di kedai-kedai dan di kaki lima telah dirampas di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Pihak Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji kandungan keset-keset ini untuk menentukan sama ada ianya bertentangan dengan mana-mana peruntukan undang-undang Tindakan tegas mengikut undang-undang akan diambil ke atas penerbit, penjual dan mengedar sekiranya kandungan keset-keset tersebut bertentangan dengan mana-mana peruntukan undang-undang negara ini.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita selalu sahaja mendengar bahawa Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa Kementerian tahu mengenai dengan keset-keset mencaci pemimpin-pemimpin di jalan raya, kalau kita berjalan di Jalan Chow Kit pada tiap-tiap malam masih lagi banyak keset-keset ini yang dipasang begitu berleluasa.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana beliau ialah bertanggungjawab di bawah Kementerianya, berapa banyak yang telah ditangkap dan sudah pun dihadapkan ke mahkamah mengenai dengan keset-keset lucah ini.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tentang bilangannya telah pun saya menjawab

bahawa sebanyak 576 buah keset terdiri daripada 43 tajuk telah pun dirampas dan sekarang masih dalam kajian Kementerian Dalam Negeri kerana pihak Kementerian perlu mengkaji dengan teliti sebelum tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang menerbit, menjual dan mengedar keset-keset tersebut.

Inginlah saya menegaskan di sini bahawa jika terdapat bukti bahawa keset-keset yang telah dirampas melanggar mana-mana peraturan undang-undang baik pun Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1985 ataupun Undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri, pihak Kementerian Dalam Negeri tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan.

**Dato G. Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu keset-keset ini apa bahasanya.

Yang kedua, keset ini datang dari mana, adakah luar negeri atau dalam negeri kita sendiri? Bolehkah dapat dikesan dari suara itu siapakah orangnya, adakah pemimpin-pemimpin dari parti Pembangkang atau parti kita sendiri (*Ketawa*).

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan 576 buah keset yang saya sebutkan tadi yang telah dirampas oleh Kementerian Dalam Negeri kesemuanya adalah dalam Bahasa Kebangsaan, dan sepertimana yang telah saya terangkan tadi masih dalam penyiasatan pihak Kementerian untuk memastikan adakah keset-keset itu diterbitkan oleh penerbit-penerbit yang tercatat namanya di atas keset tersebut dan juga kandungan-kandungannya betul atau tidak, dengan izin, adapted oleh sesiapa lain.

Sebagai contoh saya bolehlah baca satu dua tajuk, umpamanya satu daripada tajuknya ditulis; "UMNO Takut"; "Tanggungjawab Orang Islam"; "Dailog PAS Dengan Bukan Islam"; "Cabaran dan Syarahan"; "Tafsiran Surah Al-Haji" dan berbagai-bagai lagi. Jadi, saya berharaplah kita akan tunggu sedikit masa lagi supaya pihak Kementerian boleh menentukan dengan pastinya untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang mengeluarkan dan mencetak keset-keset itu.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Soalan tambahan. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin tahu adakah boleh pihak Polis bertindak sekiranya keset-keset dipasang menggunakan pembesar suara dan berkumpul beberapa ramai orang-orang mendengarnya tanpa ada permohonan dan kebenaran daripada pihak Polis? Pernah lima atau enam kejadian begini berlaku dan apabila kita minta Polis bertindak, mereka mengatakan oleh kerana ianya hanya keset mereka tidak boleh mengambil tindakan.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, jika terdapat sesiapa sahaja yang menggunakan keset ataupun dengan suaranya sendiri mewujudkan kacau-bilau di kawasan perumahan umpamanya, orang lain bolehlah mengadu kepada pihak Polis dan adalah menjadi tanggungjawab pihak Polis untuk menyasat bagi memastikan perkara, dengan izin, "public nuisance" telah pun dibuktikan boleh melarang orang itu supaya menurunkan suaranya ataupun mengurangkan suara keset yang telah dibunyikan itu. Ini terpulanglah kepada budibicara Polis dan saya percayalah pihak Polis selalunya akan bertindak dengan sempurna dibuat kepada pihak Polis.

**Tuan Harun bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya

ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan berapa lamakah tempoh masa yang perlu diambil oleh pihak yang berkuasa untuk membuat penelitian dan kajian terhadap satu-satu keset seperti itu kerana setahu saya keset-keset seperti ini telah diedarkan semenjak beberapa tahun yang lalu tetapi sampai hari ini pun masih belum ternampak sebarang tindakan. Adakah Kementerian memerlukan masa yang terlalu lama untuk mengkaji satu-satu keset yang diedarkan itu?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini pihak Kementerian telah pun mengambil tindakan terhadap beberapa keset seperti "peristiwa berdarah di Lubuk Merbau" yang mana telah pun diharamkan di bawah Seksyen 22 Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga beberapa keset-keset yang lain. Oleh kerana kita sekarang ini menyasat berkenaan dengan 576 buah keset yang terdiri daripada 43 tajuk maka pihak Kementerian Dalam Negeri iaitu pihak Polis memerlukan masa yang panjang sedikit. Sepertimana yang telah saya terangkan tadi kalau kita bersabar, insya Allah, jika ada bukti pihak Kementerian akan mengambil tindakan.

#### SYARIKAT TAKAFUL— KEGIATAN

**9. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Kewangan menyatakan kegiatan-kegiatan dan kemajuan yang telah dicapai oleh Syarikat Takaful semenjak ianya ditubuhkan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, kegiatan syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd ialah menjalankan perniagaan Takaful Keluarga dan Takaful Am. Dalam Takaful

Keluarga, syarikat ini menawarkan pelan-pelan yang mempunyai tiga jenis tempoh kematangan iaitu 10 tahun, 15 tahun dan 20 tahun. Bagi Takaful Am pula ia sekarang ini menawarkan Takaful Kebakaran, Takaful Kenderaan Motor dan Takaful Kemalangan diri.

Syarikat ini menerima caruman peserta takaful yang dikumpulkan dalam kumpulanwang untuk kegunaan menanggung dan membantu peserta yang ditimpa sesuatu bencana seperti kemalangan, kematian, kehilangan, kemusnahan dan sebagainya dan juga untuk pelaburan dalam aset yang dihalalkan oleh Syariah.

Kemajuan yang dicapai setelah sembilan bulan ia menjalankan perniagaan dari segi peserta dan caruman adalah seperti berikut:

Jumlah peserta: 3,535 orang.

Jumlah caruman: \$1.34 juta.

Syarikat Takaful telah membayar tuntutan kepada peserta Takaful Am (Motor) sebanyak \$14,600. Belum ada tuntutan di bawah Takaful Keluarga.

Syarikat juga telah membuka empat cawangan iaitu di Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan dan Melaka. Dua lagi cawangan akan dibuka di Ipoh dan Alor Star pada bulan Jun 1986. Pembukaan cawangan-cawangan ini dijangka dapat memperluaskan lagi perniagaannya dan memberi taklimat kepada peserta-peserta.

**Tuan D. P. Vijandran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sedikit apakah langkah-langkah yang diambil untuk memberi penerangan kepada masyarakat bukan Islam tentang Syarikat Takaful ini serta melibatkan penyertaan mereka. Kalau sebarang tindakan begitu masih belum diambil, mengapa?

**Dato' Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, memang Syarikat Takaful ini belum lagi membuat satu market strategy yang menyeru orang bukan Islam menyertai Takaful ini. Tetapi setakat ini seramai 20 orang bukan Islam menyertai skim Takaful daripada jumlah 3,535 peserta. Saya berharap orang-orang lain pun menyokong Takaful ini.

### KEMPEN ANTI—DADAH

**10. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan atau kesan setakat ini yang diperolehi sejak kempen Anti-Dadah dilancarkan dan sejak beberapa Rang Undang-undang (Pindaan) pada umumnya kalau dibandingkan dengan negara-negara lain; adakah kejayaan kita memuaskan atau sebaliknya.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sejak kempen Anti Dadah Kebangsaan yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam tahun 1983, beberapa kejayaan telah dapat dikesan dalam usaha mencegah dan mengawal dadah dalam negara. Kejayaan ini dapat ditinjau dalam bidang-bidang pencegahan, memperluaskan kesedaran anggota masyarakat terhadap bahaya dan ancaman dadah serta meningkatkan penglibatan anggota masyarakat dalam usaha-usaha pencegahan dadah.

Dari segi pencegahan kemasukan dadah dalam negara, sejak kempen anti dadah dan pindaan-pindaan ke atas Akta Dadah Berbahaya 1952 yang dibuat dalam tahun 1983 dan 1984 dan juga dengan memperkuatkan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1985, jumlah tangkapan dan tahanan ke atas pengedar-pengedar dadah telah meningkat.

Sebagai contoh, bilangan pengedar dadah yang ditangkap di bawah Seksyen 39 (B) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah seramai 260 orang dalam tahun 1982 dan telah meningkat kepada 363 orang dalam tahun 1983, 462 orang dalam tahun 1984 dan 528 orang dalam tahun 1985. Manakala di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, sehingga kini, seramai 148 orang telah ditangkap, 87 orang diletakkan di bawah tahanan dan seorang di bawah sekatan.

Dari segi rampasan dadah jumlah dadah yang dirampas juga telah meningkat. Umpamanya, jumlah rampasan candu, dalam tahun 1982 adalah hanya 76.95 kg. Jumlah ini telah meningkat kepada 110.73 kg. dalam tahun 1983, 870.93 kg. dalam tahun 1984 dan 758.2 kg. dalam tahun 1985.

Jumlah heroin yang dirampas dalam tahun 1982 ialah sebanyak 21.03 kg. Ini telah meningkat kepada 200.08 kg. dalam tahun 1983, 242.95 kg. dalam tahun 1984 dan turun sedikit kepada 131.01 kg. dalam tahun 1985. Sebanyak 480.63 kg. ganja telah dirampas dalam tahun 1983, 386.73 kg. dalam tahun 1983 dan 1,766.42 kg. dalam tahun 1984 dan 673.01 kg. dalam tahun 1985.

Kesan dari usaha-usaha penguatkuasaan undang-undang ini menjadikan dadah satu benda yang kian sukar untuk didapati dan mahal. Selain daripada itu dadah juga sangat berbahaya untuk diperolehi. Pengurangan bekalan dadah ini juga mengakibatkan dadah heroin yang dijual mempunyai ketulenan yang rendah. Dari segi pengedaran oleh sindikit pengedar dadah antarabangsa pula, mereka mula mengelakkan dari menggunakan negara kita sebagai negara "transit", dengan izin.

Hasil dari kempen dan penerangan kepada orang ramai di pelbagai peringkat telah mula menunjukkan kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat tentang bahaya dan ancaman dadah, serta peranan yang boleh mereka mainkan dalam usaha-usaha pencegahan dadah. Penglibatan kumpulan-kumpulan masyarakat, persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan sukarela dan kebajikan ini amat menggalakkan. Selain dari itu, beberapa sumbangan dari pihak firma swasta juga telah diterima.

Penglibatan sukarelawan-sukarelawan dalam aktiviti pemulihan dan mengintegrasikan bekas-bekas penagih ke dalam masyarakat juga bertambah seperti penglibatan mereka menerusi sektor Rukun Tetangga, Jawatankuasa Pemulihan Dadah Setempat atau Kawasan, Persatuan Belia Setempat, PEMADAM dan lain-lain.

Kesan dari usaha-usaha ini semua ialah supaya masalah dadah, terutamanya penagihan dadah dapat dibendung. Jika ditinjau dari bilangan penagih dadah yang dikesan untuk kali pertama, sejak tahun 1983 hingga sekarang, telah menunjukkan bilangan yang berkurangan. Umpamanya, dalam tahun 1983, jumlah penagih yang dikesan adalah seramai 14,624 orang manakala dalam tahun 1984 adalah seramai 11,915 orang dan dalam tahun 1985 hanya seramai 6,138 orang sahaja.

Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha pencegahan dadah yang lebih agresif sejak pelancaran Kempen Anti Dadah Kebangsaan itu telah mula menunjukkan kejayaan.

Di peringkat antarabangsa, kesungguhan usaha-usaha yang kita jalankan dalam pencegahan dan pengawalan dadah mendapat sanjungan negara-negara asing. Walau bagaimanapun, tidak ada satu unit

pengukur yang khusus untuk membandingkan kejayaan usaha-usaha tertentu dalam mengurangkan bekalan dan permintaan dadah seperti di dalam bidang-bidang penguatkuasaan undang-undang, pencegahan, rawatan dan pemulihan serta perhubungan antarabangsa dan lain-lain. Bagi negara kita, usaha-usaha pencegahan dadah telah kita berikan keutamaan. Pemimpin dan pegawai beberapa buah negara sama ada daripada ASEAN atau di luar ASEAN telah datang untuk melihat dan mengkaji beberapa bidang tindakan anti dadah yang telah kita jalankan seperti dari segi perundangan, rawatan, pemulihan dan pencegahan. Beberapa buah negara maju juga seperti Amerika Syarikat dan Australia dan Agensi Dadah Antarabangsa seperti UNFDAC (United Nations Fund For Drug Abuse control) dan ILO (International Labour Organisation) telah memberi bantuan dalam pelbagai bidang seperti latihan, bekalan peralatan dan lain-lain kerana kesungguhan kita mengendalikan masalah dadah.

**Tuan Haji Mohamed bin Yahya:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan dari Menteri yang berkenaan, sebelum saya mempersoalkan pertanyaan saya ini terlebih dahulu saya ucapkan setinggi tahniah kepada Kerajaan terutamanya kepada Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin tahu setakat ini berapa ramai yang telah ditangkap, iaitu maksud saya gergasi pengedar dadah di dalam negara kita ini?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, amatlah sukar bagi saya menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat itu dengan tepat, kerana kita ada beberapa undang-undang di negara kita untuk mencegah kemasukan dadah ke negara kita dan yang mana kita mengenakan hukuman yang berat. Jika seseorang itu

ditangkap memiliki secara fizikal dadah lebih daripada had yang ditentukan, dia mestilah dibicarakan oleh mahkamah kita dan jika mendapati salah hanya satu hukuman yang menunggunya. Tetapi jika ianya tidak ditangkap memiliki dadah tetapi menjadi sebagai ketua sindikit ataupun sebagai financier, dengan izin, kita boleh menangkap dan menahannya di bawah Akta Dadah (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1985. Jadi, bilangannya di bawah Akta Dadah (langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 semenjak ianya dikuatkuasakan pada 15hb Jun tahun sudah, seperti mana yang saya telah terangkan terdapat 148 orang yang telah ditangkap dan daripada itu hanya 87 orang yang telah diletakkan di bawah tahanan. Ini tidak termasuk mereka yang dibicarakan dan seterusnya didapati salah dan dihukum gantung.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan, selepas kempen anti dadah negara ini telah dilancarkan, tangkapan telah bertambah. Adakah ini bermakna bahawa kempen ini tidak dapat mengurangkan kesalahan jenayah dadah?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kerana bertambahnya bilangan mereka yang ditangkap, ini bermakna bahawa pihak berkuasa iaitu pihak Polis dan Kastam telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih cekap lagi dan telah menghasilkan tangkapan yang begitu banyak seperti mana yang telah saya sebutkan tadi pada tahun 1983—367 orang; pada tahun 1984—462 orang dan pada tahun 1985—528 orang.

Saya percaya pihak Polis dan Kastam akan terus menangkap mereka yang didapati memiliki dadah lebih daripada hadnya untuk

dikemukakan kepada mahkamah untuk dibicarakan.

**Tuan Harun bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian berkenaan sedar bahawa di dalam pusat-pusat pemulihan dadah dan juga di penjara-penjara pun sebahagian dari penagih-penagih ini masih lagi menerima bekalan dadah dari sumber-sumber yang sukar dikesan. Untuk mengatasi kegiatan-kegiatan ini, apakah pihak berkuasa bercadang untuk mengadakan ataupun menempatkan anjing-anjing pengesan dadah sama ada di pusat-pusat pemulihan ataupun di penjara-penjara.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan sedar bahawa terdapat pengedaran dadah di merata tempat di negara kita. Jika terdapat pengedaran di pusat-pusat ataupun di penjara-penjara di negara kita, tindakan yang tegas selalu diambil dan kepada mereka yang terlibat, tindakan tatatertib telah pun diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ada 44 pertanyaan dan hanya 10 pertanyaan telah dikemukakan sampai sekarang. Jadi, tertinggal banyak. Saya benarkan satu lagi pertanyaan mulut yang akan ditanyakan oleh Dato' Dr K. S. Nijhar. Silakan.

#### KILANG MEMASANG KERETA

11. **Dato' Dr K. S. Nijhar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar bahawa menjelang tahun 1995, 8 di antara 11 kilang memasang kereta di Malaysia akan terpaksa ditutup, dan sekiranya benar, apakah implikasinya kepada pemegang-pemegang saham

dan pekerja-pekerja dan selanjutnya nyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan perancangan yang lebih teratur di masa-masa akan datang bagi industri ini dan lain-lain industri.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar bahawa menjelang tahun 1995, di antara 11 Kilang memasang kereta di Malaysia akan terpaksa ditutup.

Mengikut perakuan Pelan Induk Perindustrian, walaupun projek Kereta Nasional dijadikan tumpuan kemajuan industri peralatan pengangkutan jalan, pengalaman serta kepakaran sektor swasta dalam industri ini juga diberi peranan yang penting dari segi pengeluaran komponen-komponen serta kenderaan-kenderaan pasang siap.

Adalah dicadangkan PROTON diberikan keutamaan untuk memenuhi permintaan pasaran kereta sederhana iaitu untuk kenderaan penumpang yang berkeupayaan di antara 1 liter hingga 2 liter. Bagi pemasangan kereta penumpang yang lain, mereka perlu beralih kepada ruang pasaran kenderaan yang lain. Satu program rasionalisasi perlu dilaksanakan supaya bilangan kilang-kilang pemasangan dapat dikurangkan dan akhirnya mungkin hanya tinggal 3 pengeluar kenderaan-kenderaan bermotor termasuk PROTON, masing-masingnya menumpukan pengeluaran untuk ruang pasaran spesifik.

Namun demikian, program rasionalisasi yang dicadangkan mungkin menyebabkan beberapa kilang pemasangan tidak dapat meneruskan operasinya. Beberapa langkah dan galakan telah pun dicadangkan untuk membantu kilang-kilang pemasangan yang terjejas

supaya mengalihkan aktiviti-aktivitinya ke bidang pengeluaran yang lain seperti pembuatan komponen-komponen atau menyusun operasi di antara mereka yang terlibat dengan tujuan menyatupadukan operasi pemasangan beberapa kilang. Galakan-galakan yang dimaksudkan adalah seperti pengurangan cukai, Kredit Cukai Pelaburan, pinjaman yang lebih menarik bagi kemudahan dan peralatan yang baru, kos latihan semula untuk tenaga kerja dan sebagainya. Kesemua galakan-galakan dan bantuan yang dicadangkan adalah untuk menentukan pihak swasta terutamanya kilang-kilang pemasangan yang terlibat dapat meneruskan operasinya sama ada dalam bidang pemasangan ataupun beralih kepada bidang pengeluaran yang lain.

Kerajaan telah pun mengarahkan supaya Unit Perancang Ekonomi menggubal satu rancangan pelaksanaan terhadap Pelan Induk Perindustrian, untuk menentukan program serta perakuan Pelan Induk Perindustrian dapat dilaksanakan dengan sempurna. Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat perlu mengkaji dan mengemaskini segala butir-butir laporan asal dari masa ke semasa dengan bertujuan supaya perakuan dan program pelaksanaan asal dapat diubahsuai supaya menjadi lebih praktik dan sesuai dengan keadaan semasa. Langkah-langkah ini adalah untuk memastikan perancangan yang lebih teratur di masa-masa akan datang bagi industri-industri yang lain pada keseluruhannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tempoh untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 44 adalah diberi di bawah ini).*

### BELIA JUVANA TERLIBAT DENGAN JENAYAH

**12. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapa ramai belia-belia juvana (juvile) yang terlibat dengan jenayah:

- (a) di Pusat-pusat Pemulihan mengikut kaum Melayu, Cina dan India; dan
- (b) dalam seliaan mengikut kaum Melayu, Cina dan India.

**Tuan Jawan anak Empaling:** Jawapan adalah seperti berikut:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, belia-belia yang meningkat umur 10 tahun tetapi di bawah 18 tahun, yang di antara lain, terlibat dalam jenayah adalah tertakluk kepada Akta Mahkamah Juvana, 1947 dan mereka ini adalah ditafsirkan sebagai Juvana. Jumlah bilangan juvana tersebut yang sedang mengikut pemulihan di pusat-pusat atau sekolah-sekolah akhlak di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut:

Melayu .. ..	396 orang
Cina .. ..	118 orang
India .. ..	117 orang
Lain-lain Bangsa	52 orang
<b>JUMLAH ..</b>	<b>683 orang</b>

- (b) Bilangan juvana yang sedang dalam semua jenis seliaan adalah seperti berikut:

Melayu .. ..	1,003 orang
Cina .. ..	565 orang
India .. ..	268 orang
Lain-lain Bangsa	246 orang
<b>JUMLAH ..</b>	<b>2,082 orang</b>

### SAMPAH SARAP— PENGUMPULAN DAN PEMBUANGAN

**13. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan undang-undang dan peraturan yang wujud sekarang terhadap pengumpulan dan pembuangan sampah sarap di negara ini;
- (b) adakah peraturan tersebut dilaksanakan dan dikuatkuasakan sepenuhnya; dan
- (c) jika tidak, apakah cadangan-cadangan serta langkah-langkah yang berkesan yang akan diambil oleh Kementerian beliau bagi memastikan kebersihan negara Malaysia terjamin.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Pertanyaan ini sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab ke atas pihak-pihak Berkuasa Tempatan oleh kerana soal pengumpulan dan pembuangan sampah sarap adalah di bawah bidang kuasa Majlis-Majlis Tempatan yang berkenaan.

Kementerian saya hanya bertanggungjawab ke atas masalah pencemaran dan jika terdapat Majlis-Majlis Tempatan yang melakukan pencemaran maka tindakan akan diambil oleh Kementerian saya ke atas Majlis-Majlis Tempatan yang berkenaan.

### PAJAK GADAI—SISTEM

**14. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar ramai rakyat

berpendapatan kecil telah menjadi mangsa akibat sistem pajak gadai di negara ini kerana ketidakmampuan mereka menebus kembali barang-barang gadaian. Jika sedar, bila Kerajaan akan menghapuskan sistem pajak gadaian yang wujud sekarang dengan memansuhkan Akta Pajak Gadai dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam):** Adalah tidak benar bahawa ramai rakyat berpendapatan rendah telah menjadi mangsa akibat daripada sistem pajak gadai di negara ini. Sistem pajak gadai yang ada sekarang adalah sistem tercepat sekali untuk mendapatkan pinjaman jika dibandingkan dengan institusi-institusi kewangan yang lain. Kemudahan ini telah dapat membantu rakyat yang mengalami masalah kewangan yang amat mendesak. Sistem pajak gadai ini tidak memerlukan cagaran, selain daripada barang-barang kemas yang mereka gadaikan itu.

Mengenai sama ada Kementerian bercadang untuk menghapuskan Sistem Pajak Gadai yang ada sekarang dengan memansuhkan Akta Pajak Gadai 1972, Kementerian saya tidak bercadang untuk memansuhkan Akta Pajak Gadai 1972 dan Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Pindaan) 1982 kerana peruntukan undang-undang yang ada sudah mencukupi untuk mengawal dan mengawasi perjalanan Sistem Pajak Gadai itu.

#### KENDERAAN KERAJAAN— PENYELENGGARAAN

15. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta menteri Kerjaraya menyatakan:

(a) jumlah kenderaan (mengikut jenis-jenis) yang dimiliki dan digunakan oleh Kerajaan;

- (b) jumlah perbelanjaan bagi penyelenggaraan kenderaan berkenaan bagi tahun 1984 dan 1985;
- (c) sama ada Kerajaan bercadang untuk menswastakan kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan berkenaan; dan
- (d) langkah yang diambil bagi pengawasan penggunaan kenderaan supaya dapat digunakan dengan sebaiknya untuk jentera pentadbiran Kerajaan, dan bukan kegunaan peribadi kakitangannya.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):**

- (a) Adalah sukar untuk mendapatkan jumlah kenderaan yang digunakan oleh Kerajaan seluruhnya, tetapi jumlah kenderaan yang digunakan oleh Jabatan Kerjaraya sekarang adalah berjumlah 2,546 buah. Jumlah kenderaan mengikut jenisnya adalah seperti berikut:

<i>Jenis Kenderaan</i>	<i>Bilangan</i>
1. Kereta Kumpulan (Pool Car) .. ..	200
2. Kenderaan ringan dan Van .. .. .	890
3. Lorry Tippers ..	1,066
4. Mobile Water Tanker	34
5. Load Carriers ..	217
6. Lorry Mounted Servicing Unit ..	41
7. Mobile Fuel Tanker	47
8. Cesspool Lorry ..	5
9. Low Loaders ..	31
10. Specialised Loan Carriers .. ..	15
	<hr/>
	2,546
	<hr/>

- (b) Jumlah perbelanjaan penyelenggaraan kenderaan-kenderaan itu bagi tahun 1984 dan 1985 adalah \$6.8 juta setiap tahun.
- (c) Kerajaan sememangnya ada cadangan untuk menswastakan kerja-kerja penyelenggaraan kereta dan jentera-jentera tersebut. Walau bagaimanapun, cadangan ini masih lagi dalam kajian yang mana satu daripada perkara penting yang akan dikaji ialah "viability" cadangan penswastaaan itu.
- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sentiasa mengawasi kenderaan Kerajaan supaya tidak disalahgunakan untuk tujuan peribadi. Setiap kenderaan telah dibekalkan dengan sebuah Buku Log yang mana semua perjalanan akan direkodkan di dalam buku itu dan akan disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa. Segala catatan-catatan di dalam Buku Log akan disemak dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa pada setiap minggu bagi memastikan kenderaan itu digunakan untuk tujuan rasmi.

#### PENCEMARAN UDARA OLEH KENDERAAN

16. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat bas-bas yang mengeluarkan asap hitam menjalankan perkhidmatan di Bandaraya Kuala Lumpur. Jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil oleh pihak penguatkuasa berkenaan bagi mengatasi perkara ini.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Ya, saya sedar. Kementerian saya

memberi perhatian berat terhadap pencemaran udara oleh kenderaan-kenderaan di Bandaraya Kuala Lumpur, khasnya yang bermotor diesel.

Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

1. Jabatan Alam Sekitar telah meningkatkan lagi penguatkuasaan Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977. Satu pasukan penguatkuasaan tambahan telah ditubuhkan di Pejabat Wilayah Tengah Jabatan Alam Sekitar yang menumpukan tindakan di Bandaraya Kuala Lumpur;
2. Satu pasukan peronda Jabatan Alam Sekitar bersama dengan pihak Polis Kuala Lumpur menjalan kegiatan mengecam dan menguji kenderaan bermotor serta mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar peraturan;
3. Sessi-sessi dialog telah diadakan dengan sektor pengangkutan bagi mengetahui masalah mereka dan mendapat kerjasama mengawal pencemaran udara.
4. Skim penyertaan orang ramai membuat aduan mengenai kenderaan yang didapati mengeluarkan asap hitam dengan menggunakan kad aduan yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar; dan
5. Jabatan Alam Sekitar telah melancarkan perkhidmatan ujian asap secara percuma kepada tuan punya dan pemandu kenderaan perkhidmatan awam seperti teksi, bas, lori dan lain-lain lagi termasuk tuan punya kenderaan persendirian.

### KERETAPI PANTAI TIMUR

17. Tuan Harun bin Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan sehingga ini apakah kejayaan yang telah dicapai dalam projek Keretapi Pantai Timur yang melibatkan Terengganu, Kelantan dan Pahang. Bilakah projek itu akan dimulakan dan jumlah kos keseluruhannya dan bila projek itu dijadualkan siap.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Kajian kemungkinan dan kajian Pra-Kejuruteraan Projek keretapi Timur-Barat yang melibatkan Pahang, Terengganu dan Kelantan telah pun siap dijalankan. Mengikut perancangan, pelaksanaan projek ini adalah mengikut beberapa fasa. Di Fasa 1, landasan akan dibina di antara Pelabuhan Kelang, Kuala Lumpur dan Kerteh. Di Fasa 3 pula melibatkan penyambungan landasan dari Kerteh ke Kuala Terengganu dan seterusnya ke Kota Bharu. Jumlah kos bagi keseluruhan projek keretapi Timur-Barat Fasa 1 ialah lebih kurang \$2.4756 ribu juta.

Fasa 1 mengandungi landasan berkembar bertolak standard dari Pelabuhan Kelang ke Bukit Tinggi dan landasan tunggal dari Bukit Tinggi ke Kerteh. Landasan-landasan tersebut dirancang akan menggunakan kuasa letrik dan keretapi penumpang akan dilarikan dengan kelajuan maksimum 160 km sejam dan keretapi barang pula 120 km sejam.

Projek Keretapi Timur-Barat akan menghubungkan bandar-bandar seperti Pelabuhan Kelang, Kuala Lumpur, Bukit Tinggi, Bentong, Temerloh, Kuantan, Kemaman dan Kerteh. Pemilihan laluan berdasarkan "corridor" 10 rantai telah pun selesai dikenalpasti.

Walau bagaimanapun, memandangkan kos pelaksanaan projek ini adalah begitu tinggi dan

dalam keadaan negara yang terjejas dengan kemelesetan ekonomi dunia, Kerajaan masih berusaha menimbangkan pelaksanaan projek ini.

### MEMBACA BUKU—GALAKAN

18. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Pelajaran memandangkan kepada keadaan sekarang di mana ramai pelajar tidak berminat membaca buku adakah Kerajaan mempunyai sebarang langkah untuk menunjukkan tabiat suka membaca buku di kalangan murid-murid semua sekolah.

**Tuan Ng Cheng Kiat:** Kementerian Pelajaran telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan tabiat suka membaca di kalangan murid-murid sekolah. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (1) Mengadakan kempen secara besar-besaran yang diberi nama "Gerakan Membaca".
- (2) Mengadakan "Minggu Buku dan Pesta Buku Malaysia" pada tiap-tiap tahun.
- (3) Memperbaiki kemudahan penyebaran dan pemasaran bahan bacaan dan menjalankan kajian serta tinjauan mengenai minat membaca dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya.
- (4) Memperbaiki kemudahan perpustakaan sekolah dan perpustakaan awam.

### SKIM PELABURAN ASING DAN USAHASAMA

19. Puan Aionon binti Ariffin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapa banyakkah syarikat-syarikat dari luar negeri yang telah mendapat projek-projek

di Malaysia di bawah Skim Pelaburan Asing dan Usahasama, dan berapa banyak pula syarikat-syarikat dari rakyat Malaysia sendiri yang telah mendapat peluang yang sama; dan

- (b) apakah rancangan dan cadangan Kementerian ini bagi jangka pendek dan jangka panjang dalam mengatasi kemerosotan ekonomi terutama dalam lapangan perdagangan dan Perindustrian.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:**

- (a) Dalam tempoh 1980-1985, sejumlah 1,533 projek usahasama di antara warganegara Malaysia dan warganegara asing telah diluluskan dan ini merupakan 45% dari jumlah projek-projek perindustrian yang telah diluluskan oleh Kementerian saya. Ahli Yang Berhormat mungkin ingin tahu bahawa daripada projek-projek usahasama itu, 1,145 atau 74.7% adalah projek usahasama dengan majoriti ekuiti warganegara Malaysia, 346 atau 22.6% dengan majoriti ekuiti warganegara asing dan 42 atau 2.7% dengan kepunyaan bersama. Berkenaan dengan projek-projek kepunyaan warganegara Malaysia sepenuhnya, Kementerian saya telah meluluskan sejumlah 1,697 untuk tempoh yang sama.
- (b) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah segera dan jangka panjang untuk mengatasi kesan-kesan buruk daripada kemelesetan ekonomi dunia. Tabong Pelaburan Baru sebanyak \$1 billion telah dilancarkan bagi menyediakan pembiayaan yang lebih murah

bagi pembangunan yang lebih cepat dalam sektor pertanian, perindustrian dan pelancungan. Untuk mengurangkan keadaan mudah tunai (liquidity) yang ketat di negara ini keperluan simpan berkanun (statutory reserve requirement) dan keperluan mudah tunai "liquidity requirements" bank-bank perdagangan dan lain-lain Institusi Kewangan telah dikurangkan untuk menyalor lebih wang ke dalam sistem kewangan, untuk memastikan penambahan kemudahan untuk mendapatkan kredit bagi pengeksporth barang-barang perkilangan, Kerajaan telah juga melonggarkan kemudahan Skim Kredit Pembiayaan Semula Eksport. Seperti terkandung dalam Belanjawan 1986, galakan-galakan baru telah diperkenalkan dan yang sedia ada telah dikaji semula supaya ianya lebih menarik bagi pelaburan dalam sektor pertanian, perindustrian dan pelancungan. Polisi ekuiti telah dikaji semula dan dilonggarkan supaya pelabur-pelabur asing dapat memegang ekuiti yang lebih besar, dan juga memegang majoriti hakmilik ekuiti asing dalam bidang-bidang yang dahulunya tidak dibenarkan. Perubahan ke atas beberapa syarat dan peraturan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 telah diperkenalkan bagi mewujudkan iklim pelaburan yang positif di negara ini. Kadar-kadar teleks dan telefon antarabangsa dari Malaysia ke seberang laut telah juga dikurangkan untuk memajukan perdagangan dan memberi bantuan kepada para pelabur di sektor perindustrian. Untuk mengurangkan kos operasi sektor-sektor perindustrian

Lembaga Letrik Negara telah juga mengurangkan kadar tarif untuk semua pengguna di sektor-sektor perdagangan, perindustrian dan perlombongan.

### KEBAJIKAN BURUH/PEKERJA

**20. Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said** minta Menteri Buruh menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil mengenai kenyataan yang menyebut bahawa Akta Pekerja tidak menekan persoalan kebajikan buruh dan pekerja apabila diberhentikan kerja oleh majikan telah memberhentikan pekerja tanpa memberi ganjaran yang sewajarnya disebabkan kelonggaran yang wujud di dalam Akta tersebut.

**Menteri Buruh (Dato Lee Kim Sai):** Pada keseluruhannya tidak boleh dikatakan bahawa Akta Kerja 1955 tidak mengutamakan soal kebajikan buruh dan pekerja. Disebaliknya tujuan utama Akta tersebut ialah untuk melindungi hak dan kepentingan pekerja semasa bekerja dan juga apabila mereka ditamatkan pekerjaan dalam keadaan tertentu. Dengan menyedari bahawa sesuatu perundangan sosial harus diperseimbangkan dengan perkembangan dan peredaran masa, maka Kementerian saya sedang membuat kajian untuk meminda Akta Kerja 1955 secara komprehensif. Namun demikian ini tidaklah bermakna ujudnya kelonggaran dalam Akta tersebut.

Tindakan dinafikan bahawa terdapat sebilangan kecil majikan-majikan yang mengabaikan kewajipan dan tanggungjawab mereka dalam membayar faedah-faedah di bawah peruntukan-peruntukan Akta Kerja 1955. Sehubungan dengan ini, Kementerian saya melalui Jabatan Buruh akan terus bertindak bagi

menentukan semua pembayaran dan faedah-faedah yang ditentukan di bawah Akta tersebut di bayar dengan sewajarnya.

### FIRMA PINJAMAN WANG TANPA LESEN

**21. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah didapati firma pinjaman wang berniaga tanpa lesen, kalau ada, berapa banyak firma tersebut dan berapa banyak pula yang telah diambil tindakan.

**Dato' Oo Gin Sun:** Sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa firma pinjaman wang tanpa lesen ialah syarikat-syarikat yang menerima simpanan tanpa lesen, terdapat beberapa syarikat, terutamanya syarikat-syarikat kredit dan sewapajak, yang disyaki menjalankan aktiviti menerima simpanan secara haram dengan melanggar Sesyen 3, Akta Syarikat Kewangan 1969. Setakat ini terdapat beberapa aduan yang dibuat terhadap lebih daripada 30 buah syarikat-syarikat, disamping kumpulan syarikat-syarikat Setia Timor yang disyaki terlibat di dalam aktiviti simpanan secara haram. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak polis, bersama-sama dengan pegawai-pegawai Bank Negara telah menjalankan serbuan ke atas beberapa buah syarikat yang disyaki menjalankan aktiviti menerima simpanan bagi mengumpulkan bukti terhadap pelanggaran Akta Syarikat Kewangan, 1969, dan untuk membolehkan pendakwaan terhadap mereka-mereka yang bersalah. Mengikut seksyen 3, Akta Syarikat Kewangan, 1969, sesiapa yang didapati menjalankan aktiviti menerima simpanan dengan secara haram boleh dikenakan denda maksimum sebanyak \$20,000 atau

dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun, ataupun keduanya sekali.

Orang ramai sepatutnya sedar bahawa mereka-mereka yang ingin mendapatkan kadar faedah yang tinggi dengan menyimpan wang mereka dalam syarikat-syarikat yang tidak dikawal dan yang menjalankan kegiatan menerima simpanan secara haram, adalah berbuat demikian dengan risiko sendiri. Mereka sepatutnya memahami bahawa simpanan-simpanan dengan sistem bank di bawah pengawalan Bank Negara iaitu bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar yang berlesen, adalah selamat dan terjamin. Undang-undang telah memperuntukkan pemberian perlindungan yang mencukupi kepada penyimpan-penyimpan dalam sistem bank, termasuk kemudahan peminjaman terakhir di Bank Negara serta siasatan dan pengawasan yang teratur ke atas institusi-institusi di bawah jagaannya.

#### ANCAMAN LANUN DI PANTAI TIMUR

**22. Tuan D. P. Vijandran** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil terhadap ancaman lanun di perairan pantai Kelantan dan Terengganu.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Polis Merin sentiasa memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna laluan di laut dengan membuat rondaan berterusan oleh bot-bot ronda di kawasan-kawasan sensitif termasuk di Pantai Timur.

Langkah-langkah pengawalan yang berkesan telah diambil seperti berikut:

- (i) Meningkatkan penugasan rondaan dan sekatan laut dan serbuan oleh bot-bot PZ/PX

dan bot-bot ronda kecil jenis lain di kawasan strategik dan sensitif;

- (ii) Melaksanakan strategi-strategi operasi khas di kawasan yang difikirkan sensitif mengikut keperluan semasa;
- (iii) Penggunaan pesawat unit udara PDRM untuk mengesan dan melapor balik maklumat-maklumat kejadian pence-robohan/melanggar undang-undang kepada bot-bot ronda bertugas; dan
- (iv) Mengadakan rondaan berkoordinasi dengan TLDM dalam mana Polis Merin meronda di MTW dan TLDM di ZEE. Konsep rondaan ini dijalankan terutamanya di Perairan Pantai Timur.

#### HARGA BARANG-BARANG UTAMA—KEJATUHAN

**23. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah benar bahawa kejatuhan harga barang-barang utama seperti kelapa sawit, minyak, getah dan bijih timah adalah disebabkan tekanan kuasa-kuasa luar untuk menjatuhkan ekonomi negara. Jika benar, apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Mengenai kejatuhan harga barangan utama seperti kelapa sawit, getah dan bijih timah sebenarnya harga barangan utama tersebut adalah ditentukan oleh faktor-faktor bekalan dan permintaan dunia.

Bagi kelapa sawit, kejatuhan harga minyak kelapa sawit adalah disebabkan oleh pertambahan pengeluaran bukan sahaja minyak kelapa sawit tetapi juga pengeluaran minyak sayuran dan lemak dunia yang

lain pada dua tahun yang kebelakangan ini yang menyebabkan lebih bekalan.

Bagi getah asli, bekalan yang berlebihan berbanding dengan pertumbuhan permintaan getah asli yang lembab serta amalan perdagangan yang dilakukan oleh negara pengeluar getah asli yang lain seperti pemberian diskaun yang besar dan kredit yang "concessionary" telah melembabkan lagi harga getah.

Bagi bijih timah, bekalan adalah dianggarkan berlebihan pada keseluruhannya sebanyak 110,000 tonne masa kini oleh kerana pertambahan pengeluaran terutamanya dari negara-negara bukan ahli Majlis Timah Antarabangsa (ITC) iaitu Brazil dan China dan pembukaan lombong timah oleh negara-negara pengguna ITC iaitu UK dan Kanada. Dengan penggunaan timah dunia tidak meningkat khasnya dalam industri plat timah dan peteri di negara-negara pengguna serta terdapatnya penggantian di dalam beberapa bidang penggunaan, harga timah telah merosot khasnya selepas pihak ITC gagal untuk menahan harga lantainya. Di samping itu penjualan timah dan stokpail strategik Amerika Syarikat dan aktiviti-aktiviti penyeludupan yang berterusan juga menjejaskan harga getah.

#### TELEKOM—PENSWASTAAN

**24. Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bagaimanakah proses penswastan Telekom dan nisbah pembahagian saham di antara pelbagai kaum dalam Syarikat Telekom Malaysia.

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar:** Penswastan Jabatan Telekom akan dilakukan melalui

penubuhan Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STMB) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan pada peringkat permulaan C. Dengan itu masalah nisbah pembahagian saham mengikut kaum tidaklah berbangkit.

#### RUMAH HARAM DI TANAH KERETAPI TANAH MELAYU

**25. Tuan Kuan Peng Soon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah telah diambil untuk mencegah kemunculan rumah-rumah haram di atas tanah terbiar Keretapi Tanah Melayu dan sama ada pihak Keretapi Tanah Melayu mempunyai rancangan untuk memaju tanah berkenaan.

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Keretapi Tanah Melayu sentiasa mengawasi pertumbuhan setinggian di atas tanah rezab KTM. Rumah-rumah setinggian yang baru didirikan dan masih di dalam binaan akan dirobohkan.

Tanah yang dikatakan terbiar adalah di sebelah landasan dan adalah diperlukan untuk projek pembinaan landasan "standard gauge" dan landasan berkembar di masa akan datang. Kesemua tanah KTM adalah dikehendaki untuk permodenan dan perkembangan aktiviti-aktiviti perusahaan perkeretapian di negara ini.

#### PENAGIH DADAH YANG DITAHAN

**26. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai mereka yang menagih dadah yang ditahan di Pusat Pemulihan seluruh negara, dan berapa banyak Kerajaan mengeluarkan belanja untuk memulihkan setiap orang;

- (b) berapa banyak derma dan sumbangan pihak swasta dan orang ramai kepada Pusat Pemulihan Dadah di seluruh negara; dan
- (c) sehingga Februari 86 berapa ramai mereka yang ditahan melarikan diri dari Pusat Pemulihan di seluruh negara.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:**

- (a) Pada akhir bulan Februari 1986 ada seramai 1,769 orang penagih dadah yang sedang ditahan untuk menjalani pemulihan ditujuh buah Pusat Pemulihan Dadah Kerajaan di seluruh negara.

Kerajaan membelanjakan sebanyak \$333.33 sen sebulan untuk memulihkan seorang penagih dadah di Pusat Pemulihan. Perbelanjaan ini termasuk bayaran gaji pegawai dan kakitangan Pusat.

- (b) Derma wang yang telah diberi oleh pihak swasta dan orang ramai kepada Pusat-pusat Pemulihan Dadah dari tahun 1983 sehingga akhir bulan Mac 1986 ialah seperti berikut:

Derma dari pihak swasta sebanyak \$13,000

Derma dari orang ramai sebanyak \$1,300

Sumbangan benda-benda/ barang-barang yang telah diberi oleh pihak swasta dan orang ramai kepada Pusat-pusat Pemulihan Dadah bagi tempoh yang sama ialah seperti berikut:

Sumbangan benda-benda/ barang-barang dari pihak swasta adalah bernilai \$38,650

Sumbangan benda-benda/ barang-barang dari orang ramai adalah bernilai \$14,350

- (c) Dari tahun 1983 sehingga akhir bulan Februari 1986 seramai 1,399 orang penagih dadah telah melarikan diri dari Pusat-pusat Pemulihan Dadah di seluruh negara.

**BANK PEMBANGUNAN—FUNGSI**

**27. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan keberkesanan fungsi Bank Pembangunan di dalam membantu kontraktor-kontraktor tempatan di bidang sewapajak jentera berat serta apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki perkhidmatan ini dan memperluaskan ia ke seluruh negara.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Matlamat skim sewa loji yang dilaksanakan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) ialah untuk menambah penyertaan dan mempertingkatkan prestasi kontraktor-kontraktor Bumiputera dalam sektor pembinaan. Ini dilaksanakan melalui penyewaan jentera-jentera berat pembinaan yang bersesuaian dengan pemandunya sekali seperti jentolak, traktor, backhoe loader, wheel loader/shovel dan lain-lain lagi. Di samping itu, BPMB juga mengenakan syarat-syarat yang minima bagi membolehkan kontraktor-kontraktor Bumiputera memperolehi faedah yang maksima apabila menggunakan perkhidmatan Skim Sewa Loji ini.

Untuk memberikan perkhidmatan yang berkesan, Bahagian Sewa Loji BPMB mempunyai enam buah depot untuk mengendalikan urusan sewa loji ini. Depot-depot tersebut terletak di Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan, Alor Setar, Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Melalui depot-depot ini, jentera-jentera berat boleh dibawa terus ke kawasan tapak kerja binaan dengan kadar sewa yang berpatutan

iaitu di antara \$140 hingga \$480 sehari bergantung kepada jenis jentera yang disewa.

Berkaitan dengan keberkesanan Skim ini, sukalah saya memaklumkan bahawa semenjak skim ini dilancarkan pada bulan September 1981 hingga Februari 1986, seramai 3,074 kontraktor Bumiputera telah menggunakan perkhidmatan ini sebanyak 4,888 kali sewaan.

Beberapa rancangan untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan Skim Sewa Loji kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera sedang dan akan dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Membantu Bumiputera mendapatkan kerja-kerja kontrak terutama kontrak terbuka dan kerja dari pihak swasta yang lazimnya Bumiputera tidak dapat bersaing.
- (ii) Memberi latihan pengurusan projek secara amali (praktikal) di tapak kerja binaan.
- (iii) Menggabungkan beberapa kontraktor Bumiputera untuk mendapatkan kerja-kerja besar dengan bantuan skim ini.

Pada masa sekarang BPMB tidak akan menambah depotnya hingga keadaan sektor pembinaan bertambah baik. Walau bagaimanapun sekim ini berkebolehan untuk memberi perkhidmatan di mana sahaja di Semenanjung Malaysia dengan pasukan gerak cepatnya.

#### PROTON SAGA—JUALAN

**28. Tuan Hassan bin Nam** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah kereta Proton Saga yang telah dijual dari mula dipasarkan dilancar pada 1 September 1985 hingga Januari 1986;

(b) ke berapa buah negara luar kereta Proton Saga telah dipasar setakat ini dan berapa buah jumlah bilangannya; dan

(c) banyak Jabatan dan agensi Kerajaan yang telah memberi dan menggunakan Kereta Proton Saga sebagai Kereta Rasmi Jabatan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Saya telah menjawab pertanyaan ini bersama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Tuan A. Shaik Dawood pada 15 April 1986. Saya tidak mempunyai apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

#### PENDATANG HARAM VIETNAM

**29. Tuan Harun bin Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan, jumlah pendatang haram Vietnam yang dipindahkan ke negara ketiga dari Kem Pulau Bidong dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, dan jumlah yang masih berada di kem tersebut. Nyatakan juga pendatang baru dalam tempoh yang sama.

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Dari awal bulan Januari hingga akhir bulan Mac tahun ini, seramai 1,187 orang pendatang haram Vietnam telah mendarat di Malaysia dan seramai 1,764 orang telah dipindah ke negara ketiga. Pada 31hb Mac, 1986 seramai 7,926 orang pendatang haram Vietnam berada di Malaysia.

#### MELAWAT CHINA—PROSEDUR

**30. Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) pada masa ini, apakah syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh rakyat Malaysia baru mereka dibenarkan melawat ke negeri Republik Rakyat China (RRC);

- (b) bagi mereka yang akan mencari peluang perniagaan di Negeri RRC, adakah mereka diberi pertimbangan yang khas; dan
- (c) mengapa Kerajaan Malaysia membenarkan rakyatnya melawat ke SSR (Russia) tetapi tidak membenarkan mereka ke RRC secara bebas.

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:**

(a) Warganegara Malaysia yang ingin melawat Republik Rakyat China adalah dikehendaki mematuhi prosedur berikut:

- (i) Mereka hendaklah membuat permohonan rasmi kepada Ketua Pengarah Imijeresen atau mana-mana Pejabat Imijeresen Negeri yang berhampiran dengan pemohon;
- (ii) Permohonan hendaklah dibuat melalui Borang E1 yang boleh didapati dengan percuma dari Ibu Pejabat Imijeresen di Kuala Lumpur atau di Pejabat-pejabat Imijeresen Negeri di seluruh Malaysia.
- (iii) Pemohon hendaklah hadir untuk ditemuduga oleh pegawai-pegawai Jabatan Imijeresen bagi memberikan maklumat tambahan yang diperlukan sebelum permohonan dipertimbangkan oleh Jabatan tersebut.
- (iv) Semua pemohon yang berjaya dikehendaki hadir di Pejabat Imijeresen yang ditetapkan, untuk mendapatkan endosmen Cop Khas di dalam passport mereka, iaitu kebenaran

rasmi untuk melawat Republik Rakyat China.

- (v) Warganegara Malaysia tidak dibenarkan membuat lawatan ke Republik Rakyat China sebelum Cop Khas ini diendoskan di dalam passport mereka.
  - (vi) Mereka yang diluluskan Cop Khas ini hanya dibenarkan melawat Republik Rakyat China dalam tempuh yang dinyatakan di dalam Cop Khas berkenaan.
- (b) Bagi warganegara Malaysia yang ingin membuat lawatan ke Republik Rakyat China untuk tujuan ekonomi/perdagangan, permohonan hendaklah dibuat kepada Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, melalui Borang Khas yang boleh didapati dengan percuma daripada Kementerian-kementerian berkenaan. Pertimbangan akan hanya diberi kepada permohonan atau faedah ekonomi kepada negara, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Soalan (c) ini sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Luar Negeri kerana ianya menyentuh soal Dasar Luar Negeri Malaysia. Bagaimanapun, bolehlah saya nyatakan dengan ringkas di sini bahawa perbezaan peraturan bagi warganegara Malaysia yang ingin melawat Russia dan Republik Rakyat China adalah disebabkan oleh perbezaan Dasar Luar Negeri Malaysia mengenai hubungan dengan kedua-dua negara berkenaan. Disebabkan oleh perbezaan itu, maka peraturan lawatan

warganegara Malaysia ke negara-negara tersebut juga berbeza.

### JABATAN NACIWID

**31. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Perdana Menteri menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan jabatan-jabatan NACIWID di setiap negeri bagi membantu perjalanan pertubuhan-pertubuhan Wanita di negara kita.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed):** Kerajaan pada masa ini, tidak bercadang untuk mewujudkan Jabatan NACIWID di setiap negeri kerana NACIWID sebagai sebuah Badan Penasihat sememangnya bekerjasama rapat dengan pertubuhan-pertubuhan wanita di peringkat negeri.

### UNIT PASUKAN PERONDA BERKOMPUTER

**32. Dato G. Pasamanickam** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada unit Pasukan Peronda Lebuhraya dibekalkan dengan alat tentang berkomputer bagi mengesan kenderaan yang membawa muatan melebihi had yang ditetapkan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Pasukan Peronda tidak dibekalkan dengan alat timbang berkomputer bagi mengesan kenderaan yang membawa muatan melebihi had yang ditetapkan. Walau bagaimanapun unit ini dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis telah mengambil tindakan menahan kenderaan-kenderaan yang disyaki melebihi had muatan dan dibawa ke alat timbang

Balai Polis yang berdekatan untuk diambil tindakan selanjutnya.

Kementerian saya juga sedang merancang untuk memasang alat-alat timbang di beberapa tempat di Lebuhraya-lebuhraya. Kawasan yang akan diletakkan alat timbang itu telah pun dikenalpasti dan akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi. Dengan adanya alat timbang di tepi Lebuhraya-lebuhraya kenderaan yang disyaki melebihi muatan akan diminta memasuki lorong khas untuk ditimbang.

Cara ini akan lebih berkesan dalam menguatkuasakan lori yang membawa lebih muatan dan juga lebih lancar kerana pemandu-pemandu tidak perlu pergi ke Balai Polis yang mungkin agak jauh dari tempat sekatan jalan.

### KOS PENGHIDUPAN

**33. Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian bahawa ekoran daripada keadaan yang terdapat sekarang di mana kos penghidupan atau "cost of living" telah meningkat naik adakah Kerajaan mengambil sebarang langkah untuk membantu orang ramai terutamanya dari golongan berpendapatan rendah memperolehi barang-barang yang penting dengan kos rendah.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Jawapan bagi soalan ini telah pun dijawab bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Sri Janaki Athi Nahappan juga pada 14hb April, 1986.

### INDUSTRI PERIKANAN

**34. Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dianggotai

oleh wakil-wakil dari industri perikanan demi mengkaji semula Akta Perikanan 1985, khususnya peruntukan-peruntukan yang didapati menyekat proses pembangunan industri ini.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Kementerian Pertanian tidak akan mengkaji semula Akta Perikanan 1985. Sebenarnya Akta Perikanan 1985 telah pun dikaji dengan teliti oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada agensi-agensi yang berkaitan sejak tahun 1974. Selain daripada itu 3 orang pakar-pakar perundangan perikanan dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah dijemput untuk mengkaji akta ini sebelum Akta ini dibentangkan di Parlimen pada tahun 1985. Bolehlah dikatakan Akta Perikanan 1985 ini telah dikaji dengan teliti selama 10 tahun.

Pada amnya Akta Perikanan 1985 adalah satu Akta yang baik dan telah digubal untuk tujuan-tujuan tertentu iaitu:

- (a) Mengikut Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu yang mana Malaysia telah menandatangani Undang-undang tersebut, Malaysia dikehendaki menguruskan sumber-sumber perikanan supaya tidak dieksploitasikan dengan berlebihan.
- (b) Melindungi tempat-tempat pembiakan ikan.
- (c) Melindungi nelayan-nelayan tradisi supaya pendapatan mereka tidak terjejas.
- (d) Memelihara dan melindungi sumber-sumber perikanan di perairan Zon Ekonomi Eksklusif dan mencegah pencerobohan perairan Malaysia oleh nelayan-nelayan asing.

## PENDATANG HARAM— MENGHANTAR PULANG

**35. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa jumlah yang Kerajaan telah belanjakan sehingga Februari, 1986 kerana menghantar pulang semula pendatang haram ke negeri-negeri mereka; berapa ramai jumlah yang datang secara haram ini dan dari negara mana mereka datang.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerajaan akan hanya menanggung perbelanjaan tambang dan makan bagi menghantar pulang pendatang haram jika seseorang pendatang haram itu benar-benar miskin dan tidak mampu membiayai kos tersebut. Tindakan ini diambil untuk mengelakkan penggunaan peruntukkan kewangan Kerajaan.

Dari 1hb Januari, 1986 hingga 28hb Februari, 1986, seramai 3,388 orang pendatang haram telah diusir dari Malaysia yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak \$12,343.

Pecahan pendatang haram yang diusir mengikut negara-negara asal mereka dari 1hb Januari hingga 28hb Februari, 1986 adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Jumlah</i>
1. Thailand .. ..	799
2. Bangladesh .. ..	48
3. Indonesia .. ..	2,275
4. Burma .. ..	93
5. Singapura .. ..	3
6. Pakistan .. ..	2
7. Taiwan .. ..	14
8. China (R.R.C.) .. ..	1
9. Italy .. ..	1
10. France .. ..	1
11. Filipino .. ..	141
12. India .. ..	10
<b>JUMLAH BESAR ..</b>	<b>3,388</b>

### HARGA KOS PENGELUARAN—KEJATUHAN

**36. Dato' K. S. Nijhar** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa harga minyak mentah dalam minggu-minggu kebelakangan ini telah jatuh di bawah harga kos pengeluaran dan bahawa kos pengeluaran di Malaysia adalah hampir dua kali ganda berbanding dengan di Indonesia dan, sekiranya benar, apakah faktor yang menyebabkan keadaan ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa kos pengeluaran ini adalah setanding.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Adalah tidak benar harga minyak mentah dalam minggu-minggu kebelakangan ini telah jatuh di bawah kos pengeluaran. Harga minyak mentah Malaysia yang dipasarkan secara "spot" dan jangka panjang masih lebih tinggi daripada kos pengeluaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak dapat dipastikan dengan sebenarnya mengenai kos pengeluaran minyak Malaysia adalah dua kali ganda lebih tinggi berbanding dengan kos pengeluaran minyak di Indonesia. Kos pengeluaran adalah berbeza di antara satu-satu negara dengan negara yang lain disebabkan faktor-faktor geologi, teknikal dan kewangan. Kos pengeluaran di lapangan-lapangan daratan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan lapangan-lapangan minyak di luar pantai. Di Indonesia, sebahagian besar daripada pengeluaran petroleum adalah daripada lapangan minyak yang besar yang terletak di daratan, manakala kesemua pengeluaran di Malaysia adalah daripada lapangan-lapangan minyak, yang terletak di luar pantai.

Sebagai langkah untuk memastikan bahawa kos pengeluaran Malaysia

adalah setanding, PETRONAS akan terus berusaha untuk meningkatkan kecekapan operasinya supaya kos unit dapat dikurangkan.

### PINJAMAN PERUMAHAN DARI CARUMAN KWSP

**37. Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada KWSP akan disusun semula bagi membolehkan pencarum mendapatkan pinjaman perumahan dengan pembayaran balik dengan cara potongan gaji tiap-tiap bulan kerana para pekerja terutama golongan pendapatan rendah menghadapi masalah untuk mendapat pinjaman perumahan dari bank-bank dan pihak bank telah mengenakan berbagai syarat kepada peminjam yang tidak mampu ditanggung.

**Dato' Oo Gin Sun:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat utama penubuhan KWSP ialah untuk memberi jaminan kewangan kepada pencarum-pencarumnya semasa persaraan kelak. Bagaimanapun, sebagai satu langkah untuk menentukan bahawa ahli-ahli KWSP memenuhi keperluan asas mereka persaraan, pemilikan rumah oleh ahli-ahli adalah satu daripada matlamat yang telah diberi keutamaan oleh KWSP.

Bagi membolehkan ahli-ahli terutamanya pencarum-pencarum yang berpendapatan rendah memiliki rumah, Akta KWSP 1951 mengandungi peruntukan-peruntukan tertentu bagi membolehkan pencarum-pencarum KWSP mengeluarkan Kredit KWSP mereka bagi tujuan memperolehi rumah. KWSP baru-baru ini telah memperluaskan lagi skim pengeluaran caruman KWSP bagi membantu pencarum-pencarum berpendapatan

- (c) Sehingga ini pihak PERDA telah pun mendapat kerjasama dan sefahaman serta sokongan yang baik dari semua pihak termasuklah Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

### POLARISASI KAUM DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

**43. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar pada masa ini telah terbukti wujudnya polarisasi kaum di kalangan pelajar dan guru-guru di Sekolah Rendah, Menengah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Negara kita ini, jika sedar apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah yang agak sensitif ini.

**Tuan Ng Cheng Kiat:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 8-4-86. Saya tidak bercadang menambah apa-apa lagi pada jawapan tersebut.

### YEN JEPUN— PENINGKATAN NILAI

**44. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah akibatnya kepada ekonomi negara kita dengan naiknya nilai yen Jepun.

**Dato' Oo Gin Sun:** Peningkatan nilai yen Jepun telah menjadikan eksport Malaysia lebih murah. Ini dapat menggalakkan eksport Malaysia ke Jepun dan meningkatkan pendapatan eksport Malaysia dari Jepun. Walau bagaimanapun kenaikan nilai yen telah mengakibatkan peningkatan harga import Malaysia dari Jepun. Dengan itu Malaysia perlulah membayar lebih kepada Jepun oleh

kerana Jepun merupakan satu daripada rakan-rakan perdagangan utama kita. Kenaikan nilai yen menjadi satu isu yang penting memandangkan bahawa kebanyakan teknologi kita terutama sekali dalam sektor pengangkutan, berdasarkan kepada teknologi Jepun. Kebanyakan kereta-kereta, mesin-mesin serta kelengkapan pengangkutan Malaysia diimport daripada Jepun dan kenaikan nilai yen bermakna kos pengeluaran beberapa sektor pembuatan akan meningkat juga.

Kenaikan nilai yen Jepun juga akan menambahkan beban pembayaran hutang negara kerana Jepun juga merupakan satu daripada peminjam yang utama kepada Malaysia. Dalam hubungan ini pihak Kerajaan telah mengawal perkembangan ini dengan teliti dan langkah-langkah telah diambil untuk membayar dahulu beberapa pinjaman yen yang lama.

Kenaikan nilai yen Jepun juga akan meningkatkan pembayaran negara kita untuk pengangkutan dan insuran atas import-import kita kerana kebanyakan import-import kita daripada Jepun di import c.i.f. Tambang serta pembayaran oleh pelancung-pelancung dan penuntut-penuntut Malaysia di Jepun juga akan bertambah dengan kenaikan dalam nilai yen. Oleh itu pihak Kerajaan menyeru kepada rakyat Malaysia supaya mengguna kapal terbang Malaysia dan bukan kapal terbang negara asing apabila mereka keluar dari negeri kita. Dengan itu pengaliran keluar negeri akan dikurangkan sedikit.

Kerajaan akan terus mengawal perkembangan nilai yen Jepun dengan teliti dan langkah-langkah yang tertentu akan dilaksanakan dari masa kesemasa supaya pendapatan, beban pembayaran import dan hutang kita kepada Jepun tidaklah dijejaskan oleh peningkatan nilai yen.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan

Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENCETAKAN TEKS AL-QURAN

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.05 ptg.*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan iaitu Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran, 1986 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Raja-raja dalam mesyuaratnya yang ke-129 pada 8hb Februari, 1984 telah menimbang satu memorandum kurniaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu mengenai cadangan untuk mewujudkan satu undang-undang untuk mengawal percetakan bahan Al-Quran dan telah bersetuju pada dasarnya dengan titah cadangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu itu serta mengarahkan supaya draf bagi Rang Undang-undang yang berkenaan itu dirujuk kepada Peguam Negara untuk diteliti dengan Kerajaan Negeri Terengganu.

Mengikut memorandum tersebut, undang-undang ini adalah perlu oleh kerana banyak kitab-kitab suci Al-Quran yang dicetak, diterbitkan dan diedarkan di Malaysia tanpa sebarang kawalan yang rapi oleh sesuatu badan yang berwibawa dan keadaan tersebut mengakibatkan terdapatnya naskhah-naskhah Al-Quran yang tersalah cetak dan mengandungi kesilapan dan

berlakunya kejadian menggunakan kertas-kertas yang bertulis ayat-ayat Al-Quran sebagai kertas membungkus barang-barang, yang mana harus dipandang berat dan boleh ditafsirkan sebagai wujudnya usaha-usaha tidak jujur oleh setengah-setengah pihak yang sengaja hendak memperniagakan kitab Al-Quran atau merosakkan kandungannya.

Draf Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Raja-raja itu telah ditimbang oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 22hb Januari, 1986. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menasihatkan Majlis Raja-raja supaya Rang Undang-undang itu meliputi hanya kawalan percetakan Al-Quran pada keseluruhannya sahaja dan tidaklah meliputi percetakan sedutan-sedutan daripada Al-Quran tetapi percetakan sedutan-sedutan yang didapati tidak tepat atau didapati salah, hendaklah menjadi kesalahan yang boleh didakwa.

Draf yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5hb Februari, 1986 itu telah disembah kepada Majlis-majlis Raja-raja dalam mesyuaratnya yang ke 137 pada 26hb Februari, 1986 dan Majlis Raja-raja telah memperkenankannya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengawal 2 jenis perkara; iaitu teks Al-Quran dan bahan Al-Quran yang mana adalah ditakrifkan dalam Fasal 2. Teks Al-Quran ialah teks bahasa Arab bagi "Mushaf" Al-Quran, yakni Al-Quran lengkap. Bahan Al-Quran ialah apa-apa dokumen selain daripada teks Al-Quran yang mengandungi apa-apa Ayat Al-Quran. Kawalan utama adalah terhadap teks Al-Quran adalah dalam dua aspek sahaja yang akan dijelaskan kemudian.

Kawalan di bawah Rang Undang-undang ini kebanyakannya akan

dilakukan melalui sebuah Lembaga yang dinamakan Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran yang dianggotai oleh 15 orang; iaitu 13 wakil Negeri-negeri, seorang wakil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan dan seorang lagi iaitu Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri. Perkara-perkara yang mengenai Lembaga itu diperuntukkan dalam Fasal 3.

Fasal 5 memerlukan lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga bagi mencetak atau menerbitkan teks Al-Quran. Lesen ini adalah sebagai tambahan kepada lesen yang diperlukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984.

Fasal 6 menegah percetakan atau penerbitan teks Al-Quran melainkan peruf terakhir bagi teks Al-Quran itu telah diperakui oleh Lembaga sebagai betul.

Fasal 7 menegah pengimportan untuk dijual atau dibahagikan apa-apa teks Al-Quran yang dicetak di luar Malaysia melainkan satu naskah teks itu telah diperakui sebagai betul oleh Lembaga dan naskah-naskah yang lain diliputi oleh akuan berkanun yang menyatakan ianya adalah sama dengan naskah yang telah diperakui itu.

Fasal 8 menghendaki tiap-tiap teks atau rakaman Al-Quran yang dicetak di Malaysia atau diimport ke dalam Malaysia selepas mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini supaya mengandungi maklumat mengenai nama dan alamat pencetak, penerbit atau pengimportnya, alamat tempat di mana ianya dicetak dan tempat di mana ianya dicetak dan pernyataan tentang perakuan Lembaga. Fasal ini menegah percetakan atau penerbitan teks Al-Quran yang tidak terdapat maklumat atau pernyataan itu.

Fasal 9 menegah pencetakan atau penerbitan teks Al-Quran yang berbeza kandungannya daripada apa yang diperakui oleh Lembaga atau peruf terakhir baginya. Dalam usaha mencetak teks atau bahan Al-Quran, tidak dapat tidak akan ada bahan buangan yang mengandungi ayat Al-Qur'an.

Fasal 11 bertujuan supaya bahan buangan itu dimusnahkan dengan cara betul dan tidak diperolehi oleh orang lain untuk disalahgunakan. Ini adalah satu aspek di mana kawalan oleh Rang Undang-undang ini menyentuh pencetakan bahan Al-Quran sahaja.

Fasal 14 menegah pencetakan atau penerbitan apa-apa teks atau bahan Al-Quran yang mengandungi kesilapan tentang ayat-ayat Al-Quran yang dicetak di dalamnya. Ini adalah satu aspek lagi di mana kawalan Rang Undang-undang ini menyentuh pencetakan bahan Al-Quran.

Fasal 15 menghendaki mahkamah memerintahkan supaya dilucutkan apa-apa teks atau bahan Al-Quran yang mengandungi kesilapan walaupun tidak terbukti kesalahan yang dipertuduhkan dalam kes yang berkenaan itu. Ia juga menghendaki mahkamah memerintahkan lucut hak apa-apa artikel yang terlibat dalam sesuatu kesalahan walaupun tidak ada orang yang disabit kerana kesalahan itu.

Fasal 20 memerlukan saksi Pendakwa Raya untuk pendakwaan. Fasal ini perlu oleh kerana dijangka bahawa dalam menguatkuasakan undang-undang ini akan terdapat kes-kes yang merupakan kesalahan dari segi teknikal tetapi mungkin tidak memerlukan atau mewajarkan pendakwaan.

Di bawah Fasal 24 teks-teks dan bahan-bahan Al-Quran yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau badan berkanun yang

diberi kuasa oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri adalah dikecualikan daripada Rang Undang-undang ini. Di bawah Fasal yang sama Menteri juga diberi kuasa membuat pengecualian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengawal pencetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan dan pengedaran teks-teks Al-Quran dan bahan Al-Quran dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*4.14 ptg.*

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran 1986 dengan seberapa ringkas yang boleh.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berkenaan yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini, terutama sekali berkenaan dengan ayat-ayat suci yang digunakan sebagai pembungkusan barang-barang yang terdapat dalam negara kita akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin menjelaskan di sini, selain daripada kertas yang tertulis ayat-ayat Al-Quran ataupun bahan-bahan Al-Quran yang telah digunakan sebagai bungkusan dan ada juga ayat-ayat Al-Quran yang kita letakkan di tempat-tempat yang tidak sepatutnya

diletakkan dan kita berharap ini akan dimasukkan juga dalam Rang Undang-undang ini.

Kadangkala kita dapati ayat-ayat Al-Quran yang tidak sepatutnya diletakkan pada tempat-tempat yang saya maksudkan itu, seperti di dalam kedai-kedai dan sebagainya, ini boleh menjadikan sesuatu yang tidak elok bagi kita sebagai orang Islam melihat ayat-ayat Al-Quran yang ada digantung di dalam kedai-kedai dan ayat-ayat Al-Quran itu dimainkan, dipusing-pusing, dipegang oleh pihak-pihak yang berkenaan dan sebagainya. Jadi, ini patut diambil tindakan juga supaya kita dapat meninggikan taraf Quran kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada setengah ayat-ayat Al-Quran yang ditulis di crown dan sebagainya dan kadang-kadang digunakan di lencana sekolah-sekolah dan ayat-ayat Al-Quran itu digunakan oleh semua golongan. Saya rasa ini pun patut kita mengawasi kerana ayat-ayat Al-Quran ini tidak boleh digunakan di semua tempat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya kurang faham sini berkenaan dengan teks. Tetapi mungkin saya dapat faham juga teks bermakna sedutan daripada ayat-ayat Al-Quran. Saya rasa sedutan daripada ayat-ayat Al-Quran—bukan seluruh Al-Quran itu, tetapi sedutan daripada ayat-ayat Al-Quran.

Satu lagi yang berlaku di negara kita ini, saya rasa pihak yang berkenaan patut memasukkan juga dalam Rang Undang-undang ini mengenai setengah risalah-risalah bukan segala ayat-ayat Al-Quran tetapi terjemahannya. Misalnya ada risalah-risalah yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tertentu yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran tetapi ditafsirkan lain daripada maksudnya. Ini boleh memesongkan fikiran rakyat. Jadi, ini juga patut

diambil tindakan, dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini.

Kita lihat risalah-risalah yang digunakan oleh pihak-pihak yang tertentu, digunakan ayat Al-Quran itu tetapi tafsirannya, terjemahannya, terkeluar daripada apa yang sebenarnya. Ini biasa berlaku ada berlaku di dalam negara kita ini. Saya rasa ini pun patut diambil kira dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong penuh Rang Undang-undang ini demi kepentingan agama kita Islam dan kita mempertingkatkan ayat-ayat suci Al-Quran supaya ditempatkan di tempat yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:**  
(Bangun).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim, Puan Aion yang berdiri dahulu, jadi saya memberi peluang kepadanya dahulu. Selepas itu Yang Berhormat boleh berucap. Sila.

4.18 ptg.

**Puan Aion binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan sedikit Usul yang begitu mulia, begitu murni dan sesungguhnya ianya merupakan satu pegangan syiar Islam bukan sahaja di negara kita, tetapi juga di seluruh dunia Islam.

Pertama, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah menyedari berbagai-bagai penyelewengan, berbagai-bagai perbuatan yang seolah-olah disengajakan bagi merendahkan ketinggian dan kesucian Al-Quran itu sendiri dan berbagai-bagai eksploitasi yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu

menggunakan ayat-ayat yang suci dan yang tinggi mutunya, yang luas maknanya ini untuk tujuan-tujuan tertentu, bahkan ada yang telah berjaya menggunakannya untuk tujuan politik hingga menimbulkan beberapa kesesatan dari segi dan telah menyebabkan beberapa perkembangan yang tidak sihat di antara orang-orang Islam dengan orang-orang Islam di negara kita sendiri di mana ayat yang sesungguhnya Al-Quran yang menjadi pegangan, yang menjadi imam kepada seluruh umat Islam itu telah dijadikan seolah-olahnya seperti satu senjata untuk mengadudumbakan dan memecahkan perpaduan ummah itu sendiri. Ini amatlah menyedihkan.

Apa yang ingin disarankan dalam akta Al-Quran yang begitu baik ini ialah yang pertama, bukan sahaja ia meliputi kepada isi kandungan Al-Quran yang berkenaan tetapi juga kepada tafsiran-tafsirannya. Kita dapati tafsiran-tafsiran yang dibuat menyeleweng dari tujuan ayat Al-Quran yang suci itu sendiri juga telah menimbulkan berbagai-bagai eksploitasi, berbagai-bagai isu dan juga berbagai perkara yang berbentuk kontravensi.

Selain daripada itu, diharap juga Lembaga yang diwujudkan nanti itu hendaklah diberikan perhatian berat kepada mereka yang menduduki Lembaga yang berkenaan kerana urusan Lembaga ini amat besar, tanggungjawabnya amat luas dan juga mereka adalah orang-orang yang akan membuat penentuan kepada pelaksanaan undang-undang ini sama ada ianya berkesan atau tidak.

Adalah baiknya mereka yang telah bergelar Al-hafiz dan yang tinggi pengetahuan agamanya dari segala segi diletakkan di situ dan mengambil kira juga kepada pelajar-pelajar ataupun mahasiswa atau siswazah agama yang

sekarang banyak menganggur yang telah lulus dalam pengajian Islam dan yang telah hafaz atau boleh sudah diisytiharkan sebagai Al-hafiz iaitu hafaz iaitu telah lancar atau telah menghafal Al-Quran dari satu ayat ke satu ayat beserta dengan segala dalil, nas-nas dan juga tafsiran-tafsirannya, kerana Lembaga ini tugasnya rumit, mereka hendak menapis, hendak meneliti, hendak menentu dan kemudian hendak mengubahsuai segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat penyelewengan-penyelewengan ini telah berleluasa. Selain daripada ada dibuat kertas-kertas pembungkus hadiah ditulis dengan ayat-ayat Al-Quran oleh satu syarikat yang bukan daripada agama Islam, ianya juga ada digunakan sebagai perhiasan, seperti kata sahabat saya tadi, sebagai perhiasan-perhiasan yang bertujuan menghina ayat-ayat Al-Quran itu sendiri.

Selama hari ini kita rasa sedih, kita rasa dukacita yang amat sangat di atas perbuatan yang disengajakan dengan tujuan hendak merendahkan agama Islam ini berlaku di negara kita sendiri. Janganlah hendaknya sampai terdapat perkara-perkara penyelewengan ini berlaku seperti yang pernah kita dapati di dunia Islam yang lain, umpamanya di Tajmahal sendiri iaitu di Agra, India, terdapat ayat-ayat Al-Quran yang telah dicampur-adukkan dengan ayat-ayat dengan bahasa Sanskrit dan ayat-ayat yang dipamerkan di situ sebagai tontonan sahaja kepada pelancong telah tidak menentu aturcaranya atau susun aturnya. Ada ayat-ayat umpamanya Ayat 14 digabungkan dengan Ayat 30 di dalam jujuk-jujuk yang berlainan, kita takut kalau-kalau ini tidak terkawal, negara kita yang agama Islam, agama rasminya menjangkit perkara yang demikian itu.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menyarankan di dalam Lembaga-lembaga yang akan ditubuhkan sama ada di peringkat kebangsaan dan negeri ini janganlah ketinggalan wanita, kerana dalam ayat Al-Quran itu sendiri ada beberapa surah, ada beberapa juzuk yang menjelaskan mengenai hal ehwal wanita, tidak mahulah kita nanti kalau hanya pihak-pihak yang tidak begitu mendalami mengenai hal ehwal wanita sahaja yang duduk di Lembaga berkenaan, walaupun kita hormat mereka itu tinggi pengetahuan agamanya dan masak dalam mempertikaikan ayat-ayat suci Al-Quranulkarim.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang perlu diambil kira rasanya di dalam Undang-undang ini walaupun tidak diterakan secara terperinci ialah mengenai kaset-kaset ayat-ayat Al-Quran itu sendiri. Terdapat ayat-ayat Al-Quran itu dibunyikan kaset di dalam satu suasana yang tidak begitu sesuai dengan ayat-ayat itu sendiri. Katalah umpamanya pernah kami menemui kaset-kaset ini dibunyikan atau dimainkan dalam satu Majlis yang berbentuk disko. Walaupun mungkin tujuannya ini satu sendaan atau satu gurauan tetapi perlu perkara ini diberhentikan ataupun disekat supaya tidak ada pihak-pihak lain di negara kita sendiri yang sengaja ingin menjadikan Al-Quran ini sebagai bahan gurauan atau satu bahan yang merendahkan imej, iaitu ketinggian syiarnya itu sendiri kerana ingin mengindoktrinasikan satu fahaman agama yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari perkara-perkara yang diterakan di dalam Akta ini sendiri maka sesungguhnya apabila Akta ini telah diluluskan eloklah segera dilaksanakan supaya segala perkara yang menyakitkan, yang merendahkan agama kita yang menjadi kewajipan kita orang-orang Islam

memperjuangkannya, mempertahankannya walaupun dengan nyawa sekalipun, maksudnya Al-Quran, bukannya parti politik, disegerakan tindakan-tindakan, disegerakan pelaksanaannya dan perlantikan untuk Lembaga-lembaga ini eloklah disegerakan di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong penuh Usul yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.

*4.16 ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama menyokong ataupun membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengawal pencetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan dan pengedaran teks-teks Al-Quran dan bahan Al-Quran dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas mengemukakan Rang Undang-undang ini kerana sepatutnya Rang Undang-undang ini telah pun wujud lebih dahulu daripada didedahkan Akta ini. Jadi sebagaimana yang ditekankan dalam Akta ini iaitu ada mempunyai 25 Fasal, saya hanya mengambil sebahagian sahaja iaitu perkara-perkara yang agak begitu perlu untuk dibahaskan.

Yang pertama sekali iaitulah Lembaga Pengawalan yang dimaksudkan iaitu Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran. Ini rasa saya

amat perlu supaya dapat ditubuhkan dan disegerakan tindakannya kerana sebagaimana yang diketahui iaitu kedapatan beberapa mushaf Al-Quran yang dibaca dan dipelajari terutama sekali melalui peringkat kanak-kanak ataupun yang mengajar Al-Quran di kampung-kampung di mana guru-guru yang mengajar Al-Quran ini bukanlah guru-guru yang benar-benar mengenali mushaf Al-Quran yang asal ataupun guru-guru yang hafaz akan ayat-ayat Al-Quran tetapi hanyalah guru-guru yang menerima latihan daripada guru-guru yang lalu yang tidak juga begitu sempurna keadaanya tetapi sebagaimana yang sama-sama diketahui guru-guru yang ada mengajar Al-Quran di kampung-kampung ini adalah hanya membaca sahaja dengan apa yang tertulis di dalam mushaf itu sendiri. Ini dapat kita ketahui manakala di dalam dua, tiga tahun yang lalu satu pencetak mushaf Al-Quran ini telah melakukan beberapa banyak percetakan yang salah dan penukaran kalimah-kalimah di dalam Al-Quran sehingga kalau tidak silap saya, pihak Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama telah mengeluarkan surat siaran ke Jabatan-jabatan Agama supaya Al-Quran yang dicetak oleh pencetak yang saya maksudkan yang salah tadi dapat dihimpun balik Al-Quran itu, kemudian diserahkan ke Jabatan-jabatan Agama Negeri supaya pemasaran Al-Quran yang dicetak oleh pencetak yang termaklum ini tidak ada pasaran jualan di kedai-kedai.

Jadi, walau bagaimana sekalipun, usaha-usaha pengumpulan Al-Quran yang dicetak yang mempunyai banyak kesilapan-kesilapan itu tidak juga berjaya, oleh kerana orang kampung-kampung yang menggunakan Al-Quran ini tidak begitu faham tentang siaran ini dan mereka sudah sedia beramal dengan Al-Quran yang saya maksudkan tadi.

Baru-baru ini pihak Jabatan Perdana Menteri Bahagian Agama telah pun mencetak satu Al-Quran yang mengikut cetakan Mushaf Osmani manakala dilihat dan ditengok bahawa Quran-Quran ini telah pun ditashih dan dibetulkan mengikut cara-cara yang sebenar oleh beberapa orang Guru di Maahad Tahfiz yang mengikut kesahihan Al-Quran ini dan Al-Quran ini pun telah dicetak dan telah diedarkan di seluruh negara, tetapi rasa saya pengedaran mushaf ini tidak begitu lancar dan tidak begitu dapat dilihat oleh sebahagian besar pencinta-pencinta pembaca Quran di tanahair kita ini oleh kerana pengedarannya terhad.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-  
pergunakan Mesyuarat*)

Jadi, oleh sebab itu saya suka mencadangkan bahawa Quran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama ini bolehlah diiktiraf sebagai satu Al-Quran yang benar-benar dapat diakui dan inilah bentuk-bentuk Quran sekiranya dibenarkan pelesen-pelesen bagi pencetakan oleh satu-satu syarikat yang cuba hendak mencetak Al-Quran, maka pruf yang kita akan dedahkan iaitulah mengikut Mushaf Osmani sebagaimana yang saya sebut tadi. Jadi rasanya tidak begitu perlu sangat kalaulah Quran Mushaf Osmani yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama ini dapat diteruskan dan begitu juga dalam masalah pentafsiran Al-Quran. Ini pun harus dibuatkan kawalan. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama telah pun menerbitkan satu Tafsir Al-Quran yang dikenal sebagai "Tafsir Al-Rahman" yang kita rasa tidak meragukan dan tidak ada penyelewengan dari segi penterjemahan-penterjemahan yang telah di buat dan ini telah diakui kesahihannya. Oleh itu bagi pihak kita haruslah membuatkan rujukan ini kepada "Tafsiran Al-Rahman" kepada

Al-Quran ataupun tafsir-tafsir Quran yang dibawa masuk ke dalam negara ini. Harus diingat tafsir-tafsir Al-Quran ini kita banyak dapat daripada hasil penterjemahan ataupun percetakan daripada negara jiran kita dan saya masih teringat bahawa satu tafsir yang tidak dibenarkan ialah Tafsir Quran "Hassan Bandung" yang telah pun dikawal supaya tidak dipasarkan ataupun ditahan pasarnya kerana kedapatan ulasan-ulasan yang ada dalam tafsiran ini banyak mengelirukan dan tidak begitu sesuai dengan keadaan orang-orang Islam di Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam masalah pelesenan yang hendak diberi kepada syarikat-syarikat yang hendak mencetak Al-Quran ini, saya suka mencadangkan supaya lesen-lesen percetakan ini tidak payah dikeluarkan oleh kerana kalau Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama telah berjaya mencetak Al-Quran dengan mengikut kehendak sebagaimana yang dikehendaki oleh kita semua, iaitu yang saya katakan tadi sebagai mengikut Mushaf Osmani yang tidak diragukan kesahihannya maka ini sahajalah untuk mengawal percetakan Al-Quran di tanahair kita ini. Cuma yang kita hendak kawal ialah Quran-Quran yang dicetak di luar negeri, kerana kita takut Quran yang dicetak oleh orang-orang di luar negeri yang bukan orang Islam, khususnya Israel. Jadi, saya rasa pelesenan ini diharap tidak akan dikeluarkan oleh Lembaga Pengawal yang akan dibentuk malahan Quran ini boleh terus bagi kita di Semenanjung dan begitu juga termasuk Sabah dan Sarawak boleh gunakan Quran yang dicetak oleh Jabatan Perdana Menteri. Itu sudah cukup.

Satu lagi saya hendak sentuh ialah tentang pengawalan penjualan Al-Quran. Ini perlu kerana kita dapat

lesen-lesen penjualan buku-buku di negara ini yang mengambil kesempatan turut sama menjual Mushaf Al-Quran dan turut sama menjual ayat-ayat Al-Quran dan turut sama menjual kitab-kitab tafsiran ataupun Al-Quran yang telah diterjemahkan. Saya beri satu contoh yang saya jumpa sendiri, sekarang masih ada lagi. Saya tengok dalam dua minggu dahulu, masih saya nampak Al-Quran ini ada dijual oleh satu kedai yang menjual patung-patung kemudian tingkatan atasnya itu ada beberapa kitab Mushaf Al-Quran yang dijual kepada orang ramai sedangkan kedai itu adalah menjual patung-patung dan sebagainya. Kesempatan ini diambil agak saya ialah kerana kedai itu sendiri menjual buku-buku teks dan sebagainya dan begitu juga saya kedapatan Quran-Quran ini dijual di kedai-kedai buku Cina di mana menjual buku-buku teks murid-murid sekolah, maka kedapatan Kitab Al-Quran ini dijual sama.

Bagi pihak kita tidak dapat membuat apa-apa dan saya sudah hubungi Polis supaya Polis mengambil kuasa mengambil Al-Quran di tempat-tempat ini, maka Polis tidak mempunyai kesanggupan kerana tidak ada undang-undang perintah supaya Al-Quran yang didapati dijual di kedai-kedai yang bukan Islam ini terutama sekali kalau dicampurgaulkan dengan patung-patung dan sebagainya, dia tidak ada kuasa untuk mengambil Al-Quran ini.

Jadi, melalui Dewan yang mulia pada petang ini tambahan pula hari ini hari Jumaat, rasa saya ini satu tanggungjawab yang paling besar bagi pihak Menteri yang berkenaan supaya ini dapat diarah segera kitab-kitab Al-Quran secara terang yang dijual di kedai-kedai yang bukan kawalan orang-orang Islam ini harus tindakannya dipercepatkan dan begitu juga saya menarik perhatian kepada ayat-ayat suci Al-Quran supaya dapat

dikawal jangan ditulis di akhbar-akhbar ataupun di majalah-majalah yang tidak terkawal. Saya rasa cukuplah kalau boleh diletakkan di situ makna ataupun maksud ayat dengan kita menulis nombor ayat dan nama surah sekian orang yang membaca akhbar itu dapat merujuk kepada ayat yang sebenar di dalam Al-Quran. Janganlah ditulis ayat-ayat Al-Quran itu dalam akhbar-akhbar atau majalah-majalah yang tidak terkawal. Maksud saya iaitu majalah-majalah yang tidak boleh jadi simpanan kepada pembaca-pembaca malahan setelah dibaca majalah itu tidaklah lagi dihajati dan dibuang, inilah yang berlaku kepada pembungkusan-pembungkusan sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan-rakan tadi.

Begitu juga saya mengambil kesempatan supaya ada kawalan secara undang-undang tentang penjualan ayat-ayat yang ditulis secara khat ataupun tulisan cantik ataupun yang ditulis di dalam frame yang dijual oleh orang-orang yang bukan Islam atau diletakkan di kaki-kaki lima untuk penjualan. Ini harus dibuatkan kawalan dan saya harap Menteri bertindak segera kerana nampaknya begitu ghairah sangat penjual-penjual kerja-kerja tangan ini tidak mengindahkan langsung ayat-ayat ini. Kadang-kadang ayat-ayat ini diukir pada kayu dan sebagainya, tetapi tidak ada kawalan diletakkan pada pengusaha dan penjual. Jadi, dengan sendirinya ayat-ayat ini tidak dapat dikawal. Kesucian ayat suci Al-Quran ini dicemarkan dengan secara tidak langsung.

Oleh itu, saya mengambil kesempatan mengalu-alukan Rang Undang-undang ini supaya dapat dilaksanakan dengan seberapa segera dengan tidak menunggu masa kerana keadaan telah memaksa supaya Akta ini dapat dijalankan dengan segera.

Saya tidak melihat tentang mereka yang melanggar undang-undang ini akan dihadapkan di Mahkamah Syariah ataupun didakwa dengan penentuan hukum dan bayaran-bayaran yang tertentu sebagaimana Akta Jenayah yang lain yang dilakukan. Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya Lembaga ini nanti akan dapat memikirkan mereka yang melanggar undang-undang ini, ada satu para undang-undang ataupun satu bahagian undang-undang yang mengenakan hukuman kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor.

*4.43 ptg.*

**Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Bill ataupun Rang Undang-undang mengenai Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini yang saya rasa sudah sampai pada masanya kita mengadakan satu Akta bagi mengawal pencetakan Al-Quran di dalam negara kita ini dan juga pengedaran Al-Quran di dalam negara kita ini. Saya tidak ingin bercakap banyak dalam masalah ini, hanya setelah saya membaca sekali imbas tentang Rang Undang-undang ini, saya rasa ada juga kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaannya. Oleh kerana di dalam tafsiran-tafsiran dalam Perenggan 2, tafsiran kepada perkataan-perkataan yang digunakan dalam Bill ini seperti perkataan "teks Al-Quran" misalnya ditafsirkan

sebagai sesuatu dokumen yang mengandungi teks bahasa Arab yang lengkap bagi Al-Quran layak dipanggil Mushaf. Ertinya teks Al-Qur'an yang disebutkan di dalam Akta atau Rang Undang-undang ini ialah sebuah Al-Qur'anul Karim yang lengkap.

Pada pengertian saya dan mana-mana ataupun suratan yang kurang daripada Al-Quran yang lengkap adalah termasuk dalam perkataan yang digunakan sebagai bahan Al-Quran. Bagi saya, masalah untuk mengawal pencetakan Al-Quran secara lengkap yang kita katakan sebagai mushaf itu, saya rasa memang mudah kalau benda itu dicetak dalam negara kita. Tetapi sekarang ini ayat-ayat Al-Quranul Karim dicetak dengan juzuk-juzuknya ataupun surah-surahnya ataupun 30 juzuk seperti yang didapati di Mekah misalnya ataupun negara-negara lain ataupun Surah Yasin sahaja atau mana-mana surah lain dicetak khas bukan sebagai sebuah Al-Quran lengkap tetapi surah. Maka mengikut fahaman saya, dalam Akta ini maka itu tidaklah dinamakan teks Al-Quran kerana tidak boleh kita katakan sebagai mushaf yang lengkap.

Jadi, kalau ada diimportkan barang-barang itu ke dalam negara kita ini yang tidak betul, maka saya ragu-ragu sama ada di bawah Rang Undang-undang ini, kita boleh mengambil tindakan terhadap apa yang saya namakan teks bahan Al-Quran itu oleh kerana mungkin kita katakan misalnya dalam Seksyen yang ke 14 ini yang mengatakan, "Tiada seorang pun boleh mencetak atau menerbitkan sesuatu teks Al-Quran atau bahan Al-Quran yang mengandungi apa-apa kesilapan berkenaan dengan sesuatu Ayat Al-Quran". Kalau Surah Yasin itu misalnya dicetak di Malaysia, ini boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 14 ini. Tetapi kalau dicetak di Pakistan, diterbit di Pakistan misalnya, maka saya sangsi. Mungkin

pihak Kerajaan memikirkan, mungkin terkandung di dalam Seksyen ini, tetapi bagi saya rasa sangsi.

Kerana itu saya menyeru kepada pihak yang berkenaan supaya mengkaji lagi Rang Undang-undang ini supaya kalau ada kelemahan-kelemahan di dalam Akta ini supaya kita dapat mengawal dengan secara yang tepat, supaya tidak ada lagi, kalau ada pendakwaan-pendakwaan di bawah Akta ini, orang-orang dapat terlepas ataupun orang-orang mencari peluang untuk mengedarkan pencetakan surah-surah Al-Quran di luar negeri dan dibawa masuk ke negara kita hari ini. Itulah sahaja.

Walau bagaimanapun, saya mengalu-alukan penubuhan suatu Lembaga yang akan mengawal pencetakan atau pengedaran mushaf-mushaf di tanahair kita hari ini dan juga pencetakan buku-buku tafsiran di negara kita ini. Pada hemat saya, perkataan "bahan Al-Quran" itu mengandungi juga buku-buku yang kita kenal sebagai kitab-kitab tafsir. Tetapi walau bagaimanapun, di dalam masalah pengawalan kitab-kitab tafsir ini janganlah kita melakukannya dengan begitu cara sehingga membantut penyiaran atau penyebaran ajaran agama di negara kita.

Sekianlah, saya menyokong Rang Undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Kalau tidak ada, sekarang jua saya jemput dengan segala hormatnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan.

*4.49 ptg.*

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah bangun berucap. Kebanyakan daripadanya memberi pandangan-pandangan yang amat berguna khususnya untuk diambil kira oleh Kementerian ketika mewujudkan Undang-undang ini dan juga ketika kita mewujudkan Lembaga yang akan mengawal tentang lesen-lesen untuk dikeluarkan kepada mereka yang ingin mencetak ataupun menerbitkan teks Al-Quran ataupun ayat-ayat yang mengandungi bahan-bahan Al-Quran.

Izinkan saya memberikan sedikit penjelasan kepada beberapa persoalan ataupun beberapa pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini tidaklah bertujuan untuk mengawal penggunaan ayat-ayat Al-Quran seperti yang dibadge dan lain-lain bahagian lagi dan juga Rang Undang-undang ini bukanlah bertujuan untuk mengawal dan tafsiran Al-Quran seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Fadzil Mahmood dan juga Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

Juga untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang ini bukanlah untuk mengawal keset-keset iaitu perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin mengenai keset-keset yang memuatkan ayat-ayat Al-Quran. Sebaliknya kita undang-undang yang lain yang khusus mengawal pengeluaran keset-keset yang mengandungi bahan-bahan ataupun ayat-ayat suci Al-Quran iaitu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984. Jika terdapat keset-keset yang dijual di negara kita mengandungi ayat-ayat suci Al-Quran yang tidak betul tindakan boleh diambil di bawah Akta tersebut.

Seperti mana yang telah sedia maklum dan ingin saya menjelaskan sekali lagi, tujuan Rang Undang-undang ini adalah bertujuan mengawal-selia penerbitan pencetakan, pengimportan dan penjualan teks-teks Al-Quran dan bahan-bahan Al-Quran. Jadi perkara perkara yang tidak meliputi ataupun tidak termasuk di dalam Rang Undang-undang ini bolehlah kita mengawalnya melalui undang-undang yang terdapat sekarang seperti yang saya sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, ingin saya mengakui di sini bahawa tidak ada undang-undang yang lengkap apabila kita mewujudkannya ataupun apabila kita memperkenalkannya di Parlimen. Jadi Rang Undang-undang ini adalah seperti undang-undang biasa, jika selepas dilaksanakannya terdapat beberapa kelemahan yang nyata, insya Allah kita akan bawa semula untuk dikaji dan kemudian dipinda untuk kita sesuaikan kepada perkara-perkara ataupun kepada faktor-faktor yang mungkin dibangkitkan, yang terdapat bertentangan dengan Akta ini.

Inginlah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran yang amat bermakna dan saya percaya semua teguran dan cadangan telah pun diambil catatan untuk dikuatkuasakan ketika kita mewujudkan undang-undang ini, terutamanya kepada Ahli-ahli Lembaga yang akan mengendalikan Rang Undang-undang ini supaya mereka yang ingin mencetak, menerbit teks-teks Al-Quran ataupun bahan-bahan Al-Quran akan mematuhi peraturan-peraturan yang terkandung di dalam undang-undang ini.

Saya percaya dengan terdapatnya hukuman-hukuman yang telah diperuntukkan dalam undang-undang

ini, kita tidak akan lagi terdapat banyak ayat-ayat suci Al-Quran kita ataupun teks-teks Al-Quran kita disalah cetak, yang dijual begitu luas di negara ini, insya Allah. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 25* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.57 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta Pencen (Pindaan) 1986 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta Pencen 1980 telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 1980 dan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1976. Sejak Akta tersebut dilaksanakan telah terdapat beberapa pindaan yang perlu dibuat bagi memperkemaskinikan lagi pelaksanaan skim pencen. Antara pindaan-pindaan penting yang dicadangkan termasuk keputusan Kerajaan untuk melucutkan hak pencen seseorang yang telah hilang taraf kewarganegaraannya dan untuk memperkemaskinikan lagi pelaksanaan rancangan penswastan Kerajaan. Berikut adalah perihal mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan.

### **Persaraan dengan kehendak Kerajaan:**

Mengikut Seksyen 11, Akta Pencen 1980, Yang di-Pertuan Agong boleh menghendaki seseorang pegawai supaya bersara di mana-mana peringkat umur—

- (a) atas alasan kepentingan negara;
- (b) demi kepentingan perkhidmatan awam.

Tetapi oleh kerana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hanya boleh menyarakan seseorang pegawai awam Persekutuan sahaja kerana kuasa untuk menyarakan seseorang pegawai awam Negeri adalah terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri, maka Pihak Berkuasa Negeri telah tidak dapat melaksanakan persaraan atas alasan kepentingan negara berkenaan seseorang pegawai awam Negeri. Mengikut pindaan yang dicadangkan, Pihak Berkuasa Negeri boleh juga menghendaki seseorang pegawai awam Negeri bersara atas alasan kepentingan negara, tetapi dengan syarat kelulusan Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipohon. Ini adalah disebabkan alasan yang digunakan bagi

pesaraan awal ini ialah atas kepentingan negara dan oleh yang demikian patut ditentukan di peringkat Persekutuan.

*Pindaan Seksyen 12A*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 12A di Akta Pencen 1980. Dalam tahun 1985 Seksyen 12A di akta Pencen 1980 telah dipinda untuk memperluaskan pemakaiannya bagi membolehkan Kerajaan mempersarakan kakitangan tetapnya yang memasuki syarikat-syarikat swasta di bawah Rancangan Penswastaaan Kerajaan.

Dalam bulan Disember 1985, Kerajaan telah memutuskan bahawa sekiranya sesuatu agensi Kerajaan diswastakan, 3 pilihan boleh diberi kepada pekerja-pekerja seperti berikut:

*Opsyen A:*

- (i) Para pekerja terus menikmati tanggagaji, terma dan syarat-syarat perkhidmatan Kerajaan dan layak menikmati sebarang perubahan gaji dan syarat-syarat dalam perkhidmatan Kerajaan. Hak pencen para pekerja terus dikekalkan dan syarikat yang akan mengambilalih akan dikehendaki mencarum kepada Tabung Pencen mengikut kadar yang ditetapkan.

*Opsyen B:*

- (ii) Para pekerja memilih terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat yang mengambilalih. Syarikat tersebut akan dikehendaki membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

*Opsyen C:*

- (iii) Para pekerja yang enggan memilih Opsyen A atau B akan disarakan mengikut syarat-syarat penghapusan jawatan dan beliau tidak akan dibenarkan berkhidmat dengan mana-mana agensi Kerajaan atau syarikat yang baru itu.

Pada akhir Januari 1986, Kerajaan telah memutuskan bahawa pekerja-pekerja yang memilih Opsyen A akan terus menikmati hak pencen mereka daripada tarikh pemindahan perkhidmatan.

Berikut adalah perihal tentang pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 12A di Akta Pencen 1980:

- (1) Tujuan memasukkan selepas perkataan-perkataan "mati dalam perkhidmatan" dalam seksyen-kecil (1) perkataan-perkataan "jika pada masa kematiannya dia berada dalam perkhidmatan pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa tersebut, atau, jika ketika itu dia tidak berada dalam perkhidmatan tersebut, dia telah berada dalam perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan Perkhidmatan Awam, ialah untuk membuat seksyen ini lebih jelas dengan memperuntukkan bahawa seseorang pekerja berpencen yang dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan, adalah disifatkan telah mati dalam perkhidmatan bagi maksud Seksyen 14 Akta itu jika dia mati semasa dia dalam perkhidmatan

pertubuhan tersebut atau mana-mana subsidiarinya atau dia mati selepas dia telah berada dalam perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang dari lima tahun dari tarikh dia meninggalkan Perkhidmatan Awam.

- (2) Tujuan untuk memasukkan selepas perkataan-perkataan "Skim Baru" di mana ianya mula terdapat dalam seksyen-kecil (2) perkataan-perkataan "dia boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah apabila mencapai umur lima puluh lima tahun jika dia telah berkhidmat dalam pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya, untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan Perkhidmatan Awam dan dalam hal yang sedemikian" ialah untuk memperuntukkan bahawa bayaran faedah persaraan kepada seseorang yang memilih Opsyen A dibekukan sehingga beliau mencapai umur lima puluh lima tahun. Perkhidmatan seseorang yang memilih opsiyen ini akan diambil kira bagi maksud perkiraan pencen dan sungguhpun seseorang boleh memohon untuk bersara pilihan sendiri apabila mencapai umur lima puluh atau empat puluh lima tahun tetapi beliau akan hanya dibayar faedah persaraan apabila sampai umur lima puluh lima tahun. Alasan untuk berbuat demikian ialah untuk menentukan bahawa seseorang yang memilih Opsyen A tidak mendapat pencen dan juga dibayar gaji oleh syarikat tersebut. Mengikut peruntukan yang sedia ada dalam Akta Pencen sekarang, faedah

persaraan perlu dibayar apabila persaraan pilihan sendiri diluluskan. Sungguhpun pembekuan bayaran faedah sehingga umur lima puluh lima tahun merupakan satu kehilangan daripada syarat-syarat yang sedia ada, tetapi oleh sebab pekerja-pekerja dibenarkan membuat opsiyen ianya adalah teratur dari segi undang-undang. Tujuan untuk memasukkan selepas perkataan-perkataan "dengan pertubuhan itu" dalam seksyen-kecil (2) perkataan "atau mana-mana subsidiarinya" ialah untuk menjelaskan bahawa apa-apa perkhidmatan dengan subsidiari-subsidiari pertubuhan boleh dimasukirakan bagi maksud pemberian pencen.

- (3) Lain-lain pindaan yang dicadangkan kepada seksyen tersebut yang tidak disebutkan dengan nyatanya adalah pindaan-pindaan yang berbangkit atau yang kecil sahaja.

#### *Pindaan Seksyen 15*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Seksyen 15. Seksyen ini dipinda bagi memperuntukkan hal-hal di bawah mana seseorang balu, duda atau anak layak untuk terus dibayar pencen terbitan mereka di bawah Akta ini.

*Pencen dan lain-lain faedah akan terhenti apabila memperoleh kewarganegaraan negara lain.*

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan untuk hanya lantik calon-calon yang mempunyai kewarganegaraan Malaysia ke dalam perkhidmatan Kerajaan telah dimaktubkan dalam Perintah Am yang berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1958. Namun demikian calon-calon yang bukan warganegara boleh dilantik ke

boleh dibayar kepada orang tanggungannya tanpa probate atau surat mentadbir pusaka. Dalam pindaan yang dicadangkan, perkataan "pesara" telah dikeluarkan. Cadangan pindaan ini adalah semata-mata bertujuan membolehkan baki pencen yang belum sempat dibayar kepada seseorang balu yang meninggal dibayar kepada orang tanggungannya tanpa probate atau surat kuasa mentadbir. Di samping itu, peruntukan baru adalah juga dicadangkan bagi membolehkan bayaran gantian cuti rehat seseorang pegawai yang mati dalam perkhidmatan dibayar kepada orang tanggungannya, juga tanpa probate atau surat kuasa mentadbir.

Akta Pencen 1980 sekarang tidak mempunyai peruntukan yang sedemikian. Amalan yang dipraktikkan buat masa ini ialah bayaran dibuat selepas pencen terbitan dikurniakan kepada tanggungan pegawai yang meninggal. Dengan perkataan lain, bayaran faedah gantian cuti rehat adalah berlandaskan kepada kelulusan pencen terbitan.

Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengalami berbagai kesulitan dalam pembayaran pencen terbitan kepada gemulah yang mempunyai lebih daripada seorang balu. Semasa pegawai berkenaan bersara dan kertas persaraan disediakan, nama isteri yang kedua atau ketiga selalunya tidak dicatatkan dalam kertas pencen. Oleh yang demikian, apabila seseorang pesara meninggal hanya balu yang pertama sahaja yang buat permohonan untuk mendapat faedah pencen terbitan dan apabila permohonan itu disemak, didapati namanya ada tercatat dalam borang pencen terbitan. Setelah dikenalpasti bahawa seseorang si pemohon itu adalah benar-benar balu gemulah yang meninggal iaitu dengan menyemak sijil perkahwinan dan lain-lain

dokumen berkaitan bayaran pencen terbitan akan diluluskan. Jabatan Perkhidmatan Awam selalu diletakkan dalam keadaan serba salah apabila balu yang kedua atau yang ketiga muncul untuk menuntut pencen terbitan gemulah berkenaan.

Apabila disemak dokumen yang dikemukakan iaitu sijil nikah dan sijil beranak, maka tuntutan balu yang kedua atau yang ketiga terpaksa dilayan kerana ianya adalah telah benar-benar berkahwin dengan gemulah semasa gemulah berkhidmat dalam perkhidmatan awam lagi. Tetapi oleh kerana syer balu yang kedua atau yang ketiga serta anak mereka telah dibayar kepada keluarga balu yang pertama, maka bayaran kepada balu yang kedua atau yang ketiga hanya akan dibuat mulai dari tarikh permohonan sahaja di mana bayaran kepada balu yang pertama akan ditangguhkan sementara siasatan dijalankan. Pada kebiasaannya balu yang pertama selalu enggan membayar balik amaun yang terlebih dibayar itu. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya peruntukan undang-undang disediakan di mana sebarang bayaran lebih yang sedemikian hendaklah dianggap sebagai bayaran yang sah dan tiada apa-apa tindakan mahkamah yang boleh diambil terhadap Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran hadiah untuk pemberitahu maklumat. Undang-undang Pencen yang berkuatkuasa sekarang mempunyai beberapa peruntukan yang perlu dikuatkuasakan dengan cara yang lebih berkesan lagi bagi mengelakkan kerugian di pihak Kerajaan. Antara peruntukan berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) Seksyen 16 (1) Akta Pencen 1980 yang memperuntukkan bahawa pencen terbitan, pencen tanggungan dan elaun persaraan terbitan yang dibayar kepada

balu/duda akan dihentikan jika mereka berkahwin semula;

- (b) Seksyen 3 (2) yang memperuntukkan bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh menahan atau mengurangkan pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang pegawai itu sedang menerima jika dibuktikan bahawa pegawai berkenaan telah didapati bersalah atas kecuaiian, salahaturan atau salahlaku;
- (c) Peraturan 11, Peraturan-peraturan Pencen 1980 memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh menarik balik, menahan atau mengurangkan apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta Pencen jika ia berpuas hati bahawa pemberian itu adalah akibat dari tidak mengetahui mengenai fakta atau bersengaja menyembunyikan fakta-fakta matan yang sepatutnya menjadi sebab-sebab yang mencukupi untuk membuang kerja atau menurunkan pegawai itu; dan
- (d) Akta Penyelarasan Pencen tidak memanjangkan faedah kepada bukan pemastautin di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes di mana mereka ini menggunakan alamat tempatan iaitu alamad d/a. peti surat, wakil-wakil diri atau adik beradiknya yang tinggal dalam negeri sebagai agen untuk memungut pencen yang diserahkan bagi pihak mereka.

Berdasarkan kepada hakikat bahawa adanya penyelewengan atau penipuan yang telah dapat dikesan, adalah dipercayai banyak lagi kes yang tidak dapat diketahui kerana adalah di

luar keupayaan Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Pencen. Perkara ini jika dibiarkan sahaja mungkin akan mengakibatkan kerugian besar di pihak Kerajaan. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya satu peruntukan diadakan dalam Akta Pencen 1980 bagi membolehkan bayaran hadiah dibuat kepada mana-mana anggota masyarakat yang memberi maklumat berkenaan dengan sebarang kes penyelewengan untuk menikmati faedah pencen atau lain-lain faedah yang diberikan ataupun sebarang kesalahan di bawah peraturan yang dibuat di bawah Akta Pencen yang berkuatkuasa. Dengan adanya peruntukan ini, adalah dirasai banyak lagi maklumat akan diterima daripada orang ramai bagi membongkar satu-satu penipuan atau penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Ishak bin Abdul Rahman.

*5.15 ptg.*

**Datuk Ishak bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Usul untuk meminda Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menyentuh satu dua perkara sahaja dalam Rang Undang-undang ini kerana saya dapati bahawa keseluruhan pindaan-pindaan ini

adalah begitu lengkap dan agak memuaskan hati. Yang pertamanya, mengenai dengan seksyen 21A iaitu pindaan yang dibuat kepada pesara-pesara yang telah keluar negeri ataupun menetap di luar negeri.

Sekarang terdapat ramai di antara pesara-pesara yang telah pun menetap di luar negeri dan menumpukan taat setia kepada negeri tersebut dengan membelanjakan sebahagian daripada wang pencen mereka itu kepada negeri yang mereka tinggal. Jadi, patut sangatlah bahawa Kerajaan sekarang dengan keadaan kemelesetan ekonomi ini supaya kepada mereka yang telah menumpukan taat setia kepada negeri tersebut, negeri luar daripada Malaysia ataupun yang telah memohon dan mendapat kewarganegaraan asing itu maka pencennya itu ditarik balik.

Selain daripada itu saya suka menyuarakan supaya pihak Kerajaan juga mengkaji kemungkinan kepada Ahli-ahli yang telah berpencen yang tinggal di luar negeri ini diberi masa 5 atau 10 tahun untuk menikmati pencen mereka selama mereka berkhidmat dalam negara ini. Hal ini ialah kerana setelah mereka itu memberi khidmat kepada negeri ini dan memadailah setakat lima atau 10 tahun kita membayar pencen kepada mereka kerana sebahagian daripada wang pencen ini dibelanjakan untuk negara tersebut dan kita tidak mendapat sebarang faedah selepas itu untuk negara kita.

Saya suka menyentuh perkara baru Seksyen 26A yang dimasukkan dalam Akta ini iaitu mengenai dengan kes-kes penipuan. Banyak sudah penipuan-penipuan yang berlaku seperti ini dan terima kasihlah kerana Kerajaan sekarang telah sedar bahawa penipuan itu jika dapat dikesan akan pula memberi galakan kepada

pengadu-pengadu ataupun orang-orang yang menyampaikan maklumat kepada Kerajaan supaya diambil tindakan.

Jadi, kes-kes seperti ini kerap berlaku kemungkinan dilakukan terutamanya kepada ahli-ahli yang telah bersara yang dapat pencen yang tidak tinggal menetap di Malaysia lagi, yang tinggal di luar negeri. Kemungkinan di antara perkara-perkara yang berlaku itu boleh jadi mengenai dengan tukar milik ataupun setelah ahli pencen itu meninggal dunia dengan tandatangan atau cap ibu jari dan lain-lain kemungkinan yang mungkin dilakukan oleh ahli-ahli yang pencen ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapat beri sedikit ulasan-ulasan dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 1986.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap? Kalau tidak, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan atau jawapan.

5.19 ptg.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ishak bin Abdul Rahman yang telah menarik perhatian kepada beberapa perkara untuk tindakan di masa yang akan datang setelah pindaan ini dibuat.

Dengan syor-syor yang telah saya terangkan tadi dan ulasan-ulasan yang dibuat yang pada hemat saya dalam bentuk yang agak detail dan lanjut saya yakin perhatian-perhatian yang diberi oleh Yang Berhormat itu akan diberikan oleh pihak yang menguruskan hal ehwal pencen di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sebagaimana yang telah dibentangkan dalam ucapan awal, tindakan untuk menghentikan pencen bagi orang yang telah hilang kewarganegaraan akan hanya dapat dibuat bagi mereka yang dilantik selepas pengisytiharan akta ini.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas perhatian dan akhirnya saya yakin pihak pentadbiran dari masa ke semasa akan memberikan perhatian yang berat kepada masalah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 13* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENCEN PIHAK-PIHAK  
BERKUASA BERKANUN DAN  
TEMPATAN (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadangkan supaya Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1986 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, teks ucapan bagi pembentangan Rang Undang-undang Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1986 adalah hampir sama dengan pindaan-pindaan yang telah diluluskan sebentar tadi untuk Akta Pencen (Pindaan) 1986. Oleh yang demikian untuk menjimatkan masa saya akan sentuh tentang dua pindaan yang hanya khusus bagi Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.

Berikut adalah perihal tentang kedua-dua seksyen yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Pindaan Seksyen 8:

Pindaan ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengecualikan bayaran bunga oleh majikan kerana bayaran lewat bagi caruman bulanan kepada Kumpulanwang Disatukan jika kelewatan itu bukan disebabkan oleh perbuatan sengaja atau disebabkan oleh perbuatan di luar kawalan majikan itu.

Seksyen Baru 31:

Pindaan ini bertujuan untuk memperkenalkan Seksyen 31 yang baru untuk memperuntukkan bagi pengkulungan Skim Pencen Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan di bawah skim pencen dan pemindahan semua aset dan liabiliti kepada Kumpulanwang Disatukan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Jika tiada, baiklah.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.25 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bermakna "Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun membuat kajian yang mendalam ke atas Akta KWSP 1951 untuk mengenalpasti cara-cara bagi memperluaskan lagi faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh pencarum.

Hasil daripada kajian itu, beberapa pindaan-pindaan dicadangkan ke atas Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 untuk memenuhi tujuan-tujuan utama seperti berikut:

Pertama—bagi membolehkan pencarum-pencarum KWSP mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka untuk tujuan memperolehi rumah sendiri;

Kedua—menyusun semula keahlian Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan KWSP;

Ketiga—memperluaskan lagi kuasa-kuasa pelaburan KWSP;

Keempat—menukarkan sistem mengkredit faedah caruman supaya berdasarkan kepada kaedah baki bulanan;

Kelima—mengemaskinikan sistem pembayaran caruman oleh majikan;

Keenam—memperkuatkan lagi sistem pentadbiran KWSP supaya sistem penguatkuasaan dan pelaksanaan denda dapat dijalankan dengan lebih berkesan;

Ketujuh—melaksanakan faedah baru di mana pembayaran tambahan diberi kepada pencarum-pencarum di dalam keadaan kecederaan fizikal dan kehilangan keupayaan;

Keleapan—mengemaskinikan defnisi gaji; dan

Kesembilan—mengemaskinikan prosedur mengaudit akaun-akaun tahunan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, pemilikan rumah oleh ahli-ahli adalah salah satu daripada matlamat yang telah diberi keutamaan oleh KWSP untuk memenuhi keperluan asas mereka semasa persaraan. Matlamat ini adalah juga selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan membolehkan rakyat terutama yang berpendapatan rendah, memiliki rumah.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, selaras dengan hasrat Kerajaan ini, langkah telah diambil baru-baru ini untuk memperluaskan lagi skim pengeluaran caruman KWSP bagi membolehkan ahli-ahli mengeluarkan 40% daripada harga rumah kos rendah atau kesemua carumannya, yang mana terendah. Dengan kenaikan had pengeluaran di bawah skim ini daripada 10% kepada 40% dari harga rumah, jumlah pengeluaran daripada KWSP bagi tujuan ini dianggarkan bertambah kepada \$80 juta tiap-tiap tahun.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah peruntukan seksyen 13 (1A) (c) yang sedia ada sekarang, seseorang pencarum KWSP boleh mengeluarkan 45% daripada carumannya atau 10% daripada harga rumah tertakluk kepada \$20,000 untuk tujuan membeli sebuah rumah baru yang dimajukan oleh sesuatu pihak Berkuasa Berkanun, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau rumah dalam sesuatu projek perumahan yang diluluskan oleh Lembaga KWSP. Untuk memperluaskan lagi skim ini bagi membolehkan lebih ramai pencarum-pencarum KWSP memiliki rumah sendiri, pindaan dicadangkan kepada seksyen (2) dan seksyen (1A) (c) akta KWSP, 1951.

Skim yang sedia ada ini akan diperluaskan dari segi dua aspek. Pertamanya, had pengeluaran caruman akan dinaikkan daripada 10% kepada 20% dari harga rumah yang akan dibeli. Dengan ini, pengeluaran maksima dihadkan kepada 45% dari kumpulan kredit seseorang pencarum tertakluk kepada 20% dari harga rumah atau \$20,000 yang mana lebih rendah. Aspek kedua ialah untuk membenarkan pencarum-pencarum KWSP menggunakan kemudahan pengeluaran di bawah skim ini bagi tujuan pembelian rumah, atau untuk mendirikan rumah sendiri, atau untuk mengurangkan pinjaman

gadaijanji, sekiranya ada. Dengan kenaikan had pengeluaran daripada 10% kepada 20% dari harga rumah ini, jumlah pengeluaran daripada KWSP bagi tujuan ini dianggarkan sebanyak \$450 juta tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kedua pindaan Akta KWSP, 1951 ialah untuk menyusun semula keahlian Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan KWSP. Sebagai pihak-pihak utama yang bertanggungjawab atas dasar dan pengurusan, Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP memainkan peranan yang penting dalam menjamin pencapaian objektif-objektif penubuhan KWSP. KWSP telah mengalami perkembangan yang pesat dalam semua bidang, termasuk bidang pengurusan pelaburan, dan tanggungjawab Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP telah bertambah.

Pelaburan KWSP telah mengalami pertumbuhan yang pesat dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Misalnya, dalam tahun 1984, pelaburan KWSP bertambah sebanyak 19.4% kepada jumlah \$20.256 juta dan pada akhir tahun 1985, pelaburan KWSP telah berjumlah \$23.824 juta, iaitu pertambahan sebanyak 17.61% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Selaras dengan perkembangan ini, keahlian Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP perlu dirombak dan disusun semula supaya Lembaga dan Panel Pelaburan dapat dianggotai oleh ahli-ahli profesional dari bidang kewangan, perniagaan atau bidang profesional yang lain. Untuk tujuan ini, pindaan perlu dibuat kepada seksyen-seksyen 3 (1) (a) dan 4B.

Pindaan juga dicadangkan kepada seksyen 4 Akta KWSP, 1951 untuk meluaskan lagi bidang pelaburan yang boleh diceburi oleh KWSP. Untuk mengoptimalkan pulangan atas pelaburan, KWSP wajar meluaskan

lagi bidang pelaburannya dalam beberapa jenis pelaburan lain seperti, dengan izin, "mortgage papers", "bankers acceptance", "money market papers" dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan keempat pindaan Akta KWSP, 1951 ialah untuk menukarkan sistem mengkredit kadar faedah ke atas caruman. Mengikut peruntukan seksyen 4 (3) yang ada sekarang, kadar faedah ke atas caruman adalah dikira berdasarkan kepada baki permulaan, dengan izin, "opening balance" jumlah caruman para ahli pada awal tiap-tiap tahun. Untuk memberi faedah yang lebih kepada pencarum-pencarum, pindaan perlu dibuat kepada seksyen berkenaan bagi mengubahsuaikan kaedah pengiraan kadar faedah supaya berdasarkan jumlah baki bulanan pencarum-pencarum, dengan izin, "Monthly Balance Method".

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada seksyen-seksyen 8 dan 11 ialah untuk meningkatkan lagi tahap tanggungjawab majikan-majikan terhadap pembayaran caruman KWSP. Mengikut amalan sekarang, majikan-majikan tidak dikehendaki membuat caruman KWSP atas gaji bulan pertama seorang pekerja. Dengan pindaan yang dicadangkan, pembayaran caruman kepada KWSP oleh majikan-majikan akan bermula daripada tarikh seseorang mula bekerja.

Pada masa ini pihak pekerja akan kehilangan faedah yang sepatutnya diperolehi oleh mereka sekiranya majikan tidak memenuhi kewajipan untuk membuat caruman kepada KWSP dalam masa yang ditentukan. Untuk mengelakkan berlakunya keadaan sedemikian pada masa hadapan, pindaan dicadangkan supaya majikan-majikan yang gagal membayar caruman dalam masa yang ditentukan, bertanggungjawab untuk

membayar faedah terkumpul kepada pekerja-pekerja yang terlibat, sejumlah yang sepatutnya diperolehi jika caruman dibayar mengikut masa.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan keenam pindaan kepada Akta KWSP, 1951 ialah untuk memperkukuhkan lagi sistem pentadbiran KWSP supaya sistem penguatkuasaan dan pelaksanaan denda dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Dalam hubungan ini, pindaan-pindaan dicadangkan kepada seksyen-seksyen 16A dan 19 untuk memastikan bahawa sistem dan prosedur penguatkuasaan perundangan KWSP berjalan dengan berkesan setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Di antara langkah-langkah yang dicadangkan ialah menambah jumlah penalti dan melanjutkan tempoh tahanan bagi majikan-majikan yang tidak mematuhi peraturan-peraturan Akta KWSP, memberi kuasa mengkompaun kesalahan di bawah akta KWSP serta membenarkan pegawai-pegawai Inspektor KWSP untuk menyemak atau memeriksa buku-buku rekod mana-mana majikan, tertakluk kepada perintah Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan juga dicadangkan dibuat kepada seksyen 14, Jadual 6 dan Jadual 8 bagi tujuan memperkenalkan kemudahan baru kepada pencarum-pencarum di dalam keadaan kecederaan fizikal dan kehilangan upaya, serta memperluaskan lagi pembayaran tambahan sekali gus kepada pencarum-pencarum dalam hal kematian. Dengan pindaan-pindaan ini, sekiranya berlaku sesuatu peristiwa kematian atau kehilangan upaya yang kekal, pembayaran tambahan sekali gus akan diberi berasaskan kepada formula aktuari. Untuk memastikan bahawa bayaran tambahan ini adalah bermakna, maka had minima dan

maksima yang di tetapkan ialah masing-masing sebanyak \$500 dan \$30,000.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga dicadangkan kepada seksyen (2) untuk mengemaskan definisi "wages" supaya bayaran perkhidmatan tidak diambilkira dalam definisi "wages" apabila caruman dibuat kepada KWSP oleh pihak majikan dan pekerja. Cadangan pindaan ini adalah selaras dengan pendirian Kerajaan untuk mengurangkan kos industri perhotelan serta meningkatkan lagi pembangunan dalam sektor pelancongan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, pindaan dicadangkan ke atas peruntukan seksyen 6 Akta KWSP 1951 untuk mengemaskini prosedur mengaudit akaun-akaun Tahunan KWSP. Pada masa ini akaun-akaun tahunan KWSP hanya boleh diaudit oleh pihak Ketua Audit Negara. Untuk mengelakkan berlakunya kelambatan dalam proses mengaudit akaun-akaun tahunan KWSP, maka pindaan dicadangkan supaya, jika keadaan memerlukan, akaun-akaun tahunan KWSP boleh diaudit oleh juruaudit-juruaudit yang dilantik oleh KWSP dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan utama ini, KWSP akan dapat memberikan faedah yang lebih bermakna kepada pencarum. Ia juga akan melicinkan pentadbiran dan meningkatkan mutu pengurusan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk

meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Persilakan Yang Berhormat Dato G. Pasamanickam.

*5.43 ptg.*

**Dato G. Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, pada saat yang berbahagia ini saya mengambil kesempatan untuk membincangkan satu, dua perkara sahaja atas Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951. Masalah perumahan atau tempat tinggal adalah juga merupakan masalah besar yang dihadapi oleh rakyat dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, bertaburan rumah kos rendah dibina untuk keperluan mereka, tetapi harga rumah berkenaan sebenarnya tidaklah sesuai bagi mereka, di samping keadaan rumahnya yang kecil dan sempit, harganya pula di luar kemampuan mereka untuk memilikinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, saya yakin dan percaya ramai pencarum KWSP dapat mendirikan rumah sendiri di tapak tanahnya sendiri. Mereka boleh mendirikan rumah masing-masing mengikut kehendak dirinya. Pihak KWSP harus memberi keutamaan kepada pencarum-pencarum untuk mengeluarkan daripada Kumpulan Wang bagi membiayai pembinaan mana-mana rumah, sama ada baru atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, kadar bayaran faedah yang diselenggarakan sekarang perlu dikaji semula dan harus ditambah. Ini adalah kerana

berdasarkan kepada kadar faedah-faedah yang dibayar oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan untuk simpanan tetap adalah tinggi.

Fasal 7 bertujuan meminda Akta bagi membenarkan seorang juruaudit yang dilantik oleh Lembaga, adalah suatu langkah yang baik dan patut dilakukan lebih awal. KWSP adalah sebuah badan yang mengendalikan dengan berjuta-juta ringgit. Badan seperti itu amat memerlukan juruaudit selain daripada Ketua Audit Negara.

Tuan Yang di-Pertua, masih ada ramai majikan yang enggan membayar sebarang caruman kepada pekerja-pekerja dan seterusnya kepada KWSP. Kerana takut kehilangan kerja ramai pekerja enggan melaporkan perkara ini kepada pihak-pihak yang tertentu. Maka dengan pindaan Fasal 9 hak pekerja-pekerja terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Fasal 25 bertujuan memperuntukkan suatu jadual baru iaitu Jadual Kelapan adalah kena pada masanya. Akta tersebut akan membantu seseorang anggota apabila dia menjadi tak berupaya secara fizikal atau mental.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1951.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap? Persilakan Yang Berhormat.

5.46 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan). Saya terlebih dahulu mengalu-alukan pindaan kepada Rang Undang-undang tersebut yang telah digubal pada tahun 1951.

Saya berpendapat bahawa ini adalah satu inovasi yang sewajarnya dibuat lebih awal lagi kerana kita maklum banyak pandangan-pandangan yang telah dibuat pada masa-masa yang lalu supaya KWSP negara kita ini adalah lebih innovation lagi untuk kepentingan pencarum-pencarumnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat sejarah KWSP sejak ia ditubuhkan, ia merupakan satu perantaraan yang dibentuk oleh Kerajaan untuk menerima simpanan-simpanan daripada kumpulan pekerja dan simpanan-simpanan tersebut adalah berbentuk simpanan yang dianggap dipaksa ataupun, istilah yang digunakan ialah, simpanan yang berbentuk "captive" ataupun yang terperangkap kerana seorang pekerja diwajibkan menyimpan dalam bentuk caruman di KWSP dan pihak majikan diwajibkan pula untuk menokok dan menambah menurut peraturan yang ditentukan pada masa-masa yang tertentu.

Jadi, dengan adanya simpanan yang berbentuk terperangkap ini maka ianya dapat menggerakkan simpanan di negara kita ini. Simpanan yang terperangkap ini telah sejak ianya ditubuhkan disalurkan kepada perbelanjaan Kerajaan terutama sekali untuk menampung perbelanjaan pembangunan. Sebahagian besar daripada wang yang tersimpan adalah disalurkan dalam bentuk pembelian bond-bond Kerajaan untuk jangka masa panjang. Lebih kurang 85% ataupun kadangkala 90% pada tahun-tahun tertentu di mana KWSP sebenarnya menyalurkan simpanannya kepada pembelian bond-bond Kerajaan dan kita maklum bahawa kesemuanya adalah untuk menampung kekurangan perbelanjaan Kerajaan terutama sekali untuk perbelanjaan pembangunan pada satu-satu tahun. Oleh yang demikian, KWSP sehingga kini telah digunakan sebagai sumber

untuk membiayai kekurangan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Apabila kita melihat pengaliran simpanan daripada pekerja kepada perbelanjaan pembangunan negara dalam bentuk pembelian bond-bond Kerajaan, sebentar tadi Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap lebih awal daripada saya mengatakan adanya perbezaan di antara faedah yang mungkin didapatkan daripada bond-bond Kerajaan dibandingkan dengan faedah yang mungkin didapatkan daripada pelaburan di luar daripada bond-bond Kerajaan. Ada pandangan mengatakan perbezaan ini sebenarnya ditampung dengan pembayaran yang dibuat oleh pihak majikan untuk kepentingan pekerja. Tetapi kita terpaksa menerima hakikat bahawa jika sekiranya dicampurkan caruman pekerja dengan pembayaran yang dibuat oleh majikan dan disalurkan kepada pelaburan yang lebih menguntungkan, mungkin ada perbezaan faedah yang mungkin didapatkan oleh pekerja jika diizinkan.

Jadi, dengan adanya pindaan-pindaan yang dibuat, maka pihak KWSP adalah lebih terbuka lagi untuk membuat pelaburan-pelaburan yang lebih berbagai. Terutama sekali kita mengalu-alukan pindaan ini kerana simpanan dapat disalurkan kepada pembelian rumah pencaerum-pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan betapa pentingnya pencaeruman itu dibuat kepentingan pencaerum sendiri. Jadi, dengan adanya peruntukan sama ada ianya bernilai \$20,000 dalam bentuk nilai yang ditentukan ataupun 20% daripada nilai rumah ataupun 40% daripada jumlah pencaeruman yang telah dikumpulkan, ianya dapat memberi faedah secara langsung kepada pencaerum. Jadi kita tidak payah menunggu hingga ke akhir saat

seseorang pekerja tadi bersara barulah ia dapat menggunakan carumannya untuk membiayai pembelian rumah. Ini adalah satu inovasi yang sewajarnya kita alu-alukan usaha yang dibuat oleh pihak Kementerian yang berkenaan untuk mengemaskinikan pentadbiran KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara berkaitan dengan pindaan ini. Terdapat pindaan yang mengatakan bahawa pihak KWSP diizinkan untuk membuat pelaburan-pelaburan yang berbagai-bagai selain daripada kemudahan untuk membeli rumah oleh pencaerum. Ini bermakna bahawa pihak KWSP diizinkan untuk membeli sekuriti-sekuriti yang tertentu dan tidak memerlukan kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan. Jadi dengan adanya pindaan ini di mana KWSP diizinkan untuk menambah kepakaran dalam Lembaganya, kepakaran dalam Panel untuk menasihatkan KWSP dari segi pelaburan, saya ingin menyarankan di sini supaya KWSP berwaspada dari segi menggunakan caruman untuk melabur terhadap sekuriti-sekuriti ataupun pasaran-pasaran yang lebih terbuka daripada apa yang dialami hingga kini. Bukan saya semata-mata mempunyai pendirian yang begitu konservatif, tetapi daripada apa yang kita lihat terhadap KWSP di meratarata dunia, ianya lebih menekankan kepada kepentingan jangka masa panjang pencaerum-pencarum iaitu pekerja-pekerja yang membuat caruman di dalam KWSP.

Saya pernah menimbulkan persoalan di dalam Dewan ini di mana simpanan KWSP digunakan untuk melaburkan membeli sekuriti-sekuriti yang berbentuk "blue-chips" di pasaran terbuka. Saya percaya pihak yang berkenaan sama ada KWSP ataupun Kementerian Kewangan khususnya telah menimbangkan perkara ini dengan sebaik-baiknya.

Saya percaya bahawa ianya adalah bertujuan untuk menghidupkan ataupun memberi nafas yang baru terhadap pasaran yang terbuka di dalam ketika yang memerlukannya dan dengan cara membeli "blue-chips", insya Allah "blue-chips" itu, kalau terus dipegang akan memberi dividen-dividen yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita maklum tentang keadaan pasaran yang terbuka seperti begini dan kita sedar peranan yang sewajarnya yang dimainkan oleh KWSP. Oleh yang demikian dengan adanya pindaan yang mengizinkan pembelian yang secara bebas seperti begini mestilah sentiasa diawasi dan sebegitu rupa supaya kepentingan pencaerum-pencaerum ini akan sentiasa terpelihara. Jadi dengan pandangan-pandangan tersebut, saya sekali lagi mengalu-alukan pindaan-pindaan yang telah dihuraikan sebentar tadi dan saya dengan sukacitanya menyokong pindaan-pindaan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Kalau tidak ada, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk memberi jawapan.

5.56 ptg.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' G. Pasamanickam dan juga Yang Berhormat Senator Abdul Ghani bin Haji Othman bagi pandangan-pandangan dan teguran-teguran terhadap perubahan-perubahan yang sedang kita bincangkan sekarang ini. Ada beberapa perkara yang barangkali perlu diterangkan sedikit akibat dari perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Senator Dato' G. Pasamanickam menyentuh tentang kemungkinan seseorang mengeluarkan wang untuk mendirikan rumah sendiri. Sebenarnya saya sudah kata tadi bahawa satu daripada tujuan mengubah ataupun meminda undang-undang ini ialah supaya membolehkan seseorang pencaerum menggunakan kemudahan-kemudahan pengeluaran di bawah skim ini bagi tujuan bukan sahaja untuk membeli rumah tetapi juga untuk mendirikan rumah sendiri yakni bagi mereka yang telah ada tanah dan mengeluarkan wang ini untuk mendirikan rumah sendiri. Itu sebahagian daripada tujuan kita untuk meminda undang-undang ini.

Selain dari itu, Yang Berhormat Senator Dato' G. Pasamanickam memberi sokongan, cuma Yang Berhormat itu menyebut tentang kadar faedah yang agak rendah, ertinya kalau boleh hendak ditinggikan lagi. Alhamdulillah, nasib baik ada dua Senator yang bercakap. Senator Abdul Ghani pula tidak gaduh tentang rendah tingginya faedah tetapi dia mahu lebih stabil, lebih terjamin dari segi wang ini. Jadi saya rasa sudah balance, tidak payah saya jawab. Seorang bercakap, seorang lagi tolong saya. Jadi terpulanglah, sama-sama kita memikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, sebenarnya kita faham bahawa faedah yang dibayar oleh KWSP ini agak rendah sedikit daripada bank, memang betul, tetapi kita juga tidak harus lupa bahawa KWSP dikehendaki membeli bon-bon Kerajaan seperti yang saya sebutkan tadi ke paras 70%, KWSP hanya boleh melabur di tempat-tempat lain, di lain-lain bidang sebanyak 30% sahaja. Jadi, pembelian bon-bon Kerajaan barangkali rendah sedikit dari segi pendapatannya tetapi terjamin. Hanya 30% daripada wang kumpulan ini dibolehkan dilabur ke tempat-tempat lain seperti membeli saham-saham di

KLSE dan sebagainya. Oleh sebab yang kita pentingkan ini ialah jaminan bagi pencarum-pencarum dan kurang mengambil risiko-risiko, maka sudah tentulah faedahnya dapat diberikan kepada pencarum-pencarum lebih rendah daripada faedah, sekiranya kita boleh membenarkan mereka ini melabur di dalam perniagaan-perniagaan yang mempunyai risiko-risiko yang banyak.

Kalau kita tidak mahu menanggung risiko pada kebiasaannya kurangnya faedahnya, walaupun saya juga akui bahawa kadar faedah yang diberi oleh KWSP ini kurang daripada kadar faedah yang diberi oleh bank seperti kadar faedah melalui simpanan tetap. Tetapi kita harus kira bahawa KWSP berbeza dengan simpanan lain yang mana telah juga disebutkan oleh Senator Abdul Ghani tadi, 9% daripada gaji bulanan adalah caruman yang diberi oleh pekerja-pekerja dan 11% diberi oleh majikan-majikan. Kalau dia memberi \$9 katakan sebagai misalan, sedangkan majikannya memberi \$11, ini sudah menjadi \$20, tetapi kalau tidak ada KWSP, majikan tadi menyimpan hanya \$9, kadar faedahnya katakan 10% sekalipun ataupun 20% yang mana tidak boleh dapat, tetapi hanya berdasarkan kepada \$9, sedangkan dengan adanya KWSP \$9 yang dia punya, majikan dia ada \$11-\$20 simpanannya. Jadi lebih daripada kalau sekiranya tidak ada KWSP.

Soalannya mengapa tidak ditinggikan? Jadi kita tidak bolehlah, duit KWSP hendak, majikan boleh bayar, tetapi tidak mahu mengikut perundangan, tidak dapatlah kita hendakkan. Orang kata kalau hendak sebuah katil yang elok, janganlah baring atas katil itu, sebab kalau baring mesti lusuhlah dia. "You cannot have both ways", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendakkan anak dara misalannya

janganlah kahwin dengan dia. Sesudah kahwin habislah "dara" dia! Jadi itulah kaedahnya dan tidak boleh hendak dua-dua sekali.

Tentang ingatan yang diberi oleh Senator Abdul Ghani tadi berkenaan dengan penelitian dan juga sikap berhati-hati pihak Panel Pelabur ini, insya Allah kita akan perhatikan supaya mereka ini benar-benar dapat memberi kepentingan kepada penyimpan-penyimpan, maka itulah juga di dalam Lembaga Pengarah mahupun di dalam Panel Pelabur. Kita sentiasa mementingkan pihak pencarum-pencarum ini sebenarnya untuk memastikan bahawa tidak ada berlaku perkara-perkara yang mungkin tidak diinginkan. Kita akan pastikan semua ini supaya tidak berlaku kecurangan di dalam usaha membanyakkan lagi faedah kepada pencarum-pencarum.

Saya rasa itu sahajalah yang dapat saya ulaskan dan kalau sekiranya ada yang saya lupa mengulas insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, akan kita ambil ingatan dan kalau sekiranya pandangan-pandangan itu, walaupun tidak diulas, memberi faedah kepada pencarum-pencarum, akan kita praktikkan di mana sesuai dan di mana boleh dipraktikkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-  
pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 25* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.03 ptg.*

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 berkaitan dengan skop elaun modal untuk sektor pertanian, galakan untuk penyelidikan dan pembangunan dan perkara-perkara lain dibaca kali kedua sekarang.

Di sini saya ingin mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Pada masa sekarang elaun perladangan diberi kepada perniagaan yang melibatkan aktiviti-aktiviti perladangan sahaja. Fasal 2 (a) hingga (d) memperkenalkan takrif "agriculture" dan "farm" dan memansuhkan takrif "harvesting" dan "plantation" yang ada sekarang, sementara Fasal 8 (a) bertujuan meminda perenggan 7 Jadual 3 kepada Akta ini. Pindaan-pindaan ini ialah untuk membolehkan skop elaun-elaun perladangan yang sedia ada diubahsuaikan menjadi elaun-elaun pertanian dan diperluaskan untuk meliputi semua aktiviti pertanian. Ini

adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk memberi galakan yang boleh memajukan industri pertanian.

Perbelanjaan menanam semula ke atas tanaman yang sama hasil atau tanaman yang berlainan hasil yang diluluskan dibenar di dalam mengira pendapatan larasan perniagaan. Fasal 2 (e) dan pindaan kepada seksyen 34 (6) (d) seperti di dalam Fasal 3 (a) bertujuan meminda takrif "replanting". Dengan pindaan-pindaan ini, hanya perbelanjaan menanam semula bagi tanaman yang sama hasil sahaja dibenarkan di dalam mengira pendapatan larasan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawan 1986, pengumuman telah dibuat untuk memberi galakan cukai yang lebih menarik kepada sektor swasta berhubung dengan penyelidikan dan pembangunan. Dengan itu Fasal 3 (b) memperkenalkan subseksyen baru (7) kepada seksyen 34 bagi membolehkan seseorang menuntut potongan atas perbelanjaan yang ditanggung olehnya bagi maksud penyelidikan saintifik yang berkaitan dengan perniagaannya. Usaha penyelidikan ini boleh dijalankan olehnya atau bagi pihaknya. Fasal 4 pula bertujuan meminda seksyen 34A bagi membolehkan potongan dua kali diberi dalam mengira pendapatan larasan sesuatu perniagaan berhubung dengan perbelanjaan bersifat hasil yang ditanggung atas penyelidikan yang diluluskan.

Fasal 8 (1) meminda perenggan 37B Jadual 3 kepada Akta untuk membolehkan seseorang yang menanggung perbelanjaan modal membina bangunan bagi maksud maksud penyelidikan yang diluluskan menuntut elaun-elaun bangunan industri walaupun penyelidikan yang dijalankan tidak berkaitan dengan

Perkhidmatan Awam dalam keadaan-keadaan di mana calon-calon warganegara tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi dan jawatan tersebut adalah penting dan perlu diisikan. Selain daripada ini Perintah Am tersebut juga mempunyai peruntukan untuk menamatkan perkhidmatan seseorang yang telah hilang kewarganegaraannya.

Berikutan dengan pelaksanaan Akta Sekatan Kerja 1968, pegawai yang bukan warganegara dan belum meningkat umur wajib bersara telah dikehendaki bersara atas kepentingan awam. Mengikut Akta Sekatan Kerja, calon yang bukan warganegara dikehendaki memperolehi permit kerja. Akta Sekatan Kerja tidaklah melibatkan pegawai dalam Perkhidmatan Awam dan oleh itu Majlis Gerakan Negara dalam mesyuaratnya yang ke 76 yang diadakan dalam bulan Februari 1970 telah memutuskan supaya perkhidmatan pegawai-pegawai yang bukan warganegara ditamatkan. Mereka yang telah berkhidmat selama 10 tahun dan ke atas adalah diberi pencen atau elaun persaraan.

Jumaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 6hb Julai, 1983 semasa menimbangankan Kertas Bil.3/85/1397/83 telah bersetuju meluluskan cadangan untuk melucutkan hak pencen seseorang pesara yang hilang kerakyatan terpakai kepada pegawai yang akan dilantik selepas pengwartaan pindaan kepada Undang-undang Pencen. Ini adalah disebabkan Jabatan Peguam Negara telah memberi pendapat bahawa sungguhpun pencen mengikut Undang-undang Pencen bukan satu hak mutlak, tetapi sekiranya pencen itu telah diberi kepada seseorang pesara, ia adalah merupakan satu harta dalam ertikata ungkapan "harta" di bawah Perkara 13 (1) Perlembagaan

Persekutuan. Pencen yang telah diberi tidak boleh ditarik balik melainkan atas sebab yang dibolehkan oleh Undang-undang Pencen. Oleh itu pencen yang telah pun diberi tidak boleh dilucutkan kecuali dibolehkan dalam undang-undang.

Di samping itu, oleh kerana tidak ada peruntukan untuk membolehkan pencen dihentikan apabila seseorang pesara hilang kerakyatannya, maka pindaan ini hanya boleh dipakai kepada pegawai yang dilantik selepas pengwartaannya. Kalau tidak, pindaan ini akan bercanggah dengan Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan yang memberi perlindungan kepada hak pencen.

Oleh yang demikian dicadangkan supaya pencen dan lain-lain faedah dihentikan serta-merta, jika seseorang dengan sukarejanya (selain daripada perkahwinan) memperolehi kewarganegaraan, atau telah menggunakan hak-hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain daripada Malaysia atau telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiannya. Hak-hak bagi orang tanggungannya yang masih memegang kewarganegaraan Malaysia untuk mendapat pencen dan lain-lain faedah akan juga dilucutkan.

#### *Pindaan Seksyen 25*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Seksyen 25. Pindaan ini bertujuan bagi memperuntukkan keadaan-keadaan di bawah mana orang tanggungan layak untuk diberi elaun persaraan terbitan. *Bayaran Tanpa Probate atau Surat Kuasa Tadbir.*

Mengikut Seksyen 26 (1), Akta Pencen 1980 yang berkuatkuasa sekarang, sebarang baki pencen yang belum sempat dibayar kepada seseorang pesara yang meninggal

perniagaannya. Fasal 8 (m) mewujudkan perenggan baru 37D untuk membolehkan perbelanjaan modal yang ditanggung atas jentera atau loji yang digunakan bagi penyelidikan yang diluluskan layak untuk mendapat elaun-elaun modal.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, faedah dari Bank Simpanan Nasional untuk deposit simpanan, deposit tetap dua belas bulan atau lebih dan deposit tetap sehingga berjumlah \$100,000 untuk tempoh enam bulan yang diterima oleh seseorang pemastautin individu dikecualikan daripada cukai. Fasal 7 meminda seksyen 109c Akta supaya cukai tambahan lima peratus dikenakan ke atas faedah yang tidak dikecualikan dari cukai yang dibayar oleh Bank Simpanan Nasional kepada seseorang pemastautin individu.

Fasal 9 (a) bertujuan memperkenalkan satu proviso baru kepada perenggan 1 Jadual 7A Akta untuk menentukan bahawa elaun pelaburan semula tidak meliputi perbelanjaan modal yang ditanggung bagi pembelian jentera atau loji untuk kegunaan pengarah atau kakitangan pengurusan atau pentadbiran. Fasal 9 (b) pula meminda perenggan 7 kepada Jadual dengan memberi senarai keadaan dan kedudukan yang mana sebuah syarikat tidak dapat menikmati elaun pelaburan semula.

Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman.

6.13 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menganggap ini satu perubahan yang baik untuk dibawa pada ketika di mana negara kita amnya dan ekonomi kita khususnya menghadapi cabaran dari segi pembangunan. Seringkali kita mengatakan bahawa sektor pertanian patut dibangunkan dengan lebih meluas dan lebih cergas lagi. Hingga kini kita hanya setakat mengatakan bahawa lebih banyak bentuk galakan-galakan yang akan diberikan kepada sektor tersebut. Dengan adanya pindaan-pindaan yang dibuat untuk Cukai Pendapatan, ini bermakna bahawa kata-kata tersebut dapat dikotakan dan daripada pindaan-pindaan ini maka keadaan yang mendiskriminasi sektor pertanian dapat dibatalkan, kalau sekiranya kita bandingkan kemudahan-kemudahan galakan yang telah kita berikan kepada sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berubahnya istilah "ladang" kepada istilah "pertanian", maka galakan ini akan menjadi lebih luas skopnya kerana istilah "pertanian" itu lebih mudah ditakrifkan, dan elaun modal yang diperuntukkan bukan sahaja meliputi modal-modal yang disalurkan dalam bentuk perniagaan yang

berkaitan dengan perladangan, bahkan ianya adalah meliputi modal-modal yang digunakan untuk pertanian.

Seperti yang tercatat di dalam Fasal 8, ianya meliputi modal untuk membersihkan ataupun menyiapkan tanah-tanah untuk pertanian, modal yang digunakan untuk menanam semula dan juga modal yang digunakan untuk membina jalan-jalan ataupun jambatan-jambatan dan sebagainya yang diperlukan oleh sesuatu kegiatan pertanian. Saya mengatakan bahawa diskriminasi terhadap pertanian telah berlanjutan sebegitu rupa sehinggakan kita tidak memberi galakan yang sewajarnya dalam bentuk insentif-insentif fizikal seperti yang telah kita biasa kita berikan kepada sektor perindustrian. Kita bukan sahaja tidak memberikan peruntukan-peruntukan seperti yang sedia ada untuk sektor perindustrian, bahkan kita mengenakan cukai pula kepada pengeluaran-pengeluar pertanian. Ini adalah satu "bias", dengan izin, yang berterusan. Jadi "bias" ini saya katakan lagi sekali dibuat dalam bentuk cukai-cukai eksport yang dikenakan kepada pengeluaran-pengeluar pertanian. Sebenarnya di negara ini kita mempunyai "Comparative Advantage", dengan izin, ataupun kelebihan perbandingan yang lebih tinggi dari segi pertanian. Dengan keadaan perbandingan yang lebih tinggi itu, kita sewajarnya menggunakan sepenuhnya, tetapi malangnya kita menggunakan keupayaan perbandingan itu untuk mengenakan penalti ataupun cukai terhadap pengeluar pertanian. Jadi, dengan adanya kemudahan fizikal seperti begini maka keadaan yang agak berbeza dari segi layanan itu dapat diperbetulkan.

Saya mengalu-alukan pindaan ini terutama sekali dalam keadaan di mana kita menggalakkan sektor

pertanian membetulkan keadaan yang ada sekarang ini dari segi pengeluaran makanan. Dan kita mengharapkan dengan adanya kemudahan-kemudahan galakan ini maka pihak swasta akan lebih giat lagi untuk menyalurkan modal mereka, kepakaran dan tenaga buruh yang ada untuk pengeluaran makanan yang lebih tinggi lagi. Kita sedia maklum bahawa pada hari ini kita terpaksa mengimport bahan-bahan makanan bernilai lebihkurang \$3 ribu juta setahun. Jadi, dengan adanya kemudahan fizikal yang diberikan oleh pihak Kerajaan maka lebih banyak modal dan buruh dan pakar yang dapat disalurkan ke sektor pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan peruntukan untuk menggalakkan penyelidikan dalam sektor pertanian. Kita sedia maklum bahawa di negara-negara maju misalnya di negeri Jepun, pembiayaan penyelidikan lebih berat dibiayai oleh sektor swasta dan lebih kurang 85% daripada kos untuk penyelidikan adalah datangnya daripada sektor swasta dan yang bakinya daripada sektor awam. Tetapi di negara kita ini keadaannya adalah terbalik—lebih daripada 80% pembiayaan penyelidikan sebenarnya ini datang daripada sektor awam dan yang 20% lagi ataupun kurang, datangnya daripada sektor swasta. Jadi, keadaan ini seharusnya patut diubah, dengan adanya harapan kita untuk menggalakkan peranan yang lebih meluas lagi daripada sektor swasta. Dengan adanya peruntukan yang memberi galakan kepada penyelidikan di sektor pertanian, maka saya mengharapkan bahawa lebih banyak modal dan juga kepakaran yang ada di sektor swasta dapat disalurkan kepada penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut kita terangkan di sini, dan saya harap Yang Berhormat Timbalan

Menteri dapat menerangkannya ialah bahawa biasanya galakan-galakan seperti begini dapat dinikmati oleh mereka yang membuat laporan secara besar-besaran sama ada dalam bentuk syarikat yang besar dan tidak dapat dinikmati oleh mereka yang membuat secara kecil-kecilan; sama ada peruntukan tidak diberi kepada mereka yang membuat pertanian secara kecilan untuk menikmati kemudahan ini ataupun mereka tidak faham ataupun tidak tahu adanya kemudahan-kemudahan galakan seperti begini. Jadi, soalan saya ialah sejauh mana kemudahan fizikal ini dapat dinikmati oleh siapa jua dan di apa jua tahap kegiatan mereka di sektor pertanian ini.

Jadi, dengan kata-kata itu, saya menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang Cukai Pendapatan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Oleh sebab tidak ada, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Senator Abdul Ghani Haji Othman di atas sokongan yang telah diberikan terhadap pindaan yang sedang kita bincangkan ini.

Barangkali hanya satu-dua perkara sahaja yang saya sebut berkenaan dengan cukai eksport, kita sedar bahawa petani-petani khususnya petani-petani yang mengeksport bahan-bahan pertanian pada masa dahulu memang dikenakan cukai yang banyak melalui cukai eksport ini. Tetapi di atas kesedaran perkara ini, maka kita telah dari masa ke semasa mengurangkan cukai-cukai eksport ini bukan sahaja dari segi peratusannya tetapi dengan meninggikan lagi, dengan izin, threshold price. Ertinya kalau sekiranya bahan itu kurang dari satu peringkat harga, ia tidak akan dikenakan sebarang cukai.

Maka itulah kalau kita ambil sebagai misalan pada tahun 70an misalnya cukai eksport daripada jualan getah, cukai eksport melalui getah misalnya, kita boleh dapat sampai lebih kurang \$1 ribu juta tetapi kebelakangan ini hanya \$100—\$120 juta sahaja setahun, ertinya kita telah menaikkan threshold price ini. Dan kalau sekiranya harga tidak sampai ke peringkat itu, seseorang yang mengesport tidak dikenakan cukai.

Ini cara-cara pihak Kerajaan mengurangkan lagi beban cukai kepada mereka yang menghasilkan hasil-hasil pertanian dan ini juga kita mahu supaya, dengan izin, comparative advantage, ataupun keupayaan perbandingan dapat digunakan oleh negara kita untuk membanyakkan lagi eksport kita.

Tentang penyelidikan tidak ada yang saya hendak ulaskan, oleh sebab kita hanya mendapat sokongan dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Cuma Yang Berhormat Senator Abdul Ghani telah membangkitkan tentang kemudahan dan ingin tahu sama ada ia dinikmati oleh pihak pengeluar-pengeluar kecil-kecilan ataupun hanya yang mengeluarkan secara besar-besaran. Yang sebenarnya satu-satu kemudahan itu boleh dinikmati oleh semua pihak. Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan tidak dikhaskan hanya kepada pengeluar-pengeluar yang besar, cuma barangkali perbezaannya bagi mereka yang mengeluarkan secara kecil-kecilan ini sama ada dia tidak tahu dan kalau tidak tahu bukanlah salah kita, ataupun sengaja tidak mengambil kesempatan ini sebab kalau pun diambil faedahnya sedikit bagi mereka, sedangkan bagi mereka yang mengeluarkan secara besar-besaran ataupun yang terlibat secara besar-besaran, dengan pegawai-pegawainya yang khusus, dengan set-upnya yang besar. Maka sudah tentulah sebarang

kemudahan-kemudahan ini akan digunakan oleh mereka. Jadi, agak sukarlah bagi kita hendak memastikan bahawa pengeluaran-pengeluaran kecil-kecilan ini mendapat faedah kecuali mereka itu sendiri yang berusaha untuk mengetahui ataupun mengambil sesuatu tindakan bagi mendapatkan faedah-faedahnya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pokoknya satu-satu kemudahan itu sememangnya diadakan untuk semua pihak tanpa mengira kecil atau besar taraf seseorang pengeluar itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Abdul Ghani di atas pandangannya yang mana sudah tentu akan memberi galakan dan sokongan kepada pihak Kerajaan berhubung dengan pindaan Akta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 hingga 9* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PENGALAKKAN PELABURAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.26 ptg.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membentangkan suatu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Pengalakan Pelaburan, 1986 untuk bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Kerajaan mencadangkan Rang Undang-undang Pengalakan Pelaburan, 1986 ini merupakan sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan untuk menjadikan negara ini lebih menarik kepada pelabur-pelabur. Pada masa ini memang telah sedia ada berbagai-bagai galakan cukai dan bukan cukai bagi menggalakkan perkembangan sektor perkilangan akan tetapi dari kajian-kajian lalu yang telah dilakukan oleh pihak-pihak seperti Bank Dunia dan IMF, menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam sistem galakan yang ada pada masa ini dan juga mekanisma pelaksanaannya.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini adalah hasil daripada ulangkajian yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan ke atas galakan-galakan yang ada sekarang. Galakan-galakan baru ini telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada bulan Oktober, tahun yang lalu sewaktu beliau membentangkan Rang Undang-undang Bekalan 1986 sebagai salah satu strategi untuk menggerakkan lagi perkembangan aktiviti perniagaan di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini. Pertamanya, sebuah syarikat yang bercadang untuk melibatkan diri di dalam mana-mana aktiviti yang digalakkan ataupun ingin mengeluarkan keluaran-keluaran yang digalakkan adalah layak untuk mendapat galakan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan.

Tempoh pengecualian cukai di bawah taraf perintis ditetapkan untuk selama 5 tahun tanpa mengira jumlah pelaburan. Manakala syarikat-syarikat yang telah diluluskan dengan elaun cukai pelaburan pula layak mendapat elaun tidak melebihi daripada 100% di atas perbelanjaan-perbelanjaan modal yang dibuat dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh kelulusan.

Galakan-galakan yang disebutkan di atas bukan hanya terhad kepada sektor perkilangan sahaja bahkan telah juga diperluaskan untuk meliputi aktiviti dan industri-industri pertanian yang digalakkan di bawah Dasar Pertanian Negara dan juga kepada industri-industri pelancongan termasuklah projek-projek hotel, motel, challey dan hostel serta projek-projek pelancongan seperti pusat rekreasi, taman permainan dan sebagainya. Ini adalah bertujuan untuk memperbaiki lagi galakan yang terbuka kepada kedua-dua sektor khususnya sektor pertanian agar setara dengan galakan-galakan yang diberi kepada sektor perkilangan.

Bagi syarikat pengilangan yang bermastautin di Malaysia, dan bukan merupakan sebuah syarikat perintis, atau syarikat yang telah diberi taraf perintis, serta bukan sebuah syarikat yang telah diberi elaun cukai pelaburan. Rang Undang-undang ini memperkenalkan satu galakan baru untuk pilihan dalam bentuk

pengurangan pendapatan larasan atau, dengan izin, abatement of adjusted income, bergantung kepada prestasi eksport sebuah syarikat itu dan juga sama ada syarikat berkenaan dapat memenuhi kriteria-kriteria yang tertentu. Pengurangan ini adalah sebanyak 10% daripada nilai ditambah eksport dan bertujuan untuk membolehkan industri pengeksport perkilangan yang mempunyai paras pemerosesan yang tinggi mendapat pengecualian cukai lebih daripada industri-industri yang lain, yang mempunyai nilai ditambah eksport yang rendah. Skim ini telah juga diperluaskan untuk meliputi pengeksport secara langsung dan tidak langsung. Oleh itu pengilang yang menjual keluaran-keluaran mereka kepada syarikat-syarikat di Zon Perdagangan Bebas dan kepada pengilang gudang berlesen juga layak untuk mendapatkan pengurangan 10% ini. Di samping itu pengilang eksport adalah juga layak untuk mendapat pengurangan pendapatan larasan bersamaan dengan 5% daripada nilai bahan-bahan tempatan yang digunakan di dalam pengeluaran eksport dan 5% lagi jika menggunakan bahan asli tempatan di dalam pengeluaran eksport.

Syarikat perkilangan kecil pula layak untuk mendapatkan pengurangan pendapatan larasan sebanyak 5% dan 5% lagi jika berjaya mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan equity di bidang perindustrian. Kedua-dua pengurangan ini, walau bagaimanapun, diberi bagi tempoh 5 tahun sahaja dan dengan syarat di dalam tahun asas berkenaan syarikat tersebut bermastautin di Malaysia.

Seterusnya bagi syarikat-syarikat yang mempunyai kilang yang beroperasi di kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan galakan perindustrian, mereka adalah layak mendapat pengurangan sebanyak 5%

galakan dan kemudahan dari Kerajaan kepada pelabur-pelabur luar negeri sebenarnya tidak dihargai oleh mereka—maksudnya pihak-pihak pelabur asing—sebenarnya tidak dihargai oleh mereka. Apa yang mereka mahu ialah keuntungan sahaja. Mereka mengimport apa yang dikatakan teknologi, membuka peluang-peluang pekerjaan di dalam kilang-kilang mereka dan menikmati pembayaran gaji yang rendah kepada para pekerja kita di Malaysia ini. Setelah tamat tempoh 5 tahun taraf perintis mereka pun mencari tenaga buruh yang murah dan berpindah ke negeri lain untuk mendapat keuntungan lagi. Kesan-kesan buruk yang dapat kita lihat ialah pengangguran, iaitu setelah pekilang-pekilang ini menutup kilang-kilangnya, pekerja-pekerja di kilang tadi akan diberhentikan kerja secara beramai-ramai dan pencemaran alam sekitar yang ditinggalkan.

Saya yakin Kerajaan hendaklah mengambil tahu perkara ini dan mengkaji semula syarat-syarat taraf perintis ini supaya kedua-dua pihak iaitu pihak pelabur dan negara sama-sama tidak rugi, malahan mendapat untung.

Yang kedua, sistem membayar cukai Kerajaan. Pengalaman dari tahun-tahun yang lepas menunjukkan bahawa disebabkan ada beberapa kelemahan di dalam peruntukan undang-undang, Kerajaan telah kehilangan cukai atau hasil yang banyak. Berbagai-bagai Jabatan masing-masing diberi kuasa untuk mengutip cukai atau hasil Kerajaan.

Rakyat secara individu dan sektor swasta terpaksa ke sana ke mari untuk membayar cukai itu. Sistem ini mungkin memakan masa yang panjang dan menimbulkan masalah kepada rakyat dan sektor swasta.

Sekarang ini kita sedang menghadapi kemelesetan ekonomi.

Syarikat atau firma-firma satu demi satu terpaksa memberhentikan tenaga pekerja dan secara langsung cukai dan hasil Kerajaan akan menurun.

Kita berharap bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelima yang akan datang ini, Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan dapat menyusun satu sistem yang lebih sesuai untuk masa yang akan datang supaya setiap rakyat dan sektor swasta dengan mudah membayar cukai pendapatan kepada Kerajaan. Sebagai contoh apa yang berlaku sekarang, setiap orang dikehendaki membayar cukai seperti:

- (1) cukai pendapatan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri;
- (2) cukai jalan kepada JPJ;
- (3) cukai pintu kepada Majlis-majlis Bandaran;
- (4) lesen radio dan TV kepada Pejabat Pos; dan begitu juga dengan bil telefon, bil api dan air.

Sementara sektor swasta pula dikehendaki membayar cukai Kastam dan lain-lain lagi. Kalau Kerajaan dapat memperkenalkan satu sistem pembayaran cukai dan sebagainya sekali atau setempat kepada penghujung bulan untuk kemudahan rakyat dan sektor swasta, kita yakin Kerajaan akan mendapat hasil yang banyak. Jadi, maksud saya tadi cukai itu hendaklah dibayar kepada satu tempat.

Yang ketiga saya suka menyentuh masalah pengangguran tadi. Setelah kilang-kilang tadi tamat tempoh taraf perintis, mereka meninggalkan negara kita dengan membawa balik keuntungan-keuntungan yang besar. Kalau saya sebutkan di sini agak kasar sedikit, apa yang kita namakan ialah satu sistem penjajahan ekonomi secara moden. Setelah mana dia telah

mengutip hasil negara kita, sudah kaya dia bawa balik. Inilah secara halus sikap penjah ekonomi secara moden ini. Setelah itu mereka juga meninggalkan pekerja-pekerja ataupun pekerja-pekerja kilang kebanyakannya terdiri daripada wanita yang akibatnya tidak ada bayaran dari segi sosial, kadangkalanya ada setengah-setengah itu tidak ada caruman wang simpanan, kesihatan terganggu dan kebanyakannya pekerja-pekerja kilang ini telah menggunakan tenaga mata seperti kilang elektronik dan sebagainya. Akibatnya pekerja-pekerja ini tadi khususnya wanita banyak menjadi korban dan mangsa. Mata sudah kelabu, tenaga sudah kurang, sudah sejuk kerana tempat itu berair-con, jadi wanitalah yang banyak menanggung akibatnya sehingga kita hendak mengajak mereka bekerja sebagai pembantu rumah pun kadangkala sudah separuh sakit.

Jadi, Kerajaan hendaklah mengkaji semula terutamanya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengenai taraf perintis. Apa yang saya katakan tadi supaya Kerajaan pun tidak rugi dan penanam-penanam modal pun tidak rugi, supaya kedua-dua dapat untung.

Satu lagi ada juga terdapat mengenai buruh tadi, ada yang mengambil buruh di bawah umur iaitu umur 15 hingga 24 tahun. Jumlah pengangguran dari mereka yang mendapat pendidikan formal semakin meningkat, sementara pengangguran di kalangan pendidikan menengah adalah paling tinggi.

Kadar pengangguran di kalangan kaum wanita adalah lebih tinggi bilangannya daripada kaum lelaki. Kebanyakannya adalah seperti pencari kerja kali pertama.

Rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, di sektor pertanian pengangguran tidak

nampak. Kalau kita fikirkan di sektor pertanian ini kurang tenaga buruh, jadi saya rasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga hendaklah mengadakan rancangan bersepadu. Umpamanya Kerajaan mengadakan rancangan bersepadu di antara Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan Kementerian Pertanian di mana mana-mana pekerja buruh kilang yang menganggur hendaklah disalurkan kepada Kementerian Pertanian supaya mereka itu boleh bekerja di sawah ladang, di ladang-ladang koko supaya mereka ini diasuh balik dengan sikap gemar kepada penggunaan tanah. Kerana bila mana soal kilang sudah banyak menutup kilangnya, dan gaji murah, kadangkala taukeh-taukeh atau pihak penanam-penanam modal, akal dia ada lain sedikit, bila dia sudah mewah, bila pekerja dia sudah sampai lima tahun, taraf kenaikan gaji sudah ada, mulalah dia kata dia sudah rugi. Ini terjadi terutamanya kepada bumiputera bila mana menyentuh soal kenaikan gaji, dia kata kilang sudah tutup dan hendak berhentikan pekerja.

Apabila orang ini sudah keluar atau berhenti kerja dengan bayaran sebulan gaji mulalah dia mengambil orang baru, adalah cara tipu helahnya. Perkara ini ada berlaku Yang Berhormat. Jadi hendaklah Kementerian ini berpakat dan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian, salurkan dan pupuk semangat dan berikan kursus ataupun latihan kepada belia, pemuda dan wanita atau pemudi supaya gemar kepada penggunaan tanah semula dan balik kepada semangat datuk nenek moyang kita supaya mereka ini menanam padi, bercucuk tanam, berkebun sayur dan sebagainya. Pihak lelaki pula kalau pihak wanita berkebun sayur nanti janganlah pandang wanita itu tidak cantik dan tidak mahu. Jadi kalau wanita itu pandai berkebun sayur dia juga pandai

memasak. Kalau sayur dimasak, rebus air pun nanti sedap. Jadi kita jangan pandang jijik kepada wanita-wanita yang bekerja di kebun. Kalau semua hendak duduk di bawah hawa dingin siapa pula hendak bertanam sayur?

Jadi, kita mesti balik ke belakang dari segi pertanian ini. Kini banyak tanah terbiar dan cara mana Kerajaan hendak mengatasi masalah pengangguran secara berleluasa. Jadi, daripada dia mengganggu dan berhijrah ke bandar-bandar besar menimbulkan masalah sosial kepada Kerajaan iaitu masalah tempat tinggal, berhijrah, lepas itu apabila ke bandar menari "breakdance" dan sebagainya. Ini amat menjolok mata. Kalau di RTM ramai sangat hendak menari dan menyanyi atau hendak cebur di dalam bidang itu. Jadi, sesuaiilah perkara itu dengan negara kita dalam penerapan nilai-nilai Islam tadi, biarlah kita berbalik kepada Islam, bercucuk tanam; dan kalau berbudi kepada tanah itu kata orang ringan tulang berat perut. Seperti kata Pantun Melayu:

"Kalau pergi ke kebun Che Ngah,  
Ambil parang tebang pisang,  
Kalau berbudi kepada tanah,  
Perut kenyang hati pun senang."

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Othman.

6.48 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama untuk menyokong Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan.

Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi bahawa

Rang Undang-undang ini adalah untuk mengatasi kelemahan hingga kini dan menguatkan lagi mekanisme untuk melaksanakan penggalakan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini memberi berbagai jenis kemudahan galakan sama ada dalam bentuk taraf perintis, elaun cukai pelaburan, pengurangan pendapatan larasan dan pengurangan pendapatan larasan berdasarkan kepada eksport dan juga elaun eksport untuk hasil pertanian. Tidak kira apa juga bidang seseorang itu menceburi sama ada dalam bidang perkilangan, pertanian atau pelancongan, kemudahan-kemudahan yang disediakan dalam Rang Undang-undang ini dapat dinikmati seolah-olah kita memberi peruntukan melalui Rang Undang-undang ini supaya adanya keseragaman atau uniformity dari segi kemudahan galakan. Ini adalah satu perubahan yang begitu baik sekali. Kerana kalau sekiranya kita membeza-bezakan bentuk galakan untuk perkilangan ataupun untuk pertanian dan pelancongan apa yang mungkin berlaku ialah kita dengan secara artificial, dengan izin, menggerakkan pelaburan ataupun menggerakkan tenaga kerja kepada sesuatu sektor dengan cara membeza-bezakan di antara satu dengan yang lain. Mungkin ada sektor yang berkembang, mungkin ada satu sektor yang lain yang akan berkurangan. Dengan adanya kemudahan yang berbentuk seragam untuk setiap sektor ini, maka pihak swasta akan dapat membuat perkiraan mereka sendiri mana yang sesuai, mana yang baik, dengan tidak adanya beza di antara galakan-galakan yang diperuntukkan.

Ini adalah satu perubahan yang saya berpendapat baik sekali. Tetapi satu sektor ataupun satu bidang di mana

adanya perbezaan dari segi amalan dan saya gunakan bidang ini sebagai satu contoh di mana perbezaan ataupun diskriminasi mungkin timbul iaitu dengan adanya sistem tarif yang melindungi setengah-setengah kegiatan tertentu. Dengan adanya perbezaan tarif ini, maka apa yang berlaku di sektor swasta ialah pelaburan akan mengalir kepada sektor di mana adanya perlindungan yang lebih tinggi dibandingkan dengan yang lain. Kita belum ada lagi satu sistem yang memberi perlindungan secara seragam atau secara uniform dalam bentuk tarif. Ini adalah satu amalan yang tidak sihat dari segi ekonomi.

Berbalik saya kepada Rang Undang-undang ini, dari segi peruntukannya, ianya berbentuk seragam tetapi saya rasa muskil sedikit dari segi amalan dan perlaksanaannya. Sejauh mana kita akan dapat memastikan adanya keseragaman dari segi pelaksanaan, apabila kita melihat peruntukan yang diberikan kepada Menteri yang berkenaan untuk menentukan apakah jenis keluaran ataupun apakah jenis aktiviti yang dikatakan digalakkan ataupun yang tidak digalakkan. Kalau kita merujuk kepada Fasal 4 Bahagian 3 di mana Menteri diberi kuasa-kuasa tertentu:

“(a) sama ada atau tidak dijalankan apa-apa aktiviti atau dikeluarkan apa-apa keluaran di Malaysia secara komersial yang sesuai dengan kehendak-kehendak atau pembangunan ekonomi Malaysia atau tidak dijalankan ataupun dikeluarkan langsung.

(b) ada—

(i) prospek-prospek yang baik untuk dimajukan lagi aktiviti ataupun keluaran itu; . . . .”  
dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya membaca Fasal 4 ini kerana ianya adalah begitu terbuka sekali untuk pihak Menteri menentukan mana satukan bidang atau mana satukah kegiatan ataupun secara khusus mana satukah keluaran ataupun barangan yang dianggap digalakkan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang ini memberi peruntukan supaya ianya dilaksanakan secara seragam, tetapi saya minta pengakuan daripada pihak Timbalan Menteri yang mewakili Kementerian yang berkenaan supaya dari segi amalannya keseragaman ini dapat diwujudkan supaya pihak swasta akan merasa layanan yang diberikan oleh pihak Menteri khasnya dan pihak Kementerian amnya adalah seimbang dan sejajar dengan harapan kita untuk memajukan sektor perkilangan, sektor pertanian dan juga sektor pelancongan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Kalau tiada, sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan. Sekian.

6.53 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan 1986 khasnya Yang Berhormat Senator Dato G. Pasamanickam, Senator Hajjah Azizah dan Senator Abdul Ghani bin Haji Othman.

Saya mengucapkan terima kasih kerana sokongan yang padu dan bulat yang diberikan kepada Rang Undang-undang ini. Saya ingin membuat

pemerhatian dan penerangan tentang beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Dato G. Pasamanickam telah pun bersetuju menegaskan bahawa Rang Undang-undang ini akan memberi galakan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan eksport hasil perindustrian negara kita dan bukan sahaja dalam bidang barang-barang pembuatan yang biasa tetapi juga barang-barang yang berasaskan pertanian dan sebagainya. Memang inilah menjadi hasrat Kerajaan dalam hendak mempelbagaikan sektor eksport negara kita supaya kita tidak hanya bergantung kepada pembuatan semata-mata tetapi lebih kepada barangan-barangan yang berasaskan pertanian dan sebagainya.

Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Dato G. Pasamanickam dalam usaha untuk meningkatkan hasil perindustrian negara ini, soal latihan teknikal itu memang satu bidang yang amat perlu dan penting ditekankan. Kalau kita tidak memberikan perhatian utama kepada soal latihan sama ada dari segi teknikal dan lain-lain, kita mungkin tidak dapat mencapai hasrat negara untuk meningkatkan tahap pencapaian kita dalam bidang industri kerana kurangnya expertise yang mampu menyokong dasar tersebut. Maka sebab itu kita telah pun memberi perhatian utama dengan menubuhkan beberapa institusi latihan teknikal untuk membolehkan lebih ramai daripada warganegara kita dilatih dalam bidang-bidang yang difikirkan perlu untuk menyokong usaha perindustrian negara.

Di samping itu juga kita memang sedang mengkaji bentuk galakan yang mungkin boleh ditawarkan kepada

pihak industri dalam soal untuk memberi latihan, walaupun di peringkat awal ini kita belum lagi dapat memperuntukkan jenis-jenis galakan yang tertentu kepada mana-mana pihak yang menyediakan peluang-peluang latihan tetapi di dalam pelan induk perindustrian ada diperakukan supaya Kerajaan mengkaji kemungkinan-kemungkinan supaya peruntukan diadakan untuk menawarkan galakan-galakan yang tertentu, insentif tertentu kepada sektor swasta khususnya untuk menyediakan peluang-peluang latihan kerana kita menyedari hakikat ini penting dalam hendak menjayakan dasar perindustrian negara kita.

Demikian juga sebagaimana Yang Berhormat Dato G. Pasamanickam menerangkan tadi bahawa dengan adanya Rang Undang-undang baru yang kita kemukakan ini, ini akan memberi kesempatan bagi kita mempelbagaikan kegiatan industri negara kita dan tidak hanya tertumpu kepada satu sektor yang sempit. Ini telah pun dapat perhatian dalam tahun-tahun mula-mula kita hendak melancarkan Dasar Perindustrian Negara di mana kita hanya menumpukan kepada satu sektor yang mudah kerana mungkin di peringkat awal kita tidak memiliki teknologi yang sesuai, pengetahuan yang tinggi dan kita perlu mempelajari daripada kemajuan yang dicapai oleh negara-negara maju. Tetapi kita sudah sampai ke peringkat yang kedua sekarang ini, bahawa kita telah mempunyai keupayaan untuk mengembangkan sektor perindustrian negara kita dan sudah sampai masanya bagi kita menggalakkan peningkatan eksport barangan hasil buatan negara kita tidak sahaja dikenali sebagai negara yang mengeluarkan hasil-hasil barangan utama, tetapi hasil-hasil barangan utama yang diproses juga boleh memasuki pasaran eksport.

Senator Hajjah Azizah dengan panjang lebar telah menyuarakan

perjuangan wanita dan perhatian diminta supaya kita memberikan penekanan kepada pelabur-pelabur asing yang disebutkan oleh beliau tadi, katanya tidak menghargai usaha dan galakan yang ditawarkan oleh Kerajaan kepada mereka kerana mengamalkan sikap diskriminasi ataupun sikap penindasan terhadap pekerja dan sebagainya.

Saya ingin menyatakan bahawa perhatian ini sebenarnya tidaklah begitu tepat, kerana dalam satu segi kita harus mengakui bahawa pelabur-pelabur asing telah pun memainkan peranan dan sumbangan dan besar terhadap pembangunan perindustrian negara kita. Kalau tidak ada pelabur-pelabur asing, saya fikir kita akan menghadapi besar lagi masalah dalam soal hendak memenuhi hasrat negara suaya kita menjadi sebuah negara yang maju di dalam bidang industri. Contribution ataupun sumbangan yang besar ini harus kita iktiraf. Bukan sahaja mereka telah pun dapat melaburkan wang yang beribu juta ringgit ke dalam negara kita tetapi juga menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang banyak.

Dalam satu segi memang kita akui ada bidang-bidang di mana soal nilai ditambah (value-added) itu boleh kita perhatikan lagi supaya kilang-kilang ini dapat menggunakan bahan-bahan tempatan yang banyak, tetapi dari segi yang lain dapat juga mengakui bahawa pelabur-pelabur asing iaitu syarikat-syarikat dan kilang-kilang dan operasi yang telah pun dijalankan di negara kita ini telah pun memberi peluang pekerjaan yang banyak kepada warganegara kita sendiri. Tetapi memanglah tidak dapat dinafikan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti sekarang ini, seperti zaman meleset ini, banyak sektor yang terlibat dengan keadaan kemelesetan ekonomi dan tidaklah terkecuali sebahagian daripada sektor seperti

sektor elektrik, sektor elektronik yang banyak bersandarkan kepada pasaran luar negeri.

Maka dengan sebab itu mereka telah pun mengambil tindakan, umpamanya untuk memberhentikan pekerja-pekerja. Tetapi saya ingin menjelaskan bahawa dalam soal pengangguran dan soalan tenaga pekerja ini, pihak Kementerian sendiri dan juga Kementerian Buruh sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memastikan terutama syarikat-syarikat yang mendapat nikmat daripada taraf perintis ini tidak dengan sewenang-wenangnya membuang pekerja-pekerja tanpa alasan-alasan yang munasabah. Saya sendiri telah pun memanggil beberapa pihak terutama Dewan Perniagaan Kebangsaan dan juga Persatuan Pengilang Malaysia dan beberapa badan-badan yang mewakili kepentingan majikan untuk berbincang dengan mereka dan menjelaskan bahawa dalam soal pemberhentian pekerja ini kita perlulah berhati-hati dan tidak seharusnya mengambil langkah terburu-buru ataupun mengambil kesempatan di dalam air yang keruh ini untuk membuang pekerja-pekerja tanpa diberikan cukup pampasan dan sebab-sebab yang munasabah untuk mengambil tindakan begitu. Kita telah pun diberikan jaminan bahawa perkara ini tidak akan dilakukan, walaupun mungkin ada adalah secara yang isolated.

Saya ingin menjelaskan dalam hal ini kita memang ada undang-undang yang tertentu seperti Akta Buruh dan juga Akta Pekerjaan yang melindungi kepentingan pekerja-pekerja sekalian. Oleh sebab itu walaupun syarikat ini diberikan taraf perintis, mereka tidak boleh mengambil langkah-langkah yang sewenang-wenangnya untuk memberhentikan para pekerja tanpa diberikan cukup perlindungan pampasan dan sebagainya. Tetapi

mungkinlah sebagaimana Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah menerangkan tadi ada berlaku perkara-perkara itu dan kita percaya kalau kita mendapat bukti-bukti yang nyata, pihak Kementerian yang berkenaan seperti Kementerian Buruh bolehlah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya. Tetapi kenyataan Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah menyatakan bahawa pelabur asing selepas mendapat keuntungan dan selepas tempoh taraf perintis gulung tikar ataupun berhenti membuat operasinya. Ini tidak berapa betul, Tuan Yang di-Pertua, kerana sebenarnya dari segi hakikat kita dapat melihat dari segi sejarah dan angkanya dapat dibuktikan bahawa setakat ini tidak ada syarikat yang selepas untung, berhenti operasi dan pindah ke negeri lain, malahan yang berlaku ialah banyak syarikat-syarikat yang sudah mendapat keuntungan, membesarkan kilang-kilang mereka dengan menambah pelaburan-pelaburan yang lebih banyak dan juga mengambil pekerja-pekerja yang lebih ramai.

Ini jelas terbukti kerana mereka merasakan walaupun mungkin taraf perintisnya sudah tamat, tetapi ada beberapa faktor-faktor yang positif yang lain yang masih wujud di dalam negara kita yang menyebabkan mereka mahu terus kekal dan melaburkan wang yang lebih banyak kerana keadaan iklim pelaburan yang lebih sesuai, keadaan politik negara yang lebih stabil dan hal-hal lain yang paling baik. Dengan sebab itu kenyataan yang disebutkan tadi tidaklah berapa tepat. Kalaupun ada mereka yang meninggalkan negeri ini, mungkin disebabkan oleh operasi yang tidak menguntungkan, inipun tidak kira mereka itu pelabur asing, kalau pun pelabur tempatan, kalau operasi tidak untung, mungkin mereka terpaksa gulung tikar. Ini keadaan soal ekonomi yang tidak dapat kita elakkan. Jadi oleh sebab itu, apa yang

disebutkan oleh Senator tadi yang menyatakan bahawa ini merupakan satu bentuk penjajah ekonomi secara moden, kalau apa yang dapat saya jelaskan, mungkin tidak begitu tepat.

Soal kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah ialah soal membayar cukai. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir seharusnya dapat dibangkitkan dalam masa Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Pindaan Akta Cukai, itu lebih tepat, tetapi saya ucapkan terima kasih dan kita ambil perhatian tentang apa yang dibangkitkan tadi khususnya masalah-masalah dari segi banyaknya kena bayar cukai, cara hendak bayar cukai yang sukar dan sebagainya. Saya fikir pihak wakil Kementerian akan mengambil perhatian tentang perkara ini.

Saya bersetuju dengan pandangan Senator tadi yang menyatakan bahawa kita perlu memberitahu perhatian kepada sektor pertanian, sebagaimana yang juga dipersetujui oleh Yang Berhormat Senator Abdul Ghani Othman yang menyatakan bahawa Akta ini menunjukkan ada keseragaman dalam galakan yang diberikan kepada semua sektor, sedangkan pada masa-masa yang lalu kita hanya memberikan perhatian kepada sektor perkilangan; sektor pertanian dan sektor pelancongan tidak diberikan galakan-galakan yang tertentu. Tetapi dengan adanya Akta ini, maka bermakna bahawa kita telah pun memberikan perhatian utama untuk menempatkan sektor pertanian dan industri yang berasaskan pertanian serta industri pelancongan setaraf ataupun setahap dan sama kedudukannya dengan sektor perkilangan.

Tentang soal diskriminasi kerana adanya sekor-sektor yang didiskriminasikan sebagaimana yang disebut oleh Senator Abdul Ghani

Othman, disebabkan adanya perlindungan, saya ingin menjelaskan bahawa kita tidak bersetuju ataupun pada dasarnya kita tidak suka untuk mengamalkan dasar perlindungan bahkan kita mengancam banyak negara-negara terutama Amerika Syarikat dan Jepun yang mengamalkan dasar itu yang tidak memberikan pasaran bagi barangan yang kita hasilkan dan justeru itu kita juga tidak suka untuk mengamalkan dasar yang serupa. Tetapi kalau orang lain lindung pasaran mereka, kita tidak lindung pasaran kita, maka bermakna banyak barangan yang dikeluarkan oleh mereka akan dilambakkan ke negara kita dan ini akan menjejaskan prestasi industri di dalam negara kita.

Maka oleh sebab itu, mahu tidak mahu kita terpaksa memberikan sedikit sebanyak perlindungan kepada industri-industri yang tertentu, tidak kepada semua sektor. Kalau kita rasakan ada sektor yang boleh berdiri atas kaki sendiri dan boleh "compete" dengan secara efektif dengan pasaran antarabangsa, there is no need, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, tidak perlu lagi kita memberikan perlindungan. Dalam soal ini memang ada Fasal 4 sebagaimana Yang Berhormat Senator Abdul Ghani sebutkan yang memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menentukan jenis-jenis industri yang boleh digalakkan.

Saya ingin memberikan jaminan bahawa dalam hal hendak menentukan industri-industri yang digalakkan, kita akan mengambil perhatian apa yang disebutkan oleh Senator Abdul Ghani tadi bahawa tidak seharusnya ada satu sektor yang lebih utama daripada sektor-sektor yang lain, umpamanya sektor perkilangan lebih daripada sektor pertanian kerana hasrat kita ialah untuk memberikan perlindungan

ataupun pertimbangan dan galakan yang serupa kepada semua ketiga-tiga sektor yang dianggap penting tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah sahaja ulasan-ulasan yang dapat saya berikan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 55* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tempohkan Dewan yang mulia ini selama 35 minit daripada sekarang dan Dewan akan bersidang semula pada jam 7.45 malam.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 7.11 malam.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 7.48 malam.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

## **RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*7. 48 mlm.*

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983, dibaca kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Paten 1983 bagi mengadakan suatu Akta Paten yang lebih kemas dan lengkap sejajar dengan keperluan semasa dan suasana perdagangan yang dinamik. Seperti termaklum, suatu sistem harta perindustrian yang kukuh dan kemaskini adalah penting untuk menggalakkan pengaliran pelaburan asing dan pemindahan teknologi ke Malaysia.

Akta Paten 1983 telah digubal supaya membantu perkembangan yang lancar bagi sistem harta perindustrian di Malaysia serta memberi laluan kepada bagi meningkatkan pemindahan dan perkembangan teknologi negara. Dengan undang-undang yang lengkap, rekacipta-rekacipta akan terjamin dan diberi perlindungan dari berlakunya penyalahgunaan paten. Perlindungan yang berbentuk sejagat ini adalah satu perkara yang perlu bagi negara ini kerana sebagai sebuah negara membangun, banyak kajian-kajian berbentuk penyelidikan dan pembangunan telah dan akan dijalankan di negara ini.

Bagi memastikan supaya setiap penemuan yang dihasilkan di dalam

rancangan penyelidikan dan pembangunan dilindungi, maka suatu akta yang boleh melindungi rekacipta-rekacipta dengan berkesan perlulah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini para pemohon yang ingin memohon paten, perlu mendaftar permohonan di United Kingdom terlebih dahulu. Adalah sedia maklum perbelanjaan yang tinggi diperlukan kerana para pemohon terpaksa pergi ke United Kingdom dan melantik seorang agen paten di sana untuk menguruskan permohonan beliau. Ini memerlukan perbelanjaan yang agak besar yang mana pencipta-pencipta yang tidak berkemampuan dari segi kewangan akan secara tidak langsung membataskan niatnya dan mungkin mengusahakan rekaciptanya tanpa perlindungan paten. Dengan ini ia mengalami risiko yang tinggi di mana ada kemungkinan ciptaannya ditiru atau dipaten oleh pihak-pihak yang lain. Risiko tersebut banyak ditanggung oleh rekacipta yang kecil yang tidak mempunyai kemampuan dari segi kewangan atau konteks mendapatkan paten mereka di United Kingdom.

Dengan berkuatkuasanya akta Paten di negara ini, maka pemohon tidak perlu lagi pergi ke United Kingdom untuk mendaftarkan patennya. Permohonan beliau dibuat terus di Malaysia dan perakuan paten juga akan dikeluarkan di Malaysia.

Di samping itu pihak Kerajaan juga akan mendapat pulangan berbentuk fee yang dibayar oleh pemohon untuk mendapatkan patennya di negara ini. Secara tidak langsung pihak Kerajaan dapat menyelamatkan pertukaran asing.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Akta Paten, 1983 yang telah pun diluluskan pada tahun 1983, masih belum dikuatkuasakan kerana tidak

adanya peruntukan-peruntukan peralihan mengenai permohonan-permohonan yang difailkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak sebelum Akta Paten, 1983 mula dikuatkuasakan.

Di samping itu beberapa pindaan lain juga dibuat yang merupakan kekurangan-kekurangan dan ketinggalan-keinggalan tak sengaja dalam undang-undang ini. Kesempatan juga diambil untuk memasukkan dua peruntukan yang berhubung dengan pindaan dan pembahagian permohonan dan tarikh prioriti untuk perbaharuan utiliti supaya menyelaraskan peruntukan-peruntukan Akta Paten, 1983 dengan peruntukan-peruntukan konvensyen Paris sebelum Malaysia mengambil tindakan menganggotai konvensyen Paris. Dengan demikian penguatkuasaan Akta Paten, 1983 dan penyertaan Malaysia kepada Konvensyen Paris terpaksa ditangguhkan sehingga pindaan sewajarnya dibuat ke atas Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengkaji semula Akta Paten, 1983 beberapa pakar antarabangsa telah dirundingi dan pandangan dan ulasan Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Dewan Perniagaan dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia juga diambil kira. Pindaan-pindaan ke atas Akta Paten, 1983 boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pindaan substantif, pengukuhan peruntukan-peruntukan yang sedia ada supaya lebih jelas dan membetulkan kesilapan teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, di antara pindaan substantif yang ingin saya menyentuh ialah peruntukan mengenai penubuhan pejabat cawangan, peruntukan mengenai pemfailan paten oleh pemastautin larangan terhadap penyiaran maklumat yang mungkin mudarat

kepada negara, paten saling berkait dan peruntukan mengenai perbaharuan utiliti (utility innovation).

Pindaan substantif pertama ialah peruntukan mengenai penubuhan pejabat cawangan untuk membolehkan pemfailan permohonan paten di peringkat negeri. Ini disebabkan tarikh pemfailan permohonan merupakan satu faktor penting bagi menentukan tarikh prioriti dan oleh itu kemudahan seperti ini patutlah diwujudkan bagi membolehkan pemohon-pemohon mendaftarkan permohonannya di negeri-negeri.

Pindaan substantif kedua ialah peruntukan baru yang melarang seseorang bermastautin di Malaysia daripada menfailkan permohonan paten di luar Malaysia melainkan jika permohonan patent tersebut telah difailkan di Malaysia. Dengan peruntukan ini Kerajaan akan dapat mengetahui dengan secara langsung rekacipta-rekacipta yang telah dimajukan di dalam negara ini dan mengikut dengan rapatnya perkembangan teknologi di dalam negara.

Pindaan substantif yang ketiga ialah peruntukan yang melarang penyiaran maklumat yang mungkin mudarat kepada negara. Dengan peruntukan ini jika penyiaran ataupun penyampaian apa-apa maklumat yang terkandung di dalam sesuatu permohonan paten, mungkin mudarat kepada kepentingan ataupun keselamatan negara, maka arahan-arahan boleh dikeluarkan untuk melarang ataupun menyekat penyiaran atau penyampaian maklumat tersebut. Peruntukan ini adalah mustahak bagi memelihara keselamatan negara kita.

Pindaan substandif seterusnya adalah peruntukan mengenai paten

saling berkait, dengan izin, interdependence of patents. Seksyen ini membuat peruntukan bagi satu alasan tambahan untuk memberikan lesen wajib jika satu rekacipta yang dipaten tidak boleh diusahakan tanpa melanggar hak-hak yang telah didapati daripada sesuatu paten yang terdahulu, maka pemunya paten yang terkemudian boleh memohon kepada Lembaga paten supaya diberikan kepadanya satu lesen wajib berkenaan dengan paten yang terdahulu itu setakat membolehkan rekacipta itu diusahakan. Peruntukan ini akan menggalakkan penciptaan dari segi mewujudkan teknologi yang sedia ada dan memudahkan penggunaan teknologi tersebut.

Peruntukan substantif yang terakhir yang perlu saya huraikan ialah pindaan mengenai perbaharuan utiliti (utility innovations). Dengan pindaan yang dicadangkan, pembaharuan utiliti ditafsirkan semula supaya merangkumi keluaran. Peruntukan mengenai perbaharuan-perbaharuan utiliti, bayaran fee untuk perbaharuan utiliti dan peruntukan mengenai pelanggaran perbaharuan utiliti dicadangkan dipinda supaya melengkapkan peruntukan-peruntukan mengenai perbaharuan utiliti.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan di bawah kategori dua adalah perlu untuk mengukuhkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada supaya lebih jelas difahami dan juga bagi tujuan mengemas dan menyelaraskan peruntukan-peruntukan tersebut dengan amalan semasa. Dengan pindaan tersebut pelaksanaan peruntukan-peruntukan yang terlibat akan dimudahkan dan tidak tertakluk kepada tafsiran yang berbeza. Peruntukan-peruntukan yang terlibat di kategori ini termasuk peruntukan mengenai taraf Lembaga Paten, peruntukan mengenai tanggungjawab

Lembaga Paten, peruntukan Daftar Paten dan peruntukan mengenai rekod dan permohonan kontrak lesen.

Rasanya tak perlu saya menghuraikan secara terperinci, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan tersebut, memandangkan pindaan itu telah pun diterangkan dengan jelas dalam huraian kepada Rang Undang-undang ini. Selain daripada pindaan substantif dan pindaan mengukuhkan sesuatu peruntukan, juga didapati beberapa kesilapan teknikal dalam Akta yang perlu dibetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Paten, 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Oleh sebab tidak ada Ahli-ahli yang hendak berucap sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 39* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

8.20 mlm.

### **Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan) 1971 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) telah ditubuhkan pada tahun 1971 dengan objektif untuk menjamin kestabilan industri padi dan beras negara demi untuk kebajikan petani dan pengguna-pengguna melalui penetapan harga yang berpatutan untuk kedua-dua golongan. Di samping itu LPN adalah bertanggungjawab untuk memastikan bekalan beras negara adalah mencukupi pada setiap masa ketika aman, mahupun semasa kecemasan, di samping memajukan industri ini secara keseluruhannya.

Peranan LPN adalah penting dalam hubungannya dengan pembangunan negara terutamanya yang berhubung dengan kebajikan petani-petani di negara ini.

Di negara kita ada lebih daripada 212,000 petani padi dan jika diambil kira tanggungan mereka kira-kira sejumlah 1.1 juta orang rakyat negara ini adalah bergantung secara langsung kepada pertanian padi.

Di negara ini sekarang terdapat seluas 434,335 hektar sawah padi yang diusahakan dan penghasilan padi tahunan adalah kira-kira 1.61 juta tan

metrik. Pengeluaran ini dapat menampung keperluan semasa beras negara pada paras 85%.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ke atas Akta LPN ini meliputi beberapa aspek utama iaitu penguatkuasaan, pentadbiran dan kewangan. Dengan pindaan-pindaan ini LPN akan mempunyai peruntukan undang-undang yang lebih sempurna untuk melaksanakan tugas-tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk beberapa tahun yang lepas, perangkaan menunjukkan bahawa penyeludupan beras dan padi adalah merupakan satu masalah yang serius dan mengganggu pasaran negara di mana beras yang dihasilkan di negara ini sukar dijual. Bagi tahun 1981 jumlah beras rampasan tanpa tuan iaitu beras yang diseludup masuk ke negara ini adalah sebanyak 82,213 kilogram. Jumlah ini telah meningkat kepada 304,390 kilogram pada tahun 1985.

Pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan kepada peruntukan-peruntukan yang bertujuan untuk memperkemaskan lagi kuasa LPN untuk mengawasi dan mengambil tindakan berkait dengan penyeludupan termasuklah pindaan kepada seksyen 4 (2) (*da*) yang memperluaskan kuasa LPN untuk menghadkan amaun padi atau beras yang boleh disimpan atau dimiliki oleh semua orang.

Di dalam mengemukakan cadangan pindaan ini kepentingan orang ramai tidak diketepikan. Satu seksyen baru iaitu seksyen 22A (2) membolehkan seseorang menuntut barang-barang yang dirampas dengan mengemukakan notis bertulis dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis mengenai rampasan disiarkan. Bagi barang-barang yang dilepaskan tetapi barang itu adalah barang kes atau evidence yang perlu dikemukakan kepada

mahkamah apabila perbicaraan diadakan, maka orang yang menuntutnya mesti memberi jaminan mengemukakan semula kepada mahkamah barang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan mengenai pencegahan penyeludupan ini diperkemas lagi dengan cadangan pindaan seksyen 29 dan tambahan seksyen 29A. Pindaan seksyen 29 adalah untuk membolehkan mahkamah merampas barang-barang yang telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu di bawah Akta, walaupun barang-barang ini bukan kepunyaan tertuduh.

Mengikut seksyen 29 sekarang mahkamah tidak mempunyai kuasa misalnya untuk merampas sebarang kenderaan yang terlibat dalam kesalahan jika tuan punya kenderaan itu tidak dituduh. Ada masanya didapati kenderaan yang sama telah digunakan beberapa kali untuk melakukan kesalahan di bawah Akta LPN. Dengan adanya cadangan pindaan ini, maka mahkamah bolehlah menggunakan budi bicaranya sama ada hendak merampas kenderaan itu ataupun tidak.

Tambahan seksyen 29A adalah mengenai kesan lucuthak di mana barang yang telah dilucuthak hendaklah diserahkan kepada Pegawai Berkuasa dan hendaklah menurut arahan Ketua Pengarah. Beberapa peruntukan dicadangkan untuk dipinda dan ditambah bagi memperkemas lagi peruntukan Jemaah Lembaga LPN.

Seksyen tambahan 5 (2A) adalah mengenai tugas Ahli-ahli Lembaga Pengarah LPN. Pindaan kepada seksyen 8, tambahan seksyen 7 (3) dan tambahan beberapa perenggan kepada Jadual Seksyen 5 adalah mengenai perwakilan dan penurunan kuasa Lembaga.

Pindaan kepada seksyen 7 (2) pula adalah untuk menjelaskan keadaan-keadaan di mana dokumen-dokumen perlu dimeteraikan dengan meterai Lembaga.

Tambahan seksyen 7 (3) adalah bagi dokumen-dokumen dan suratcara-suratcara lain yang tidak dimeterai dan boleh disempurnakan oleh mana-mana pegawai yang telah diberi kuasa oleh Lembaga. Pindaan kepada seksyen 8 adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga mewakilkan kepada mana-mana orang atau badan bukan sahaja tugas-tugasnya, tetapi juga kuasa-kuasanya melainkan kuasa untuk membuat pinjaman di bawah seksyen 13 dan khususnya untuk membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 32.

Bagi Jadual seksyen 5 adalah dicadangkan tambahan perenggan 8 iaitu mengenai penzahiran kepentingan oleh anggota-anggota Lembaga dan perenggan 9, iaitu mengenai penerimaan sebagai keterangan tanpa bukti lanjut, minit-minit mana-mana mesyuarat Lembaga yang telah ditandatangani dengan sempurnanya. Di samping itu adalah dicadangkan tambahan Bahagian II kepada Jadual seksyen 5 iaitu, perenggan 10 mengenai perlantikan Setiausaha Lembaga.

Perenggan 11 mengenai perlantikan Jawatankuasa-jawatankuasa dan Jawatankuasa-jawatankuasa kecil oleh Lembaga.

Perenggan 12 mengenai pembayaran saraan dan elaun-elaun kepada anggota Jawatankuasa-jawatankuasa dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil.

Perenggan 14 mengenai penzahiran kepentingan untuk anggota Jawatankuasa dan Jawatankuasa Kecil dan perenggan 15 mengenai penerimaan sebagai keterangan tanpa bukti lanjut minit mana-mana

mesyuarat sesuatu Jawatankuasa atau Jawatankuasa Kecil yang telah ditandatangani.

Pada masa ini Akta LPN tidak mempunyai peruntukan mengenai syarat-syarat perlantikan Ketua Pengarah. Oleh itu pindaan ke atas seksyen 9 adalah dicadangkan.

Adalah dicadangkan pindaan dibuat juga kepada seksyen 32 untuk menyatakan secara khusus kuasa Lembaga membuat peraturan bagi menetapkan perkara-perkara yang berkaitan dengan rayuan oleh pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat Lembaga yang terkilang dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah atau mana-mana orang atau badan yang telah diwakilkan kuasa untuk membuat keputusan itu.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan adalah juga dicadangkan ke atas peruntukan Akta ini yang mengenai kewangan. Adalah dicadangkan pindaan ke atas seksyen 15 (2) berkait dengan peruntukan mengenai kelulusan Yang Berhormat Menteri ke atas perbelanjaan LPN supaya belanjawan LPN dapat diselaraskan dengan belanjawan negara. Di samping itu tambahan peruntukan seksyen 37A dicadangkan supaya peruntukan-peruntukan mengenai kewangan di dalam Akta LPN diselaraskan dengan peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Beberapa pindaan ke atas peruntukan mengenai kewangan adalah bagi tujuan pelaksanaan peraturan melesen kilang padi. Adalah dicadangkan tambahan seksyen 12A di mana seksyen ini membolehkan wang yang dipungut daripada pengeluaran lesen kilang padi diberi pada Kerajaan Negeri di mana pemegang lesen mengendalikan kilang padi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Othman.

*8.09 mlm.*

**Tuan Ahmad bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Suatu Akta yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara tahun 1971.

Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya bagi LPN untuk mengetatkan lagi segala undang-undang yang telah ada ataupun undang-undang yang baru, yang telah dicadangkan oleh Timbalan Menteri tadi di dalam penguatkuasaan pentadbiran dan juga kewangan bagi membolehkan LPN menjalankan terus kewajipannya terhadap kepentingan para petani dan juga kepentingan rakyat jelata di seluruh negara pada masa ini. Di samping itu juga saya suka menarik perhatian Kerajaan Pusat ataupun Lembaga Padi dan Beras Negara untuk mengadakan peruntukan wang yang secukupnya bagi disalurkan ke kilang-kilang padi LPN di seluruh negara di waktu musim menuai padi, supaya kilang-kilang LPN dapat berfungsi lebih giat lagi untuk membeli padi daripada petani-petani di kawasan negeri-negeri khasnya di negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini perlu saya kemukakan, walaupun mengenai dengan Rang

Undang-undang ini, akan tetapi perkara ini selalu sahaja kita bangkitkan di kawasan-kawasan sawah padi yang mana perkara ini ditimbulkan oleh petani-petani. Pada tahun ini iaitu di musim menuai padi kita terdapat pihak LPN tidak mencukupi kewangan bagi membeli padi daripada petani-petani sehingga menimbulkan berbagai-bagai masalah yang merumitkan lagi para petani.

Kadangkala apabila padi itu dibeli oleh LPN, para petani terpaksa berulang alik sehingga dua tiga hari ke bank untuk mendapatkan pembayaran wang tersebut. Maka dengan demikian timbullah masalah kepada petani-petani yang tidak menaruh kepercayaan lagi kepada LPN oleh kerana wang mereka lambat dibayar setelah dibeli. Jadi, dengan yang demikian, saya rasa patutlah Kerajaan Pusat ataupun bagi pihak Lembaga Padi dan Beras Negara pada masa musim menuai padi perlulah diberi peruntukan secukupnya supaya tidak timbul sebarang masalah kepada para petani.

Sehubungan dengan itu, negeri Kedah adalah sebuah negeri jelapang padi yang mana pengeluaran sumber padi ini dapat mengeluarkan pula beras bagi menampung sebahagian besarnya rakyat jelata di negara ini. Maka mestilah pihak LPN memberi tumpuan khas kepada petani-petani di negeri Kedah supaya mereka ini giat dan memberi kerjasama kepada pihak pegawai-pegawai LPN supaya tidak menimbulkan lagi sebarang masalah. Dengan ada perhubungan di antara pegawai-pegawai LPN dengan petani-petani walaupun ada di masa lalu tetapi kita minta supaya pihak LPN menggiatkan lagi usaha perhubungan di antara petani dengan pegawai-pegawai LPN supaya jalinan kerjasama di antara satu dengan lain untuk mencapai kejayaan supaya tidak timbul lagi.

Bagi pihak kita sekarang ini mengucapkan ribuan terima kasih di dalam Dewan yang mulia ini kepada Lembaga Padi dan Beras Negara oleh kerana di akhir-akhir ini tidak timbul lagi sebarang masalah, tidak timbul lagi rungutan di dalam Dewan ini masalah-masalah LPN. Akan tetapi ada sedikit-sedikit lagi yang akan kita timbulkan, maka itu perlulah diperbaiki seterusnya.

Dengan yang demikian, saya rasa sudah sampai masanya bagi pihak LPN meningkatkan mutu pengeluaran ataupun mutu kerja di dalam segi untuk membeli padi daripada petani-petani.

Sungguhpun kita tengok di musim menuai padi ada lagi banyak lori-lori yang muat padi duduk menunggu sehingga dua tiga hari baru padi itu dimasuk ke dalam kilang. Ini kita rasa oleh kerana kemampuan LPN masih lagi tersekat oleh kerana keadaan di sekeliling kilangnya tidak cukup kawasan untuk membeli dan juga kadangkalanya petani-petani tidak kira masa membawa padi itu untuk dijual kepada kilang LPN.

Saya berasa kesal, Tuan Yang di-Pertua, terhadap kilang-kilang padi swasta oleh kerana kita tahu pihak Kerajaan telah pun memberi peruntukan sebanyak 45% untuk mereka ini membeli padi di musim menuai padi dan 55% ialah dibeli oleh kilang LPN iaitu kilang Kerajaan. Tetapi kilang swasta ini 45% pun mereka tidak beli hanya mereka beli cuma 10%-15% sahaja. Pada hal undang-undang ini telah dibuat oleh LPN supaya mereka ini membeli 45%. Saya harap pihak LPN janganlah membiarkan undang-undang ini dibuat tetapi tindakannya tidak diambil. Sekiranya kilang swasta ini tidak mahu membeli di masa musim menuai padi, pada tahun yang mereka ini hendak membaharui lesen jang

dibaharui lesen mereka kerana mereka ini melanggar peraturan LPN. Undang-undang mestilah dijalankan. Kalau ada undang-undang tetapi tidak dijalankan tidak bermakna kita membawakan undang-undang itu di Dewan yang mulia ini pada hari ini. Dengan sebab itu saya berharap kepada pihak LPN perlulah kita mengkaji semula prestasi LPN ini supaya undang-undang dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya berharap supaya pihak Kementerian Pertanian, MARDI dan juga LPN dapat bekerjasama. MARDI hendaklah semasa mereka mengkaji untuk mengeluarkan mutu benih padi supaya mengeluarkan banyak padi pada seekar mengikut anggaran MARDI ialah baru-baru ini iaitu benih padi baru boleh dikeluarkan sehingga 20-25 guni padi seekar. Tetapi sebelum mereka membuat hendaklah mereka berunding dahulu dengan pihak LPN sanggupkah LPN kalau sekiranya padi ini terlampau banyak, bolehkah beli semasa musim menuai padi.

Jadi, hendaklah ada kerjasama. Kita tidak mahu sepertimana banyak Jabatan-jabatan lain misalnya antara Telekom, JKR dan juga LLN. Bila JKR buat jalan, LLN korek, LLN tutup Telekom korek. Jadi sampai bila tidak selesai. Jadi kita mahu pihak Kementerian Pertanian bersama dengan LPN supaya ada kerjasama semasa mereka ini hendak melancarkan mutu padi untuk membanyakkan padi kepada petani-petani hendaklah capacity LPN boleh terima, kalau tidak boleh terima jangan keluar mutu benih yang banyak. Ini menjadi masalah pula kepada LPN. Tuduhan akan dibuat pula kepada LPN menyatakan LPN tidak mampu untuk hendak membeli padi pada hal yang membuatnya ialah Kementerian Pertanian.

Dengan yang demikian, perlulah ada kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan juga LPN.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak saya tidak akan mengambil panjang masa di dalam perbahasan ini, saya lagi sekali menyokong di atas suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1981.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan. Persilakan.

*8.17 mlm.*

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Othman kerana telah membangkitkan beberapa perkara mengenai pindaan Akta ini dan saya merasa terkilanlah kalau tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada negeri-negeri jelapang padi yang bangun untuk membahaskan Akta ini walaupun hari sudah agak lewat malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana bersimpati dengan LPN kerana katanya kadangkala peruntukan yang diberi kepada LPN tidak mencukupi. Saya menyanjung tinggi pandangan dan saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, setakat ini tidak pernahlah LPN tidak berkemampuan untuk membayar apa-apa bayaran yang patut dibayar kepada petani-petani. Walaupun di dalam persidangan kali ini ada peruntukan-peruntukan sebanyak \$35 juta yang dibayar terlebih dahulu dan memohon kelulusan Dewan kemudiannya, ini ialah kerana kita berpendapat pada tahun lalu iaitu pembayaran padi adalah tidak

melebihi daripada jumlah yang telah diperuntukkan. Tetapi apa yang telah berlaku ialah kita dapati petani-petani telah mendapat hasil yang lumayan yang lebih menyebabkan peruntukan yang banyak itu jika dibandingkan dengan tahun yang lalu telah tidak mencukupi.

Jadi, ini telah menunjukkan pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan juga LPN telah dapat mempertingkatkan hasil pendapatan petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi meningkatkan mutu pelaksanaan pembelian padi di Kompleks LPN dan juga dari segi pengeluaran padi pihak LPN telah pun mengkaji sistem-sistem untuk memodenkan penyelenggaraan di kompleks-kompleks gudang LPN dengan mengemukakan perubahan-perubahan seperti yang kita panggil pengendalian secara pukal. Pengendalian secara pukal ini boleh dilakukan di dua tempat. Satu di tempat di mana petani-petani itu boleh mengeluarkan hasil-hasil padi mereka dengan secara pukal dengan tidak payah memasukkan ke dalam guni tetapi boleh memasukkan padi daripada tempat-tempat tapak pertanian itu terus kepada lori-lori yang menunggu. Itu satu sistem di pengkalan. Kemudian padi yang telah dimasukkan kepada lori-lori yang telah memungut secara pukal ini, dibawa kepada kompleks LPN dan dipindahkan juga kepada tempat-tempat yang khusus di gudang LPN melalui sistem pukal juga. Ini boleh mempercepatkan masa kerana tidak payah lagi diproses melalui memasukkan ke dalam guni dan sebagainya.

Selain daripada itu, pihak LPN khususnya di negeri Kedah telah pun dapat mempertingkatkan khidmatnya dari segi penglibatan pegawai-pegawai LPN dengan petani-petani dan juga pihak-pihak Kerajaan kerana kita

telah menukarkan kepada seorang pegawai anak watan Kedah dan didapati sekarang ini tidak ada ataupun sangat-sangatlah kurang sekali, kalau ada, komplek-komplek atau perkara-perkara tidak puas hati yang dibangkitkan oleh petani-petani kerana pegawai yang telah kita tugaskan sebagai Ketua LPN Negeri Kedah sekarang ini dapat menyesuaikan dirinya dengan baik.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai penglibatan swasta dalam perkilangan ataupun pembelian padi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak LPN telah memperuntukkan sebanyak 70% penglibatan swasta di dalam proses industri padi dan pihak LPN sepatutnya hanya mengendalikan lebih kurang 30% sahaja jumlah padi yang dihasilkan. Tetapi apa yang berlaku pada tahun yang lalu ialah pihak LPN terpaksa melibatkan diri membeli dan memproses lebih 50%-60% jumlah padi yang dikeluarkan, termasuklah jenis-jenis padi IR42.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab yang demikian, maka sebab itulah terdapat kekurangan-kekurangan daripada segi kemudahan-kemudahan pihak LPN melaksanakannya kerana disebabkan oleh keadaan yang tidak diduga pada masa itu. Walau bagaimanapun, kini kita telah dapat menyesuaikan diri dengan memperkenalkan sebagaimana saya katakan tadi, percubaan-percubaan pengendalian secara pukal dan juga menambah kompleks-kompleks LPN untuk mengilang dan menyimpan padi. Oleh yang demikian, masalah-masalah padi yang dihadapi oleh petani-petani dapat dikurangkan.

Selain daripada itu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, LPN juga sedang memperkenalkan satu sistem kilang anak angkat yang mana kita mencuba pengilang-pengilang

bumiputera yang berpotensi untuk berkembang, kita berikan dia bimbingan dengan tunjuk ajar serta nasihat-nasihat di samping membuat penglibatan secara memperkenalkan kepada pihak-pihak bank dan memberikan juga nasihat dalam cara penglibatan kewangan mereka dengan harapan supaya mereka dapat berkembang dengan lebih pesat dan besar lagi. Setakat ini beberapa kilang di negeri Kedah telah pun kita pertingkatkan dan kita berkeyakinan tidak berapa lama lagi dalam beberapa tahun yang akan datang berbelas-belas buah, walaupun tidak berpuluh-puluh buah kilang bumiputera dapat dipertingkatkan lagi penglibatan mereka di dalam pembelian dan perindustrian padi ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerjasama MARDI dan LPN, setakat ini kita boleh menyatakan iaitu pihak MARDI sentiasa bekerjasama dengan LPN di dalam banyak bidang. Tetapi dalam menentukan supaya padi yang dikeluarkan oleh pihak MARDI ataupun research yang dibuat oleh MARDI itu hendaklah disesuaikan oleh LPN, pihak LPN tidak dapat menentukan supaya mereka jangan melaksanakan pembaikan atau penambahan hasil padi kerana ini akan menyebabkan kemarahan kepada petani-petani atau menyebabkan boleh jadi potensi Menteri Pertanian tergugat. Kita tidak mahu berbuat demikian, kita tidak mahu Menteri Perusahaan Awam bertelagah dengan Menteri Pertanian. Oleh yang demikian, kita tidak bercadang untuk meminta Menteri Pertanian supaya menghadkan pengeluaran padi, kalau boleh mereka keluarkan, keluarkanlah. Memang pihak LPN bersedia dan pihak Kerajaan sentiasa bersedia, kalau untuk kepentingan rakyat dan untuk kepentingan negara, pihak Kerajaan akan mencari jalan sebagaimana yang boleh untuk memberi kepuasan kepada rakyat.

Itu sahaja jawapan saya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 18* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

8.27 *mlm.*

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminta peruntukan-peruntukan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dan Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1986 adalah bertujuan untuk meminda

beberapa peruntukan-peruntukan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dan Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980 dan memasukkan satu seksyen baru iaitu Seksyen 15B dalam Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 serta memansuhkan Fasal 15 (1) (b).

Perkara-perkara yang melibatkan pindaan termasuklah seksyen-seksyen 3, 15A dan 22 bagi skim faedah-faedah kematian dan hilang upaya, seksyen-kecil 6 (2) (a) bagi perlantikan Pengerusi Panel Pelaburan, meninggikan jumlah kumpulan wang melalui seksyen-kecil 15 (1) (c) dan seksyen 1 bagi menetapkan tarikh penguatkuasaan Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Undang-undang sekarang iaitu Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 yang telah dipinda pada tahun 1980, terdapat peruntukan bagi mewujudkan Skim Faedah-faedah Kematian dan Hilangupaya kepada pencarum-pencarum wajib sahaja iaitu askar-askar atau anggota-anggota lain-lain pangkat tetapi faedah Skim tersebut telah tidak diberikan kepada pencarum-pencarum sukarela yang terdiri dari pegawai-pegawai Angkatan Tentera. Skim Faedah-faedah Kematian dan Hilangupaya ini akan membuat pembayaran-pembayaran yang sewajarnya kepada orang tanggungan seseorang pencarum yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sama ada semasa menjalankan tugasnya atau bukan bertugas dan juga kepada seseorang pencarum yang diberhentikan daripada perkhidmatan atas sebab-sebab kecacatan fikiran atau tubuh badan. Untuk membolehkan pencarum sukarela menerima faedah dari skim tersebut, Seksyen 3 Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 dan Seksyen 15A Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980 perlulah dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Faedah Kematian ini seperti jua insurans adalah untuk keadaan biasa sahaja, dengan izin, peace time, di dalam keadaan tertentu seperti peperangan atau wang tidak mencukupi, ia perlulah digantung atau diubahsuai. Bagi membolehkan Skim Faedah-faedah Kematian dan Hilangupaya ini digantung, diubah atau diberhenti atau diwujudkan semula, muka satu seksyen baru iaitu Seksyen 15B dalam Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 perlu diwujudkan. Pengwujudan Seksyen 15B adalah memberi kuasa kepada Menteri Pertahanan untuk menggantung, mengubah atau menghentikan dan membatalkan perintah penggantung skim Faedah-faedah Kematian dan Hilangupaya atas nasihat Lembaga. Pemakaian Seksyen 15B adalah untuk keadaan-keadaan tertentu sahaja sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen-kecil 6 (2) (a) Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 memperuntukkan Pengerusi Panel Pelaburan hendaklah dilantik oleh Menteri dan di antara ahli Perkhidmatan Awam. Dari pengalaman Kementerian saya, ada kalanya perlantikan Pengerusi dari sektor swasta lebih sesuai untuk tugas pelaburan. Pindaan kepada seksyen 6 (2) (a) akan membolehkan Menteri melantik sesiapa sahaja atas nasihat Lembaga sebagai Pengerusi Panel Pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 15 (1) memperuntukkan Kumpulanwang Tabung mestilah dilaburkan dalam tiga jenis pelaburan iaitu seksyen 15 (1) (a) yang mensyaratkan pelaburan dibuat tidak kurang daripada 70% di dalam pelaburan bertaraf amanah. Seksyen 15 (1) (b) mensyaratkan bahawa pelaburan tidak boleh melebihi 15% di dalam syarikat tersiar harga bukan amanah dan seksyen 15 (1) (c) menjelaskan bahawa pelaburan

tidak boleh melebihi 15% di dalam enterprise perniagaan dan perdagangan. Pelaburan di dalam syarikat-syarikat tersiar harga bukan amanah iaitu pelaburan di bawah seksyen 15 (1) (b) didapati tidak memberi pulangan yang menarik dan saham bukan amanah di pasaran saham pada kebiasaannya tidak dapat dibeli secara banyak dan jarang-jarang dapat dibeli dengan blok yang besar.

Semenjak Tabung ditubuhkan, didapati pelaburan di bawah seksyen-kecil 15 (1) (b) tidak dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Daripada jumlah maksima 15% yang dibenarkan, hanya 2% hingga 4% sahaja yang dapat dilaburkan. Maka pindaan adalah wajar untuk mentiadakan seksyen-kecil 15 (1) (b) dan meninggikan jumlah Kumpulanwang untuk tujuan pelaburan di bawah seksyen-kecil 15 (1) (c) daripada 15% kepada 30%.

Tuan Yang di-Pertua, dengan meninggikan Kumpulanwang di bawah seksyen kecil 15 (1) (c) akan memberikan flexibility, dengan izin, di dalam pelaburan Tabung di mana wang dalam Kumpulanwang yang tidak dapat dilaburkan di dalam pelaburan jenis saham tersiar harga bukan amanah seksyen 15 (1) (b) dapatlah digunakan untuk pelaburan di dalam enterpris perniagaan dan perdagangan yang memberikan pulangan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan penguatkuasaan peruntukan ke atas kelayakan pembayaran caruman, penubuhan perbadanan dan perkara-perkara berkenaan dengan Skim Faedah-faedah Kematian dan Hilangupaya secara kebelakangan pada tarikh-tarikh berlainan, maka seksyen 1 kepada Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan), 1980 perlu dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Kee Yong Wee):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 dan Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah.

8.35 *mlm.*

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu usul cadangan pindaan ke atas Akta Tabung Angkatan Tentera.

Sepertimana sebahagian daripada kita sedia maklum, sebagai anggota Angkatan Tentera yang peringkat perkhidmatannya berbagai-bagai peringkat yang saya percaya masih belum berubah - 10 + 2 tahun; 18 + 2 tahun dan 21 tahun kepada yang mereka sampai ke perkhidmatannya 21 tahun dan tidak membuat prolongation of service, dengan izin, layak kepada pencen yang dengan sendirinya boleh menjamin masa depannya, tetapi bagi mereka yang berkhidmat selama 10 tahun atau 18 tahun, mereka hanya layak kepada gratuity, dengan izin, yang mana sungguhpun mereka ada imbuhan tetapi belum terjamin berapa lama wang yang diberi secara sekali gus itu dapat bertahan dan dengan pindaan yang dibuat ini pencaharian-pencarumnya sebahagian askar-askar dapat, tetapi bila disertai oleh anggota-anggota Angkatan Tentera tetap Malaysia bagi membolehkan

sama-sama dapat faedah dari skim ini. Andainya mereka tidak terlibat dengan kematian atau hilangnya semasa bertugas, mereka ini akan dapat faedah tambahan setelah bersara nanti. Anggota-anggota Angkatan Tentera semasa berkhidmat terikat dengan syarat perkhidmatan dan disiplin tertentu dan kebanyakan mereka biasanya berada bersama keluarga antara 3 dan 4 bulan di dalam setahun dan umur semasa bersara antara 40 dan 45 tahun dan masih bertenaga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pencen yang kecil, bila ditambah dengan pendapatan tabungan maka akan mengurangkan beban mereka untuk menyesuaikan diri dalam penghidupan sebagai orang awam dan dengan tidak secara langsung akan mengurangkan beban Kerajaan dari masalah bekas-bekas perajurit, bekas-bekas anggota Angkatan Tentera mencari kerja untuk menampung hidup baru yang masih belum tentu.

Sehubungan dengan ini juga, sampailah masanya Akta ini diluluskan untuk memberi kuasa kepada Menteri melantik dari nasihat Lembaga, mana-mana orang yang pakar dalam bidang perniagaan maksud saya, untuk memberi idea-idea baru ke arah pembangunan pelaburan. Dengan kegiatan pelaburan Tabung Angkatan Tentera akan dapat diperluaskan kerana setakat ini kegiatan pelaburan begitu terhad dan wang yang berpuluh-puluh juta disimpan dalam simpanan tetap sahaja tidak dilaburkan, oleh kerana di masa-masa yang lalu Panel Pelaburan terhad kepada ahli-ahli Perkhidmatan Awam yang berkemungkinan bidang tugasnya juga terhad. Mudah-mudahan perubahan dan pindaan ini akan dapat meningkatkan lagi faedah dan keuntungan kepada anggota-anggota Angkatan Tentera dan peningkatan

penggalakkan ekonomi negara seterusnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap? Kalau tidak ada, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Persilakan.

*8.41 mlm.*

**Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat atas pandangan yang diberi oleh beliau, menyokong Rang Undang-undang yang dibahaskan pada petang ini.

Sebenarnya untuk lain-lain pangkat, caruman yang diberi kepada Tabung Angkatan Tentera ini ialah secara wajib. Untuk pegawai-pegawai yang membuat secara sukarela, jadi ini dengan izin, for saving kepada mereka apabila mereka bersara nanti. Dengan caruman-caruman daripada lain-lain pangkat, kita telah menerima sebanyak \$12.5 juta sebulan dan wang-wang yang diterima ini dilaburkan, seperti yang saya sebutkan awal tadi, di bawah seksyen-seksyen tertentu—bukan bermakna wang yang dicollect itu tidaklah dilaburkan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dengan itu, sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 8* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*8.45 mlm.*

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Ng Cheng Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976 dibaca kali yang kedua sekarang.

Sepuluh tahun yang lalu, Dewan ini telah meluluskan Akta Institut Teknologi MARA, 1976, iaitu pada bulan April, 1976, yang bertujuan antara lain menubuh, menyenggara dan mentadbirkan Institut Teknologi MARA sebagai sebuah badan korporat, di mana pentadbirannya dipindahkan dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kepada Kementerian Pelajaran.

Fungsi ITM ialah untuk melatih anak-anak Bumiputera dalam berbagai lapangan ikhtisas untuk membolehkan mereka menjadi ahli-ahli professional dan sub-professional.

Bermula dari Dewan Latihan RIDA pada tahun 1956, namanya telah ditukar kepada Maktab MARA pada tahun 1964 dan ditukar pula kepada nama yang ada sekarang iaitu Institut Teknologi MARA pada tahun 1967.

Institut Teknologi MARA telah berkembang maju dari sebuah kampus yang ada sekarang ini di Shah Alam sebagai kampus induk dengan sembilan buah kampus-kampus cawangan.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Akta Institiut Teknologi MARA dibentangkan dalam Dewan ini dahulu, sistem ejaan yang digunakan pada ketika itu ialah sistem ejaan lama. Perkataan "Institut" dieja "Institiut"—I-n-s-t-i-t-i-u-t—iaitu mengikut bunyi dalam bahasa asalnya. Walaupun pindaan ini kecil sahaja nampaknya pada mata kasar, namun ianya mempunyai implikasi undang-undang (legal implications) kerana perbezaan itu ialah pada nama badan korporat itu. Untuk menyelaraskan dengan sistem ejaan baru, maka nama Institiut Teknologi MARA hendaklah dipinda kepada "Institut—I-n-s-t-i-t-u-t—Teknologi MARA", supaya tidak berlaku apa-apa kekeliruan mengenai nama dan ejaan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak 10 tahun yang lepas, perkembangan yang pesat telah berlaku di ITM, di mana ada banyak pertukaran kakitangan antara kampus induk di Shah Alam dengan kampus cawangan dan di antara sebuah kampus cawangan dengan sebuah kampus cawangan yang lain. Pada lazimnya, pertukaran kakitangan itu adalah disebabkan oleh persaraan, cuti belajar, kenaikan pangkat atau untuk memegang jawatan-jawatan lain.

Mengikut peruntukan yang sedia ada sekarang, Menteri hendaklah melantik pengetua kampus-kampus cawangan. Memandangkan kepada

hakikat bahawa perkembangan yang begitu pesat telah berlaku di ITM, dan memandangkan kepada hakikat bahawa Menteri telah melantik Pengerusi Majlis ITM serta 11 orang ahli Majlis yang lain, dan Kementerian Pelajaran sendiri telah diwakili oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Pelajaran, serta wakil-wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan, maka adalah wajar untuk mewakilkan tugas-tugas perlantikan pengetua kampus cawangan kepada Majlis. Dengan adanya pindaan ini, proses perlantikan itu dapat dikurangkan dan perlantikan pengetua dapat dibuat dengan seberapa segera yang boleh oleh Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian bercadang juga meminda seksyen 20 bagi membolehkan lebih dari seorang Timbalan Pengarah dilantik. Pindaan ini penting kerana kerja-kerja yang kian bertambah boleh dibahagi-bahagikan antara Timbalan-timbalan Pengarah mengikut pengkhususan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, juga apabila ITM mempunyai dua orang atau lebih Timbalan Pengarah, maka dalam ketiadaan Pengarah, salah seorang daripada Timbalan-timbalan Pengarah itu akan dilantik untuk memangku jawatan Pengarah. Dalam peruntukan yang ada sekarang, secara automatik Timbalan Pengarah akan memangku jawatan Pengarah. Dalam pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 20 itu, Menteri hendaklah menamakan Timbalan Pengarah yang mana satu akan memangku jawatan Pengarah mengikut kesesuaian masa dan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bagi Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1986 ini diwujudkan dengan meminda ejaan daripada "Institiut"—I-n-s-t-i-t-i-u-t—kepada "Institut"—I-n-s-t-i-t-u-t—selaras dengan sistem ejaan yang betul.

Cadangan pindaan kedua ialah khusus untuk mengemas dan melicinkan lagi perjalanan Institut dengan mewakilkan tugas Menteri membuat perlantikan Pengetua-pengetua Kampus Cawangan kepada Majlis ITM. Dengan adanya pindaan ini maka adalah diharapkan bahawa pihak Majlis ITM akan mengambil tindakan perlu untuk membuat perlantikan sekiranya berlaku kekosongan dengan seberapa segera yang boleh. Dengan menambahkan bilangan Timbalan Pengarah dari seorang kepada lebih daripada seorang, maka perjalanan dan pentadbiran Institut sebagai sebuah institut pengajian tinggi akan diselaraskan dengan amalan yang terdapat di universiti-universiti lain dalam negara ini. Oleh kerana tiap-tiap orang Timbalan Pengarah masing-masing mempunyai tugas dan tanggungjawab yang khusus, maka pindaan ini akan dapat memberi khidmat dengan lebih berkesan kepada perkembangan Institut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA, 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tiada perbincangan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

1617

18 APRIL 1986

1618

Rang Undang-undang ditim-  
bangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-  
pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan jadi  
sebahagian daripada Rang Undang-  
undang.

Rang Undang-undang dilaporkan  
dengan tidak ada pindaan: dibacakan  
kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli  
Yang Berhormat, Dewan yang mulia  
ini ditangguhkan sekarang kepada  
suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul  
8.55 malam.*